

DN.15.5.96

**MALAYSIA**

**DEWAN NEGARA**

**Rabu, 15hb. Mei, 1996**

**Mesyuarat dimulakan pada pukul 2.30 petang**

**D O A**

[Tuan Yang di-Pertua *mempengerusikan Mesyuarat*]

---

**JAWAPAN-JAWAPAN MULUT BAGI PERTANYAAN-  
PERTANYAAN**

**PERKAHWINAN DENGAN PEKERJA ASING -  
KERAKYATAN SUAMI**

1. **Puan Hajah Rahaiah binti Baهران** minta Menteri Dalam Negeri menyatakan kebenaran terjadinya perkahwinan di antara pekerja wanita rakyat Malaysia yang bekerja di sektor industri dengan lelaki pekerja asing yang bekerja di sektor yang sama. Minta jelaskan kedudukan mereka apabila suami mereka balik ke negara asal selepas habis tempoh kontrak dan adakah anak-anak hasil perkahwinan ini akan menghadapi masalah kewarganegaraan dan lain-lain lagi. Di dalam hal ini adakah kerajaan bercadang memberi kelonggaran kepada suami-suami ini untuk mendapat kerakyatan Malaysia.

**Timbalan Menteri Dalam Negeri [Tuan Ong Ka Ting]:** Tuan Yang di-Pertua, tidak dapat dinafikan berlakunya perkahwinan di antara pekerja asing dengan wanita warganegara Malaysia. Walau bagaimanapun, Kementerian Dalam Negeri tidak mempunyai perangkaan mengenai kes-kes tersebut. Taraf kewarganegaraan wanita-wanita tersebut adalah tidak terjejas dan anak-anak yang dilahirkan di Malaysia adalah warganegara secara berkuatkuasa undang-undang, dengan izin, by operation of law.

Tuan Yang di-Pertua, syarat-syarat orang asing untuk menjadi warganegara adalah ditetapkan oleh Perkara 19(1) Perlembagaan Persekutuan iaitu telah mencapai umur 21 tahun atau lebih dan telah bermastautin di negara ini selama 12 tahun dari tempoh memperolehi taraf pemastautin tetap, berkelakuan baik dan mempunyai pengetahuan yang memadai dalam bahasa Malaysia. Kerajaan tidak bercadang untuk melonggarkan syarat-syarat tersebut bagi pekerja-pekerja asing semata-mata kerana mereka berkahwin dengan wanita warganegara Malaysia.

**Tuan Ding Seling:** Tuan Yang di-Pertua, soalan tambahan. Saya ingin bertanya kepada Timbalan Menteri Dalam Negeri, beliau nyatakan tadi tidak ada angka mengenai warganegara yang berkahwin dengan orang asing. Soalannya ialah adakah perkahwinan mereka itu sah? Kalau sah, saya rasa ini adalah direstui oleh authority tempatan, oleh yang demikian saya rasa adalah patut sekiranya Timbalan Menteri Dalam Negeri dapatkan angka-angka itu. Sekiranya tidak sah, kerana Timbalan Menteri Dalam Negeri tidak angka, maka apakah yang akan berlaku kepada mereka yang berkahwin tadi dan seterusnya anak mereka?

**Tuan Ong Ka Ting:** Tuan Yang di-Pertua, perkahwinan yang disebutkan itu ada di antara mereka itu adalah sah dan ada juga di antaranya tidak sah. Bagi mereka yang sah ialah mereka yang telah mendaftar dengan JPN, maka dalam rekod kerajaan memang ada rekod bahawa seseorang asing

itu telah berkahwin tetapi kerajaan tidak menganalisis angka-angka itu mengikut sama ada dia pekerja asing ataupun siapa, selalunya kita hanya simpan rekod bahawa perkahwinan itu telah berlaku dan didaftarkan. Mungkin pada satu hari nanti kita boleh buat satu analisa apabila sistem pengkomputeran kita itu lebih canggih.

Selain daripada itu, di antara mereka yang dikatakan tidak sah itu ialah mereka berkahwin tanpa daftar. Kalau tanpa daftar, sekiranya ibu adalah warganegara dan telah melahirkan anak dan di dalam Sijil Kelahiran nama ibu itu telah pun dicatat dan ibu itu adalah orang Malaysia, maka anak itu tetap akan menjadi warganegara Malaysia. Dari segi bapa pula, kalau dia tidak didaftar dan bukan orang di sini, dia tidak akan memberi apa-apa pengaruh terhadap taraf kewarganegaraan anak itu.

**Dato' Haji Mohd. Zuki bin Kamaluddin:** Tuan Yang di-Pertua, bakal-bakal pengantin ini yang berkahwin akhirnya sah, untuk kita tidak mencemarkan kesihatan anak-anak kita di Malaysia ini adakah mereka ini membuat satu pemeriksaan doktor sebelum mereka ini berkahwin sebab maklum sahajalah mereka ini datang daripada negeri-negeri yang kadang-kadang kesihatan mereka tidak terjamin?

**Tuan Ong Ka Ting:** Tuan Yang di-Pertua, ini juga kena tengok dari segi sama ada pekerja asing itu sah atau tidak. Kalau sah, pekerja asing yang sah itu memang semua perlu, mesti dan diwajibkan terlebih dahulu diperiksa secara perubatan dulu sebelum permit kerja diberi atau dibaharui. Tetapi kalau

mereka ini pendatang tanpa izin, memang tidak ada sesiapa pun dapat memastikan seseorang daripada luar itu sama ada selamat atau sihat ataupun tidak.

**Tuan N. Marimuthu:** Tuan Yang di-Pertua, adakah Timbalan Menteri Dalam Negeri sedar masalah perkahwinan di antara pekerja wanita rakyat Malaysia dengan lelaki pekerja asing khususnya dari Bangladesh wujud di sektor ladang juga. Jika sedar, adakah kementerian pernah mengambil apa-apa tindakan untuk menangani masalah tersebut?

**Tuan Ong Ka Ting:** Tuan Yang di-Pertua, sebenarnya kerajaan tidak menggalakkan langsung pekerja asing itu untuk berkahwin di Malaysia. Mereka datang adalah semata-mata untuk bekerja dalam satu tempoh yang singkat dan paling lama pun tidak boleh lebih daripada 5 tahun, oleh sebab itu kita tidak galakkan tetapi manusia ini susah kita hendak kawal. Kalau dia sudah jatuh cinta, dia sudah kahwin, [*Ketawa*] maka dari segi perikemanusiaan kita kena tengok apakah masalah yang timbul, sama ada anak sudah lahir ataupun masalah-masalah lain. Kita kena tengok dari segi sosial dan dari segi perikemanusiaan. Itu adalah terpaksa kita timbang secara ‘case by case’, tidak ada dasar keseluruhan.

**Tuan Yang di-Pertua:** Jadi jawabnya, sedarlah! Dia tanya sedar ataupun tidak? [*Ketawa*]

**Tuan Ong Ka Ting:** Oh, memang sedar.

## **LAPANGAN TERBANG KOTA KINABALU - CADANGAN ROMBAK SISTEM PEMERIKSAAN KESELAMATAN**

2. **Tuan Abdul Rashid bin Haji Ismail** minta Menteri Pengangkutan menyatakan apakah kementerian bercadang merombak semua sistem pemeriksaan keselamatan Lapangan Terbang Antarabangsa Kota Kinabalu berikutan kes penyeludupan senjata api di Lapangan Terbang itu baru-baru ini.

**Setiausaha Parlimen Kementerian Pengangkutan [Tuan Chor Chee**

**Heung]:** Tuan Yang di-Pertua, pada masa sekarang sistem pemeriksaan Lapangan Terbang Antarabangsa Kota Kinabalu dan juga lapangan-lapangan terbang lain di Malaysia yang sedia ada adalah mengikut piawaian-piawaian keselamatan yang ditetapkan oleh International Civil Aviation Organisation ataupun dikenali sebagai ICAO. Kaedah undang-undang yang berkaitan dengan keselamatan penerbangan awam yang ditetapkan dalam Akta Penerbangan Awam dan syarat-syarat keselamatan yang ditetapkan dalam lesen operasi yang dikeluarkan oleh Menteri Pengangkutan kepada Malaysia Airport Bhd. (MAB) sebagai operator lapangan-lapangan terbang di Malaysia. Jabatan Penerbangan Awam (DCA) sebagai badan kawal selia yang berkuasa untuk memastikan supaya MAB mematuhi piawaian-piawaian keselamatan sepertimana yang tersebut di atas.

Akibat kejadian penyeludupan senjata api di Lapangan Terbang Antarabangsa Kota Kinabalu, Kerajaan sedang mengkaji masalah tersebut untuk mengenal pasti kelemahan-kelemahan yang masih wujud dalam sistem pengawalan keselamatan dan seterusnya membuat perakuan-perakuan secara terperinci ke atas meningkatkan peraturan-peraturan keselamatan di lapangan-lapangan terbang Malaysia.

**Puan Mastika Junaidah binti Husin:** Tuan Yang di-Pertua, soalan tambahan. Berkaitan dengan penyeludupan senjata api yang telah pun

dibincangkan dengan begitu meluas di akhbar baru-baru ini, saya ingin bertanya kepada kementerian, adakah ia sebagai penyeludupan ataupun terlepas pemeriksaan oleh pihak yang berkuasa?

**Tuan Chor Chee Heung:** Tuan Yang di-Pertua, bagi menjawab soalan yang dibangkitkan oleh Ahli Yang Berhormat, ingin saya memberitahu bahawa buat masa ini didapati dua atau tiga orang pegawai yang sedikit cuai dalam kerja ataupun tanggungjawab mereka. Walaupun mereka yang terlibat ini telah pun di ambil tindakan tatatertib, walau bagaimanapun satu kajian terperinci sedang dijalankan dan juga pada masa ini satu mesyuarat telah pun di adakan di antara wakil-wakil kerajaan negeri-negeri di negara kita supaya satu senarai protokol yang baru dapat diadakan dan sebaik sahaja senarai ini dibuat, ianya akan dihantarkan kepada JPM untuk kelulusan.

**Tuan Hanipah bin Ahmad:** Tuan Yang di-Pertua, soalan tambahan. Saya minta penjelasan. Apakah jenis kesesuaian yang telah dilakukan ataupun terpaksa dilakukan?

**Tuan Chor Chee Heung:** Yang Berhormat, sila ulang semula soalan.

**Tuan Hanipah bin Ahmad:** Apakah jenis 3 jenis kecuaiian yang telah dilakukan oleh pihak pegawai yang berkenaan ataupun adakah mereka ini terpaksa melakukan.....

**Tuan Yang di-Pertua:** Melakukan kecuaiian? Baiklah.

**Tuan Chor Chee Heung:** Tuan Yang di-Pertua, setakat ini mengikut penyiasatan yang telah dijalankan oleh pihak berkenaan, di dapati bahawa pegawai yang terlibat memang tidak memenuhi tanggungjawab mereka dan memang tidak dapat, buat peringkat ini untuk mengesahkan sama ada mereka sengaja melakukan kecuaiatan ataupun sebaliknya mereka betul-betul cuai dalam tanggungjawab mereka.

### **DADAH - JUMLAH PUSAT PEMULIHAN**

- 3. Puan Kian Sit Har** minta Menteri Dalam Negeri menyatakan:
- (a) setakat ini berapakah jumlah pusat pemulihan dadah di seluruh negara. Sila nyatakan tempat-tempatnya; dan berapakah jumlah penagih dadah di pusat-pusat tersebut; dan
  - (b) memandangkan jumlah penagih dadah kian bertambah, apakah rancangan dan tindak kementerian dalam membanteras kegiatan ini dan peluang-peluang yang disediakan untuk mereka kembali ke pangkuan masyarakat.

**Timbalan Menteri Dalam Negeri [Tuan Ong Ka Ting]:** Tuan Yang di-Pertua;

- (a) Untuk makluman Yang Berhormat dan Dewan yang mulia ini, jumlah pusat pemulihan dadah di seluruh negara ini adalah sebanyak 28 buah dan jumlah penagih di pusat-pusat tersebut adalah dalam satu lampiran yang saya akan sampaikan kepada Yang Berhormat. Oleh kerana terlalu panjang, saya hanya sebut tempat-tempatnya sahaja iaitu di Tampoi, Muar, Tampin, Jelebu, Dengkil, Sungai Besi, Perluh, Rawang,

Sungai Petani, Karangan, Sungai Merchong, Serdang, Bukit Chabang, Bukit Mertajam, Kampang Selamat, Kambang, Kemumin, Besut, Jeli, Karat, Raub, Jerantut, Kuching, Serendah, Tiang Dua, Sungai Ruang, Bukit Kurau dan Benta. Jumlah penagih yang berada di semua pusat-pusat ini adalah 17,562 orang.

- (b) Untuk menangani jumlah penagih dadah yang kian bertambah, beberapa pendekatan baru telah diambil oleh kementerian. Pertamanya penubuhan Agensi Dadah Kebangsaan. Agensi ini merangkumi Pasukan Petugas Antidadah serta Jabatan Narkotik Polis Di-Raja Malaysia. Ini bermakna seluruh kegiatan antidadah dapat dilaksanakan dan diselaraskan di bawah satu agensi yang khusus. Di samping itu juga Majlis Dadah Kebangsaan telah diwujudkan di mana fungsinya ialah untuk menggubal dasar-dasar yang berkaitan dengan dadah. Melalui penggabungan ketiga-tiga agensi ini, seluruh aktiviti pencegahan, penguatkuasaan dan pemulihan dadah dapat diselaras dan dijalankan dengan lebih berkesan. Mengenai peluang-peluang yang disediakan sebelum mereka kembali ke pangkuan masyarakat, penagih yang menerima rawatan dan pemulihan di pusat-pusat serenti diberi



bimbingan di dalam aspek kesediaan mental, fizikal serta latihan kemahiran yang bersesuaian. Pelatih-pelatih juga dikehendaki mengikuti program bimbingan di Pusat Jagaan Lanjutan selama 6 bulan. Di pusat ini mereka diserapkan kepada latihan kerja serta menjalani proses integrasi sosial sebelum mereka kembali ke pangkuan keluarga dan masyarakat.

**Tuan Eng Hoi Choo:** Tuan Yang di-Pertua, soalan tambahan. Memandangkan bilangan penghisap dadah ini semakin bertambah, adakah kerajaan bercadang supaya lesen dikeluarkan kepada pihak swasta untuk menubuhkan pusat pemulihan dadah untuk membantu kerajaan mengatasi masalah ini.

**Tuan Ong Ka Ting:** Tuan Yang di-Pertua, pada masa ini kerajaan memang membenarkan ataupun mengeluarkan lesen bagi pihak swasta. Apa yang sebenarnya berlaku ialah antara penganjur yang berminat itu mereka sentiasa ingat dari segi komersil. Kalau terlalu komersil kita kena jaga, apakah kesannya. Kita lebih menggalakkan badan-badan sukarela, kalau hendak dapatkan bayaran pun, jangan terlalu komersil sangat sebab ini adalah tanggungjawab sosial dan kerajaan memang memberi lesen.

**Tuan Ng See Tiong:** Tuan Yang di-Pertua, soalan tambahan. Saya harap mendapat penjelasan daripada Yang Berhormat Timbalan Menteri, adakah pihak kementerian atau agensi antidadah atau pihak polis mengadakan sebarang rekod tentang peribadi, kelakuan, tingkah laku dan akhlak seseorang penagih dadah selepas mereka keluar daripada pusat pemulihan. Jika ya, cara bagaimana rekod ini dijalankan dan berapa lamakah rekod ini akan disimpan. Jika tidak, apa sebabnya?

**Tuan Ong Ka Ting:** Tuan Yang di-Pertua, kerajaan memang mempunyai rekod peribadi terhadap penagih-penagih ataupun bekas-bekas penagih, terutamanya mereka yang pernah masuk ke pusat serenti dan buat masa kini, dengan tertubuhnya agensi dadah kebangsaan dan juga setelah kita membahagi-bahagikan tugas kepada beberapa bahagian, salah satu bahagian ialah penyelidikan/penganalisa. Saya rasa dengan adanya satu agensi kebangsaan ini penyelidikan ini akan lebih sempurna dengan adanya kelengkapan-kelengkapan dan pegawai-pegawai yang khas, maka kita boleh memperbaiki lagi cara ataupun sistem penyimpanan rekod ini. Oleh sebab adanya rekod inilah, kerajaan tahu yang mana seseorang itu adalah orang yang ‘berulang’, ‘hardcore’ ‘medium-core’ dan sebagainya. Saya rasa inilah.....

**Tuan Yang di-Pertua:** Ada juga medium-core, ya?

**Tuan Ong Ka Ting:** Ada - hardcore, medium-core dan soft-core.

*[Ketawa]*

#### **GURU BAHASA TAMIL - ATASI KEKURANGAN**

4. **Dato’ V.K. K. Teagarajan** minta Menteri Pendidikan menyatakan:

- (a) sama ada Kementerian Pendidikan dapat mempertimbangkan mengadakan kuota untuk pengambilan Guru Bahasa Tamil khususnya untuk mengatasi masalah kekurangan guru-guru Bahasa Tamil di SRJK(T); dan
- (b) sama ada keutamaan (prioriti) akan diberi kepada calon-calon yang mahir dalam mata pelajaran Bahasa Tamil di peringkat SPM/STPM apabila mengadakan amalan pengambilan guru.

**Timbalan Menteri Pendidikan [Datuk Dr. Fong Chan Onn]:** Tuan Yang di-Pertua,

- (a) Pengambilan calon untuk semua kursus perguruan termasuk untuk bidang pengkhususan Pengajian Tamil di maktab-maktab perguruan adalah berdasarkan unjuran keperluan guru-guru di sekolah-sekolah. Walau bagaimanapun, tidak ramai calon berkelayakan telah memohon untuk mengikuti kursus perguruan dalam bidang Pengajian Tamil menyebabkan unjuran tidak dapat dipenuhi. Setakat ini, Kementerian Pendidikan telah mengambil kesemua calon yang memohon untuk mengikuti kursus tersebut sekiranya mereka memenuhi syarat kelayakan minimum yang diperlukan.
- (b) Setakat ini, kesemua calon yang memohon untuk mengikuti kursus perguruan dalam bidang pengkhususan Pengajian Tamil telah diterima masuk sekiranya mereka memenuhi syarat kelayakan minimum yang diperlukan untuk kursus tersebut.

**Tuan Yang di-Pertua:** Sila Dato' Dr. T. Marimuthu. Dua orang Marimuthu di sini ya?

**Dato' Dr. T. Marimuthu:** Ya, Tuan Yang di-Pertua, ini Dato' Dr. Marimuthu.

**Tuan Yang di-Pertua:** Baik, baik! *[Ketawa]* Satu lagi tak ada Dato'?

**Dato' Dr. T. Marimuthu:** Tuan Yang di-Pertua, soalan tambahan.

**Tuan Yang di-Pertua:** Sila!

**Dato' Dr. T. Marimuthu:** Saya ingin tahu daripada Yang Berhormat Timbalan Menteri mengenai langkah-langkah yang diambil oleh Kementerian Pendidikan untuk melatih guru-guru bahasa Mandarin dan Tamil bagi melaksanakan pengajaran bahasa-bahasa ini dalam masa kurikulum sekolah.

Yang kedua, berapakah bilangan sekolah-sekolah rendah pada masa sekarang yang mengajar bahasa Mandarin dan Tamil dalam masa kurikulum sekolah.

**Tuan Yang di-Pertua:** Yang Berhormat, cuba rangkumkan kedua-dua soalan itu sekali ya?

**Datuk Dr. Fong Chan Onn:** Ya! Tuan Yang di-Pertua, untuk makluman Yang Berhormat Dato' Dr. T. Marimuthu [Ketawa], langkah-langkah yang Kementerian Pendidikan telah ambil dan akan terus mengambil, ia termasuk pelaksanaan semula kursus dalam cuti di mana kita memberi kelonggaran kepada guru-guru sandaran termasuk guru-guru sandaran dalam bidang Pengajian Tamil dan Mandarin untuk mengikuti kursus tersebut. Ini termasuk mereka yang belum mempunyai kredit dalam Bahasa Malaysia tetapi telah berkhidmat sebagai Guru Sandaran dengan syarat bahawa dalam tempoh latihan, mereka perlulah dapat kredit dalam Bahasa Malaysia.

Mulai bulan Julai sesi ini kita akan naikkan gaji untuk calon-calon yang akan keluar dari maktab perguruan, ini termasuk mereka yang dapat latihan dalam bidang pengajian bahasa Tamil dan Mandarin.

Mengenai dengan soalan bila kedua-dua bahasa ini diajar di sekolah-sekolah, buat masa ini, Kementerian Pendidikan telah melaksanakan program untuk menaikkan pengajaran dan pembelajaran bahasa Tamil dan bahasa Cina di semua sekolah termasuk sekolah kebangsaan secara berperingkat-peringkat.

Tahun ini kita laksanakan program ini di lebih kurang 300 buah sekolah kebangsaan dan kedua-dua bahasa ini diajar dalam waktu biasa iaitu di waktu biasa sekolah tersebut dan kita mendapat sambutan yang baik kerana mengikut feedback yang kita dapati sekarang, ada lebih kurang 45,000 pelajar-pelajar yang mengikuti program tersebut di sekolah-sekolah rendah.

**Tuan Haji Abu Bakar bin Haji Ismail:** Tuan Yang di-Pertua, soalan tambahan. Adakah pencapaian di sekolah-sekolah Tamil dan sekolah-sekolah jenis kebangsaan Cina ini bergantung kepada kurang ataupun cukupnya guru-guru yang mahir di dalam bahasa-bahasa yang berkenaan.

**Datuk Dr. Fong Chan Onn:** Tuan Yang di-Pertua, memang itu merupakan satu masalah yang kementerian hadapi dan kita akan terus melaksanakan program-program untuk memperluaskan guru-guru yang akan mendapat latihan dalam kedua-dua bahasa ini.

**LRT - MENGURANG KESESAKAN LALU LINTAS**

5. **Datin Hajah Wan Intan binti Haji Wan Ahmad Tajuddin** minta Menteri Pengangkutan menyatakan:

- (a) sama ada kesesakan lalu lintas di Kuala Lumpur dan sekitar kawasan Lembah Kelang dapat dikurangkan 50% apabila LRT disiapkan dan berjalan mengikut yang dijadualkan; dan
- (b) sumbangan pengangkutan awam lain seperti kereta api komuter, bas dan teksi sangat teruk pada masa ini.

**Tuan Chor Chee Heung:** Tuan Yang di-Pertua,

(a)Perkhidmatan LRT Sistem I, Fasal I dan II dan LRT Sistem II

apabila beroperasi sepenuhnya kelak akan dapat membantu mengurangkan tahap kesesakan lalu lintas di Bandaraya Kuala Lumpur dan sekitar Lembah Kelang. Walau bagaimanapun, setakat ini adalah sukar untuk meramalkan tahap pengurangan ini, sama ada atau tidak ianya mencapai ke tahap 50% pengurangan.

- (b) Perkhidmatan pengangkutan awam lain seperti kereta api komuter, bas dan teksi di Kuala Lumpur dan kawasan Lembah Kelang, akan juga menyumbang ke arah mengurangkan tahap kesesakan lalu lintas yang dialami pada masa ini.

Pada keseluruhannya, adalah dijangka perkhidmatan pengangkutan awam termasuklah

pengangkutan LRT, akan dapat meningkatkan peratusan perjalanan di Kuala Lumpur melalui perkhidmatan pengangkutan awam yang dianggarkan hanya sebanyak 30% daripada semua perjalanan pada masa ini.

**Puan Hajah Rahaiah binti Baheran:** Tuan Yang di-Pertua, soalan tambahan. Adakah kementerian sedar teksi-teksi yang ada di kawasan Kuala Lumpur dan Lembah Kelang yang memilih tempat untuk menghantar penumpang-penumpang mereka. Kadangkala ada masanya bahawa penumpang-penumpang masuk teksi dan keluar balik setelah di tolak perkhidmatan tersebut dan jika sedar apakah tindakan kerajaan di atas perkara tersebut.

**Tuan Chor Chee Heung:** Tuan Yang di-Pertua, untuk menjawab soalan yang dibangkitkan oleh Ahli Yang Berhormat, sebenarnya secara tidak rasmi kementerian sedar tentang kelakuan yang ditunjuk oleh pemandu-pemandu teksi tetapi malangnya hingga hari ini tidak terdapat sebarang pengaduan yang rasmi supaya kementerian dapat mengambil perhatian ataupun mengambil tindakan.

Sebenarnya, Ahli Yang Berhormat sendiri kalau telah kena sebagai salah seorang mangsa, kemungkinan Ahli Yang Berhormat dapat membuat satu aduan supaya kita dapat mengambil tindakan pantas.

**Tuan Yang di-Pertua:** Supaya sedar dengan rasmilah!

**PEMBANGUNAN DI BUKIT GASING -  
ELAK PENCEMARAN & HAKISAN**

6. **Dato' Haji Zainal bin Md. Deros** minta Menteri Sains, Teknologi dan Alam Sekitar menyatakan sama ada kementerian akan mengelakkan pencemaran alam sekitar dan hakisan tanah dengan tidak membenarkan kerja-kerja pembangunan terutama di kawasan hijau di Bukit Gasing, Petaling Jaya, Selangor Darul Ehsan.

**Timbalan Menteri Sains, Teknologi dan Alam Sekitar [Dato' Abu Bakar bin Daud]:** Tuan Yang di-Pertua, untuk makluman Ahli Yang Berhormat, pembangunan di kawasan hijau Bukit Gasing, Petaling Jaya, Selangor adalah di bawah bidang kuasa pihak berkuasa tempatan (MPPJ).

Pembangunan di Bukit Gasing tidak tertakluk kepada Perintah Kualiti Alam Sekeliling, aktiviti yang ditetapkan penilaian kesan kepada alam sekeliling 1987.

Walau bagaimanapun, Kementerian Sains, Teknologi dan Alam Sekitar akan bekerjasama dengan pihak berkuasa tempatan dalam menangani masalah hakisan tanah dan pencemaran udara yang timbul akibat daripada aktiviti-aktiviti pembangunan tanah tersebut.

#### **HIV - PENGGUNAAN ALAT MENGUJI YANG ROSAK**

7. **Tuan Ng See Tiong** minta Menteri Kesihatan menyatakan adakah tindakan telah diambil oleh pihak kementerian terhadap 26 pusat perubatan swasta termasuk 8 makmal diagnosis yang dikenal pasti menggunakan peralatan yang rosak bagi menguji jangkitan HIV.

**Setiausaha Parlimen Kementerian Kesihatan [Dato' M. Mahalingam]:** Tuan Yang di-Pertua, Kementerian Kesihatan telah mengeluarkan arahan kepada semua pusat perubatan swasta dan makmal diagnosis swasta yang menggunakan peralatan ujian saring HIV yang rosak supaya memberhentikan penggunaan peralatan dari jenis yang sama dengan serta-merta dengan mengembalikan peralatan tersebut kepada Abbot



Laboratories Malaysia Sdn. Bhd. Manakala semua penderma darah dan pesakit yang telah diuji dengan menggunakan alat ujian ini dikehendaki dihubungi semula dan dilakukan ujian ulangan dengan peralatan yang sesuai. Arahan yang sama telah dikeluarkan kepada Syarikat Abbot Laboratories Malaysia Sdn. Bhd. iaitu syarikat yang mengedarkan peralatan tersebut supaya menghentikan pengedaran peralatan ini dengan serta-merta dan menarik balik semua peralatan yang telah diedarkan daripada pasaran dengan serta-merta.

**Tuan Ng See Tiong:** Tuan Yang di-Pertua, soalan tambahan. Adakah tindakan yang telah diambil terhadap pusat perubatan yang menggunakan peralatan yang rosak dan apakah tindakannya? Yang kedua, apakah jenis.....

**Tuan Yang di-Pertua:** Tuan Ng, cuma satu soalan tambahan sahaja.

**Tuan Ng See Tiong:** Soalan ini pun sama dengannya. Apakah jenis dan model dan buatan peralatan yang digunakan oleh 55 pusat saringan darah Kementerian Kesihatan termasuk institut perubatan dan hospital negeri? Sekian.

**Dato' M. Mahalingam:** Tuan Yang di-Pertua, saya ingat salah faham perkara ini. Saya beri satu keterangan memang Yang Berhormat boleh faham. Terdapat empat jenis alat ujian (test kit) saringan HIV sahaja yang diedarkan oleh Abbot Laboratories Malaysia Sdn. Bhd. di Malaysia ini. Satu, Abbot EIA HIV 1, HIV II 3rd generation; kedua, AXSYM HIV 1, HIV II 3rd generation, ketiga Abbot Test Pack HIV 1, HIV II Assist dan keempat, IMX HIV 1, HIV II

3rd generation Plus. Inilah defectivenya. Daripada keempat-empat alat ujian ini hanya IMX HIV I, HIV II 3rd generation Plus yang didapati mempunyai defect dalam menjalankan ujian saring HIV di mana ia gagal mengesan sejumlah kecil contoh darah yang mempunyai kadar antibody terhadap HIV yang tinggi dengan memberi hasil ujian yang false negative. Daripada sejumlah 2.5 juta test yang dilakukan, didapati alat ujian ini telah memberi 4 hasil yang false negative iaitu masing-masing, satu di Perancis dan Sepanyol dan dua di United Kingdom, bukan negara kita.

**Puan Kamilia binti Ibrahim:** Tuan Yang di-Pertua, soalan tambahan. Adakah mekanisme yang digunakan oleh Kementerian Kesihatan efektif dan mencukupi untuk mengawal salah guna atau salah cara pemeriksaan penyakit HIV? Terima kasih.

**Dato' M. Mahalingam:** Tuan Yang di-Pertua, ada. *[Ketawa]*

**Tuan Yang di-Pertua:** *[Ketawa]* Ha, itu jawapan yang cukup panjang. Tuan Ng, dah sudah, lagi sekali?

**Tuan Ng SeeTiong:** Tuan Yang di-Pertua, tadi Yang Berhormat tidak menjawab soalan saya, apakah tindakan yang diambil terhadap pusat perubatan..... *[Ketawa]*

**Tuan Yang di-Pertua:** Ini, Tuan Ng, sudah lapse sedikitlah, sudah lapse satu round. Jadi, saya ingat tidak apalah ya.

**LENCONGAN LEBUH RAYA KAWASAN JASIN -  
MENYEGERAKAN PEMBINAAN**

8. **Tuan Haji Abdul Majid bin Haji Baba** minta Menteri Kerja Raya menyatakan pihak kementerian akan menyegerakan membina lencongan (bypass) di lebuh raya kawasan Jasin. Dengan segera terbinanya lencongan (bypass) ini akan menyegerakan pertambahan kepesatan perkembangan sektor ekonomi di kawasan Jasin.

**Setiausaha Parlimen Kementerian Kerja Raya [Tuan Yong Khoo Seng]:** Tuan Yang di-Pertua, untuk makluman Ahli Yang Berhormat sebuah persimpangan bertingkat (interchanged) akan dibina di Lipat Kajang, Daerah Jasin, Melaka di bawah Rancangan Malaysia Ketujuh. Persimpangan tersebut akan terletak di lokasi di mana Lebuh raya Utara - Selatan melintasi jalan negeri laluan M25 iaitu dari Jasin ke Merlimau. Tapak persimpangan bertingkat ini di Lipat Kajang telah dikenal pasti dan dipersetujui oleh pihak kerajaan negeri. Kos keseluruhan projek ini dianggar sebanyak RM40 juta.

Tuan Yang di-Pertua, kewujudan persimpangan bertingkat di Lipat Kajang dijangka dapat memberi sumbangan ke arah pembangunan ekonomi negeri Melaka terutamanya pembangunan bagi Daerah Jasin dan Merlimau. Ianya juga dapat memberi kemudahan kepada pelancong dan pelabur yang akan ke Melaka. Di samping itu persimpangan bertingkat ini juga akan dapat meningkatkan perkhidmatan pengangkutan jalan raya di kawasan perindustrian Merlimau serta memudahkan pengangkutan ke Muar dan ke arah Selatan.

**Tuan Haji Abdul Majid bin Haji Baba:** Tuan Yang di-Pertua, soalan tambahan. Terima kasihlah kalau dilaksanakan perancangan tersebut. Tetapi saya ingin tahu berhubung dengan pengambilan tanah di kawasan tersebut

sebab saya harap jangan berlaku sebagaimana pengambilan oleh Petronas di Kampung Tanah Merah, Melaka. Jadi, kejadian tersebut tidak mahu berulang lagi. Bagaimanakah pembayaran pengambilannya akan diambil apabila dilaksanakan?

**Tuan Yong Khoon Seng:** Tuan Yang di-Pertua, dalam rancangan ini, projek ini akan terlibat juga memberi pampasan kepada pihak tuan punya tanah dengan peruntukan RM4 juta.

#### **PEMBINAAN LAPANGAN TERBANG ANTARABANGSA BAGI UTARA SEMENANJUNG - RASIONAL**

9. **Puan Faridah binti Abu Hassan** minta Menteri Pengangkutan menyatakan:

- (a) rasional di sebalik cadangan membina lapangan terbang antarabangsa bagi utara Semenanjung. Adakah kewujudannya nanti akan memberikan implikasi jangka panjang terhadap kompleks KLIA di Sepang; dan
- (b) cadangan-cadangan tapak yang telah dikenalpasti.

**Setiausaha Parlimen Kementerian Pengangkutan [Tuan Chor Chee Heung]:** Tuan Yang di-Pertua, untuk makluman Ahli-ahli Yang Berhormat cadangan untuk mengadakan sebuah lapangan terbang antarabangsa bagi Utara Semenanjung ataupun dikenali sebagai Lapangan Terbang Antarabangsa Wilayah Utara adalah berasaskan kepada keperluan jangka masa panjang memandangkan kepada pertumbuhan trafik yang menggalakkan bagi tempoh 10 tahun yang lepas dan keupayaan lapangan-lapangan terbang yang sedia ada

di Utara untuk menampung pertumbuhan trafik udara yang diunjurkan bagi tempoh jangka masa panjang.

Sebagai makluman, satu kajian prakemungkinan telah pun dijalankan bagi projek ini oleh kerajaan. Bagaimanapun, kerajaan masih dalam proses memberi pertimbangan atas pemilihan satu tapak yang sesuai dan di samping itu mengenal pasti kesan pembinaan projek ini atas KLIA yang kerajaan berhasrat menjadikan sebagai pintu masuk utama ke Malaysia dan hag, dengan izin, bagi rantau ini. Dengan pendek kata, projek ini masih dalam peringkat kajian awal kerajaan.

Tuan Yang di-Pertua, berkenaan dengan soalan mengenai cadangan tapak bagi projek ini, Kementerian Pengangkutan tidak dapat memaklumkan kerana perkara ini masih dalam pertimbangan Kerajaan Pusat dengan Kerajaan Negeri Wilayah Utara. Sekian.

**Dato' Abdul Aziz bin Abdul Rahman:** Tuan Yang di-Pertua, soalan tambahan, adakah pihak kerajaan setakat ini membuat kajian berkenaan dengan, dengan izin, final destination, kepada pelancong-pelancong yang masuk ke pintu utama kita seperti Kuala Lumpur dan kalau kajian itu telah dibuat, berapa ramaikah daripada pelancong-pelancong ini yang mempunyai final destinasi ke Pantai Timur dan kalau ramai, bila lapangan terbang peringkat antarabangsa hendak dibuat di Kuantan ke, Kuala Terengganu atau Kota Bharu?

**Tuan Chor Chee Heung:** Tuan Yang di-Pertua, untuk makluman Ahli Yang Berhormat dalam kajian prakemungkinan yang saya sebut tadi memang segala faktor termasuk final destination pelancong telah diambil kira dan dalam segala kajian ini kerajaan masih timbang lagi sama ada effect, dengan izin, final destinasi pelancong dari luar negeri masuk ke Malaysia akan sampai ke negeri mana dulu dan sama ada KLIA ini boleh muncul sebagai satu 'hag' di rantau ini dan di segi angka-angka memang saya perlu notis. Sekian.

**Tuan Eng Hoi Choo:** Tuan Yang di-Pertua, Soalan tambahan. Sudahkah kerajaan menyelesaikan pembayaran kepada tanah-tanah yang di ambil untuk lapangan terbang KLIA bagi tuan-tuan tanah?

**Tuan Chor Chee Heung:** Untuk makluman Ahli Yang Berhormat bagi pampasan ataupun pembayaran yang akan dibayar oleh KLIA bagi pengambilan tanah, perkara ini telah hampir selesai. Sekian.

#### **KAWASAN BEBAS CUKAI - BILANGAN DAN LOKASI**

10. **Tuan Tan Son Lee** minta Menteri Kewangan menyatakan:-
- (a) berapakah dan manakah kawasan negara kita adalah kawasan bebas cukai; dan
  - (b) adakah kerajaan berhasrat untuk mengadakan kawasan bebas cukai yang baru dan jika ya, di manakah kawasan itu.

**Setiausaha Parlimen Kementerian Kewangan [Dr. Haji Shafie bin Mohd. Salleh]:** Tuan Yang di-Pertua, untuk makluman Ahli Yang Berhormat pada masa ini terdapat dua kawasan bebas cukai di negara kita iaitu kawasan-

kawasan tersebut ialah Pulau Labuan dan juga Pulau Langkawi. Untuk pengetahuan Ahli Yang Berhormat, ini berbeza dengan zon bebas di Malaysia iaitu zon bebas perindustrian dan zon bebas perdagangan. Buat masa ini kerajaan tidak berhasrat untuk mengadakan kawasan bebas cukai yang baru.

**Datuk Haji Ibrahim bin Ali:** *[Bangun]*

**Tuan N. Marimuthu:** *[Bangun]*

**Tuan Yang di-Pertua:** Sila Datuk Ibrahim.

**Datuk Haji Ibrahim bin Ali:** Tidak apa, saya beri laluan kepada Tuan N. Marimuthu.

**Tuan Yang di-Pertua:** Saya yang beri arahan di sini. *[Ketawa]* Dato' Ibrahim.

**Datuk Haji Ibrahim bin Ali:** Tuan Yang di-Pertua, saya hendak tanya Setiausaha Parlimen, apakah status kawasan bebas cukai di Rantau Panjang. Kalau yang disebut oleh Yang Berhormat tadi hanya dua sahaja kawasan bebas cukai, bagaimana kedudukan Rantau Panjang yang telah diiktiraf sebagai kawasan bebas cukai. Sekian, terima kasih .

**Dr. Haji Shafie bin Mohd. Salleh:** Untuk perhatian Yang Berhormat Datuk Haji Ibrahim bahawa bebas cukai dengan zon bebas ini berlainan. Jadi kalau zon bebas perindustrian, saya katakan zon bebas Bayan Lepas, Seberang Perai, Jelapang, Sungai Way, Hulu Kelang, Teluk Panglima Garang, Batu Bendahara, Tanjung Keling, Pasir Gudang, Kuantan dan Bebas Muara

Tambuan. Zon bebas perdagangan ialah Pelabuhan Kelang, Selangor dan Pasir Gudang.

Kalau kita hendak lihat mengenai zon bebas cukai di Rantau Panjang, ia masih lagi dalam siasatan dan selepas itu barulah kita dapat isytiharkan di dalam Gazet. Jadi, diadakan institusi-institusi yang berkenaan untuk menjaga dan mengawas zon bebas yang berkenaan.

**Tuan N. Marimuthu:** Tuan Yang di-Pertua, saya hendak bangkitkan satu soalan mengenai Kira-kira Kumpulan Wang Simpanan Pekerja. Apakah Menteri Kewangan sedar penyata kira-kira ahli yang dikeluarkan oleh pihak Kumpulan Wang Simpanan Pekerja tidak selalunya menggambarkan kiraan yang betul. *[Ketawa]*

**Dr. Haji Shafie bin Mohd. Salleh:** Tuan Yang di-Pertua, oleh kerana soalan ini jauh terkeluar, saya tidak mahu menjawab.

**Tuan Yang di-Pertua:** Ada sedikit terkeluar, Tuan Marimuthu.

*[Disampuk]*

**Tuan N. Marimuthu:** Tetapi ini penting. *[Ketawa]*

**Tuan Yang di-Pertua:** Macam inilah Tuan N. Marimuthu, kalau ada soalan berkaitan dengan Kementerian Kewangan, kalau ada sedikit kaitan, kita boleh benarkan soalan tadi. Bila sikit masuk, nanti semua masuk. *[Ketawa]*

## **HOSPITAL DI LUAR BANDAR - RANCANGAN PENUBUHAN**

**11. Puan Sri Sarasa Pasamanickam** minta Menteri Kesihatan menyatakan:-



- (a) setakat manakah rancangan untuk menubuhkan lebih banyak hospital-hospital di kawasan luar bandar dan kawasan penempatan baru selaras dengan penambahan dalam kadar populasi penduduk telah berjaya dilaksanakan; dan
- (b) apakah pendapat kementerian mengenai laporan-laporan yang menyatakan kebanyakan hospital umum yang baru telah ditubuhkan dengan wad-wad kecemasan (Emergency Room) tetapi tidak lengkap dengan peralatan dan kepakaran yang cukup untuk ia beroperasi dan kes-kes serius masih terpaksa dibawa ke hospital besar.

**Dato' M. Mahalingam:** Tuan Yang di-Pertua,

- (a) Selaras dengan perkembangan penduduk dan taraf pembangunan negara, kerajaan di bawah Rancangan Malaysia Ketujuh telah memperuntukkan sebanyak RM2,650 juta untuk pembangunan sektor kesihatan. Daripada jumlah ini, sebanyak RM1,831.6 juta adalah untuk pembangunan dan menaikkan taraf hospital sementara sebanyak RM655.7 juta telah diperuntukkan untuk kesihatan bandar, kesihatan luar bandar dan kebersihan alam sekitar.

Rancangan kerajaan di bawah Rancangan Malaysia Ketujuh adalah untuk menubuhkan 16 hospital baru di pusat bandar baru dan kawasan bandar. Di samping itu, kerajaan akan menyampaikan projek

naik taraf 11 hospital di ibu negeri dan daerah. Antara lain, di bawah Rancangan Malaysia Ketujuh, 37 pusat kesihatan akan dibina, 49 yang sedia ada akan dinaiktaraf serta 86 klinik luar bandar baru akan dibina dan 109 klinik luar bandar sedia ada akan dinaiktaraf.

Antara lain dalam tempoh Rancangan Malaysia Keenam, sebanyak 33 hospital, 18 poliklinik, 75 pusat kesihatan dan 132 klinik desa telah siap dibina. Ini telah mengurangkan kesesakan di hospital dan klinik yang sedia ada di samping menyediakan kemudahan kepada kawasan baru.

Untuk mendapat gambaran yang lebih jelas mengenai perancangan dan pencapaian sektor kesihatan, butir-butir lanjut boleh diperolehi pada Bab 17, Rancangan Malaysia Ketujuh mengenai sektor kesihatan negara.

- (b) Perkhidmatan hospital di bawah Kementerian Kesihatan disediakan mengikut sistem hirarki di mana terdapat 3 peringkat. Peringkat pertama ialah hospital daerah tanpa pakar; peringkat kedua ialah hospital

daerah dengan pakar; dan peringkat ketiga ialah hospital negeri dengan kepakaran tambahan.

Kes-kes yang tidak dapat dirawat di sesuatu hospital dirujuk kepada hospital yang mempunyai kepakaran tersebut. Adalah tidak ekonomik bagi Kementerian Kesihatan menyediakan kemudahan kepakaran dan peralatan yang sama di setiap hospital.

Namun begitu, Kementerian Kesihatan sentiasa prihatin terhadap keperluan sesuatu kawasan dan berusaha untuk menambah peralatan serta menempatkan lebih pakar di hospital berasaskan keupayaan kementerian.

**Tuan Haji Abu Bakar bin Haji Ismail:** Tuan Yang di-Pertua, soalan tambahan saya ialah memandangkan masalah kesihatan di luar bandar ini adalah satu perkara yang sangat penting dan kita mendapat tahu kerajaan membina pusat-pusat kesihatan yang begitu banyak, ada hospital yang ada pakar; dan ada yang tidak ada pakar. Adakah kerajaan mendapat maklum balas sejauh manakah perkhidmatan kesihatan di luar bandar ini berkesan kepada rakyat dan kalau kerajaan tidak mempunyai satu mekanisme untuk mendapat maklum balas ini, adalah kerajaan bercadang untuk menggunakan universiti-

universiti yang berhampiran untuk membuat kajian tentang perkhidmatan di luar bandar.

**Dato' M. Mahalingam:** Tuan Yang di-Pertua, memang kita ada menerima maklum balas, tetapi saya tidak ada butir-butirnya. Saya minta notis.

**Tuan Yang di-Pertua:** Dia minta notis.

### **TEMBOK KONKRIT MALAYSIA DAN THAILAND - PERSETUJUAN YANG DICAPAI**

**12. Tuan Hanipah bin Ahmad** minta Menteri Luar Negeri menyatakan:-

- (a) sejauh manakah persetujuan antara dua negara, Malaysia dan Thailand, mengambil kata sepakat terhadap kerja-kerja pembinaan tembok konkrit sepanjang 27 kilometer yang dibina oleh Kerajaan Malaysia dari Bukit Puteh di Perlis hingga ke Sintok di Kedah yang mendapat bantahan dari Thailand dan apakah tujuan pembinaan tembok ini dan adakah dapat menjadi noktah penyelesaian isu sempadan dua negara; dan
- (b) bagaimana dengan kedudukan Pulau Beras Mana di luar pantai Bukit Putih di Perlis dan Pulau Terutao yang berdekatan dengan Pulau Langkawi.

**Datuk Abdullah bin Haji Ahmad Badawi:** Tuan Yang di-Pertua, Malaysia telah pun memberi penjelasan kepada Thailand bahawa pembinaan tembok keselamatan itu tujuannya adalah untuk mencegah kegiatan penyeludupan dan mencegah kemasukan pendatang-pendatang tanpa izin ke Malaysia.

Semasa pertemuan Yang Amat Berhormat Perdana Menteri dengan Perdana Menteri Thailand di Bangkok dalam bulan Mac lalu semasa

Persidangan Summit ASEAN, Perdana Menteri kita telah pun menjelaskan kepada Perdana Menteri Thailand bahawa tindakan yang kita ambil untuk membina tembok itu bukanlah satu tindakan bermusuhan, tetapi ia akan memberi manfaat kepada kedua-dua buah negara.

Jika ada apa-apa masalah yang berkaitan dengan sempadan, ini boleh diselesaikan melalui perbincangan kerana kita ada mekanisme untuk menyelesaikan masalah ini iaitu Joint Commission atau Suruhanjaya Bersama antara Thailand dan Malaysia (Malaysia/Thailand Joint Commission)

Tentang kedua-dua buah pulau yang dimaksudkan oleh Yang Berhormat tadi iaitu Pulau Beras Mana dan Pulau Terutao, kita mengiktiraf bahawa kedua-dua pulau ini adalah dalam Wilayah Thailand.

**Tuan Saad bin Haji Man:** Tuan Yang di-Pertua, soalan tambahan kepada Yang Berhormat Menteri. Seperti yang kita dimaklumkan oleh Yang Berhormat Menteri tadi, tujuan utama tembok keselamatan dibina di sempadan ialah untuk membasmi penyeludupan senjata api, dadah, pekerja dan sebagainya.

Baru-baru ini, ada laporan daripada media asing, dengan izin, *Washington Post* dan *Hero Tribune* yang menunjukkan Malaysia di antara salah satu negara yang menyeludup senjata api ke Bosnia-Herzegovina. Saya percaya Malaysia tidak terlibat di dalam kerja ini dan tembok sempadan kita

tidak digunakan untuk tujuan ini juga. Mungkin Yang Berhormat Menteri dapat memberi pandangan tentang perkara ini.

**Tuan Yang di-Pertua:** Macam mana, adakah kaitan dengan soalan?

Kalau hendak jawab, tidak apa.

**Datuk Abdullah bin Haji Ahmad Badawi:** Yang itu tidak ada kaitan dengan soalan ini. Kita tak pernah terlibat. Kerajaan tak pernah terlibat dengan tindakan penyeludupan.

**Dato' Abdul Aziz bin Abdul Rahman:** Tuan Yang di-Pertua, soalan tambahan. Saya amat tertarik hati dengan wujudnya tembok konkrit sepanjang 27 kilometer ini, mungkin dengan harga yang tinggi. Soalan saya ialah berapa ramaikah dan apa jenis kemasukan mereka yang tanpa izin ini terutama sekali dari segi skandal yang bersangkutan-paut dengan seks ataupun skandal dari segi tenaga kerja yang biasa?

**Dato' Abdullah bin Haji Ahmad Badawi:** Tuan Yang di-Pertua, saya tidak ada maklumat dari segi perangkaan yang berkaitan dengan kemasukan pendatang-pendatang tanpa izin ke Malaysia yang tentu sekali ada banyak tujuannya tetapi memanglah menjadi satu hakikat dan satu pengetahuan kita bahawa memang ada kegiatan ini bahawa memang ada yang terlibat dan kegiatan itu adalah menjadi satu tindakan yang baik bagi Malaysia jika sekiranya tembok seperti itu dibina.

13. **Puan Kamalia binti Ibrahim** minta Menteri Kerja Raya menyatakan berapakah jumlah perbelanjaan kerajaan bagi pembangunan dan penyelenggaraan jalan raya bagi tahun-tahun yang sama.

**Setiausaha Parlimen Kementerian Kerja Raya [Tuan Yong Khoo**

**Seng]:** Tuan Yang di-Pertua, saya kurang jelas apakah yang dimaksudkan oleh Ahli Yang Berhormat mengenai perbelanjaan kerajaan bagi pembangunan dan penyelenggaraan jalan raya bagi tahun-tahun yang sama. Oleh itu, saya mengandaikan ianya bermaksud perbelanjaan yang telah dilakukan dalam tahun 1995.

Untuk makluman Ahli Yang Berhormat, dalam tahun 1995 kerajaan telah membelanjakan sebanyak RM910 juta bagi pembangunan jalan raya dan RM208 juta untuk kerja-kerja penyelenggaraan jalan raya Persekutuan.

Tuan Yang di-Pertua, untuk makluman Ahli Yang Berhormat, tiada sebarang peruntukan kerajaan digunakan bagi kerja-kerja pembangunan atau penyelenggaraan lebuh raya dan jalan raya yang diswastakan kerana ianya dibiayai sepenuhnya oleh syarikat konsesi.

**Dato' Haji Hashim bin Safin:** Tuan Yang di-Pertua, mengenai pembangunan dan penyelenggaraan jalan raya ini, saya ingin mendapat penjelasan kerajaan, apakah sikap kerajaan tentang beberapa batang jalan raya di Kelantan yang tertangguh dalam tempoh Rancangan Malaysia Keenam oleh sebab-sebab tertentu iaitu Jalan Kuala Krai - Kota Bharu, Jalan Pasir Mas -

Salor dan Jambatan Sungai Galas, Dabong menjelang Rancangan Malaysia Ketujuh ataupun tahun ini?

**Tuan Yong Khoon Seng:** Tuan Yang di-Pertua, saya perlu notis untuk menjawab soalan ini.

**Tuan Yang di-Pertua:** Ini soalan menarik, soalan 14.

**Dato' Haji Hashim bin Safin:** Saya rasa saya bukan minta figure atau soal jumlah peruntukan dan sebagainya, cuma sikap kerajaan terhadap pembangunan jalan-jalan di Kelantan yang tertangguh oleh sebab-sebab tertentu ataupun oleh kekalahan....

**Tuan Yang di-Pertua:** Tidak apalah Yang Berhormat Dato' Haji Hashim bin Safin. Yang Berhormat Setiausaha Parlimen sudah minta notis. Saya ingat kita beri peluang kepada dialah untuk mendapat notis. Ini soalan menarik. Yang Berhormat Tuan M.G. Pandithan cukup favourite dengan Menteri Kerja Raya. *[Ketawa]*

#### **TANAH RUNTUH - TINDAKAN KERAJAAN**

14. **Tuan M.G. Pandithan** minta Menteri Kerja Raya menyatakan apakah tindakan diambil oleh kerajaan untuk memastikan episod tragedi runtuh tanah yang menderitakan rakyat tidak berlaku lagi dan adakah pampasan diberikan kepada mangsa-mangsa yang terlibat dalam tragedi di Genting Highlands dan Lebu Raya Utara.

**Tuan Yong Khoon Seng:** Tuan Yang di-Pertua, ekoran daripada kejadian tanah runtuh di Genting Highlands dan Gua Tempurung di Lebu Raya Utara Selatan, beberapa tindakan telah diambil oleh kerajaan untuk



memastikan kejadian tanah runtuh tidak akan berlaku. Tindakan-tindakan yang diambil adalah seperti berikut:-

- (i) menjalankan kajian dan pemeriksaan terperinci termasuk pemeriksaan secara visual untuk mengenal pasti lokasi-lokasi jalan raya, lebuhraya yang merbahaya;
- (ii) memastikan sistem perparitan berfungsi dengan baik; dan
- (iii) menjalankan kerja-kerja penyelenggaraan seperti membina tembok bagi memperkukuhkan struktur cerun yang dianggap merbahaya.

Tuan Yang di-Pertua, bagi projek-projek jalan raya baru, penyediaan reka bentuk skop projek akan menitikberatkan slope treatment technic dan pembinaan sistem perparitan. Pemotongan bukit atau tanah akan hanya dilakukan sekiranya didapati perlu.

Tuan Yang di-Pertua, bagi Lebuhraya Utara-Selatan adalah menjadi tanggungjawab syarikat konsesi untuk menyelenggara dan membaiki cerun atau tanah runtuh. Kos yang terlibat ditanggung sepenuhnya oleh syarikat konsesi. Syarikat konsesi Plus Bhd. mempunyai pasukan peronda yang menjalankan kerja-kerja rondaan 24 jam. Ini dapat membantu mengenal pasti dan memberi amaran awal ke atas kemungkinan berlakunya kejadian yang tidak diingini termasuk kejadian tanah runtuh atau cerun runtuh. Syarikat konsesi juga telah diminta untuk membuat kajian dari udara setiap 6 bulan sekali dan

mengemukakan laporan dari semasa ke semasa berhubung dengan penentuan ciri-ciri keselamatan lebuhraya di bawah konsesinya.

Tuan Yang di-Pertua, berhubung dengan tanah runtuh di Genting Highlands dan Gua Tempurung, saya ingin memaklumkan bahawa atas pertimbangan perikemanusiaan, Syarikat Genting Berhad dan Plus Berhad telah menubuhkan tabung 'relieve fund' untuk membantu dan meringankan kesusahan mangsa-mangsa terlibat.

Untuk makluman Ahli Yang Berhormat, Syarikat Genting Berhad telah menderma sebanyak RM124,500 kepada 35 orang atau keluarga mangsa yang terlibat. Sebanyak RM2,000 telah didermakan kepada setiap 17 mangsa yang mengalami kecederaan. Sebanyak RM5,000 telah didermakan kepada setiap 18 waris mangsa yang terkorban nyawa dalam episod di Genting Highlands. Syarikat Plus Berhad pula telah mendermakan sebanyak RM10,000 kepada keluarga mangsa yang terkorban dan RM5,000 masing-masing kepada dua orang yang tercedera. Di samping itu, Plus Berhad akan menanggung perbelanjaan pendidikan sehingga umur 21 tahun bagi lima orang anak mangsa yang terkorban.

**Tuan Ng See Tiong:** Tuan Yang di-Pertua, nampaknya bayaran kepada mangsa-mangsa terlampau kecil sangat (chicken feet) *[Ketawa]*. Adakah pihak kementerian ambil tindakan semula untuk membayar lebih? *[Ketawa]*

**Tuan Yong Khoon Seng:** Tuan Yang di-Pertua, ini adalah apa yang telah dibuat oleh pihak Genting Highlands dan pihak Plus Berhad. Kita boleh menggalakkan untuk menambahkan bantuan kalau mereka boleh berbuat demikian.

**Datuk Haji Ibrahim bin Ali:** Tuan Yang di-Pertua, memang saya setuju ini soalan penting dan saya harap Yang Berhormat dapat memberi jawapan. Pertama, bersabit dengan keruntuhan tanah di Genting Highlands, kajian telah dibuat dan telah dikenal pasti mengikut kajian sebab-sebab tanah runtuh di Genting Highlands tetapi saya ada terima satu surat layang yang dihantar oleh mereka yang mungkin prihatin dengan masalah alam sekitar dan secara direct membuat tuduhan bahawa keruntuhan Genting Highlands ini diakibatkan kerana pembangunan yang dibuat oleh Genting Highlands Berhad itu sendiri, walaupun Tan Sri Lim Goh Thong cakap, "Ini Allah Taala punya pasal." Saya masih ingat lagi.

**Tuan Yang di-Pertua:** "Tuan Allah."

**Datuk Haji Ibrahim bin Ali:** Ya "Tuan Allah punya pasal." Saya ingin bertanya apakah pihak kementerian sudah berpuas hati dengan kajian yang telah dibuat. Saya bersetuju dengan Yang Berhormat yang mengatakan tadi pampasan yang diberikan kepada mangsa adalah "chicken feet." Memang betul.

**Tuan Yang di-Pertua:** Soalannya?

**Datuk Haji Ibrahim bin Ali:** Tuan Yang di-Pertua, berapa banyak Genting Berhad mengaut keuntungan? Sudahlah cukai judi tidak naik dua tiga

tahun. Sudah berapa tahun cukai judi tidak naik? Apabila berlaku tanah runtuh, seolah-olah mereka lepas tangan. Orang Islam tidak boleh masuk Genting Highlands sekarang ini tetapi bekas Ketua Polis Negara, Tun Hanif Omar boleh jadi Ahli Lembaga Pengarah Genting Berhad - bekas Ketua Polis Negara yang memang Genting Berhad ini menjalankan perniagaan judi di Genting Highlands. Saya hendak tanya Yang Berhormat, apakah Yang Berhormat berpuas hati dengan kajian yang telah dibuat? Saya tidak puashati. Ada perkara yang diselindung dan kalau ianya disebabkan oleh pembangunan Genting Highlands menyebabkan tanah runtuh, apa tindakan? Setakat jaminan diberi mengatakan tidak akan berlaku lagi, sudah banyak jaminan Tuan Yang di-Pertua. Cerita-cerita dulu, jaminan kereta api tidak akan tergelincir boleh tergelincir. Macam-macam. Dan ini apakah jaminan? Sebab saya bimbang melihat kepada pembangunan yang berlaku di Genting Highlands sekarang ini, mungkin peristiwa seumpama ini akan berlaku lagi.

**Tuan Yang di-Pertua:** Soalannya?

**Datuk Haji Ibrahim bin Ali:** Soalannya itulah dia! Saya tanyalah itu.

*[Ketawa]* Kalau tidak boleh jawab kena berhentilah dari jadi Timbalan Menteri. Terima kasih.

**Tuan Yong Khoon Seng:** Tuan Yang di-Pertua, untuk makluman Yang Berhormat Datuk Haji Ibrahim bin Ali, saya bukan Timbalan Menteri.

*[Ketawa]*

Sebenarnya laporan mengenai tanah runtuh di Genting Highlands telah diteliti dengan mendalam dan kita berpuas hati, ianya berlaku oleh kerana hujan lebat selama beberapa hari pada masa kejadian itu.

Bagi kajian-kajian di tempat lain, yang berbahaya sepanjang jalan raya di negara kita, kita dapati ada lebih 200 tempat atau cerun di mana tanahnya adalah berbahaya untuk keselamatan. Kerajaan telah pun memperuntukkan wang yang banyak untuk memperbaiki cerun-cerun tersebut.

**Datuk Haji Ibrahim bin Ali:** Memanglah kerana hujan lebat. Kita tahu negara kita selalu hujan lebat, bila hujan lebat, kalau tanah itu ditolak ke sana ke mari untuk pembangunan seperti di Genting Highlands, tentulah runtuh.

**Tuan Yang di-Pertua:** Datuk Haji Ibrahim, saya rasa sudah cukuplah ya. Sedikit sahaja.

**Datuk Haji Ibrahim bin Ali:** Saya tidak puas hati hendak buat macam mana ini?

**Tuan Yang di-Pertua:** Kalau kira tidak puas hati, sampai malam ini pun tidak habis. *[Ketawa]* Ya, Dato' Haji Mohd. Zuki.

**Dato' Haji Mohd. Zuki bin Kamaluddin:** Saya hendak menyambung sedikit, soalan tambahan. Kalau bukan 'Timbalan Menteri', jadi 'Setiausaha Parlimen'? Yang hendak menjawab soalan ini Setiausaha Parlimen, dia kata bukan Timbalan Menteri.

**Tuan Yang di-Pertua:** Fasal Datuk Haji Ibrahim hendak jawatan Timbalan Menteri itu agaknya. Silakan.

**Dato' Haji Mohd. Zuki bin Kamaluddin:** Tuan Yang di-Pertua, saya hendak bertanya kepada Yang Berhormat Setiausaha Parlimen. Tadi beliau menyatakan bahawa ada 200 tempat yang berbahaya, yang tanahnya cerun. Kalau hujan 4-5 hari tanahnya akan runtuh. Adakah Yang Berhormat menasihatkan kepada pemandu-pemandu kereta atau empunya-empunya kereta jangan berjalan kalau 3-4 hari hujan lebat, sebab tanah-tanah cerun ini akan runtuh [*Ketawa*] ....

**Tuan Yang di-Pertua:** Satu soalan sudah Dato'!

**Dato' Haji Mohd. Zuki bin Kamaluddin:** Satu soalan sahaja?

**Tuan Yang di-Pertua:** Ya, sila.

**Dato' Haji Mohd. Zuki bin Kamaluddin:** Ini sambungan kepada soalan tadi. [*Ketawa*]

**Tuan Yang di-Pertua:** Ini lawyer cukup pandai. Sila.

**Dato' Haji Mohd. Zuki bin Kamaluddin:** Jadi, buat sebab sahaja Yang Berhormat. Oleh kerana tanah cerun ini sudah berlaku di Genting Highlands, jadi mangsa-mangsa ini adakah mereka mengambil tindakan undang-undang terhadap kerugian mereka dan adakah terdapat mangsa lagi yang mayatnya belum dijumpai di kawasan Genting Highlands ini?

**Tuan Yang di-Pertua:** Silakan.

**Tuan Yong Khoon Seng:** Tuan Yang di-Pertua, kita perlu berhati-hati kalau menggunakan jalan raya. *[Ketawa]* Bukan sahaja 3-4 hari kita mengelakkan tempat itu, kita perlu berjalan. Tetapi perkara ini adalah disebabkan geografi dan cuaca di negara kita sebegitu, jadi kita tidak dapat elak untuk membuat jalan raya di mana terdapat banyak cerun dan banyak cerun yang merbahaya juga. Kita juga hendaklah sentiasa mengawasi keadaan seperti ini.

Bagi soalan tambahan yang kedua, saya tidak dapat pastikan adakah masih terdapat beberapa mayat di bawah tanah di Genting Highlands - saya tidak tahu.

#### **SENJATA API HARAM DI SABAH - JUMLAH PENANGKAPAN BERSABIT PENJUALAN**

15. **Tuan Frankie Chong Yu Chee** minta Menteri Dalam Negeri menyatakan:

- (a) berapa ramaikah yang telah ditangkap bersabit dengan penjualan senjata api haram yang berlaku di Sabah dan apakah tindakan yang telah diambil oleh pihak berkuasa terhadap mereka, dan apakah kesudahan penyiasatan ke atas senjata api yang berlesen dan berapa ramaikah yang telah menyerahkan senjata api mereka kepada pihak polis; dan
- (b) adakah kerajaan berpuas hati dengan penyiasatan yang telah dijalankan dan apakah tindakan susulan kerajaan untuk memastikan supaya perkara tersebut tidak akan berlaku lagi.

19. **Tuan Abdul Rashid bin Haji Ismail** minta Menteri Dalam Negeri menyatakan apakah langkah dan tindakan kementerian terhadap pemalsuan

rekod serta dokumen jualan senjata secara besar-besaran berhubung kes pemilik kedai Arms Centre Sdn. Bhd.

**Tuan Ong Ka Ting:** Tuan Yang di-Pertua, izinkan saya menjawab soalan ini bersekali dengan soalan 19 kerana ada berkaitan.

**Tuan Yang di-Pertua:** Sila.

**Tuan Ong Ka Ting:**

- (a) Untuk makluman Yang Berhormat dan Dewan yang mulia ini, setakat ini seramai 23 orang telah ditangkap bersabit dengan kegiatan penjualan senjata api haram di Sabah. Mereka ini akan didakwa di mahkamah di bawah Seksyen 7 Akta Senjata Hukuman Lebih Berat 1971 dan Seksyen 11(5) Akta Senjata Api 1960.

Mereka yang memiliki lesen senjata api secara di luar undang-undang dan peraturan ini akan dikenakan tindakan dan lesen mereka akan ditarik balik. Setakat ini seramai 12,570 pemilik senjata api telah menyerahkan senjata api mereka kepada pihak polis. Walau bagaimanapun, terdapat seramai 34 lagi pemilik senjata api yang gagal menyerahkan senjata api mereka dan pihak polis akan mengambil tindakan di bawah Seksyen 26(5) Akta Senjata Api 1960.



- (b) Kerajaan berpuas hati terhadap penyiasatan dan tindakan yang telah diadakan dan akan mengetatkan lagi prosedur-prosedur penjualan senjata api supaya kes seumpama ini tidak berulang lagi.

Bagi soalan 19, pihak kerajaan telah pun menjalankan penyiasatan terhadap Arms Centre Sdn. Bhd. dan telah mengenal pasti terdapatnya penyelewengan dan pemalsuan rekod dan dokumen penjualan senjata api. Kesemua mereka yang terlibat dalam penyelewengan ini akan diambil tindakan di bawah Seksyen 7(1) Akta Senjata Api Penalti Lebih Berat 1971 kerana mengedar senjata api secara haram.

**Tuan Yang di-Pertua:** Ya, soalan 19 yang dirujukkan oleh Timbalan Menteri tadi ialah soalan Tuan Abdul Rashid bin Haji Ismail. Jadi, Ahli-ahli Yang Berhormat sekian pertanyaan bagi Jawab Mulut.

*[Masa untuk Pertanyaan bagi Jawab Mulut telah cukup dan Jawapan bagi Pertanyaan No. 16 hingga 25 akan dijilid dalam buku berasingan].*

**USUL****UCAPAN TERIMA KASIH KEPADA SERI PADUKA BAGINDA YANG  
DI-PERTUAN AGONG**

Aturan Urusan Mesyuarat dibacakan bagi menyambung perbahasan yang ditangguhkan atas masalah:

Bahawa suatu ucapan yang tidak sepertinya dipersembahkan kepada Seri Paduka Baginda Yang di-Pertuan Agong, demikian bunyinya:

“Ampun Tuanku,

Patik, Yang di-Pertua dan Ahli-ahli Dewan Negara di dalam Persidangan Parlimen, memohon ampun mempersembahkan suatu ucapan yang ikhlas daripada majlis Dewan Negara mengucapkan berbilang-banyak syukur dan Terima Kasih kerana Titah Ucapan Seri Paduka Baginda semasa membuka Penggal Kedua Parlimen Yang Kesembilan.” *[14hb. Mei 1996]*

**Tuan Yang di-Pertua:** Puan Mastika Junaidah binti Husin, sila sambung.

**Puan Mastika Junaidah binti Husin:** Terima kasih, Tuan Yang di-Pertua, saya sekali lagi bangun untuk menyambung Usul Terima Kasih di atas Titah Ucapan Seri Paduka Baginda Yang di-Pertuan Agong.

Tuan Yang di-Pertua, saya ingin kembali menarik perhatian Dewan kepada persoalan perkhidmatan awam. Perkhidmatan awam adalah sebagai pemangkin kepada pembangunan negara. Bilangan yang terlibat dalam perkhidmatan awam adalah besar, peruntukan yang diluluskan oleh Parlimen adalah peratusan yang juga besar, malah harapan pemimpin, harapan kita dan juga harapan rakyat kepada perkhidmatan awam juga adalah besar.

Cabaran kepada anggota perkhidmatan awam masa kini adalah amat mencabar. Satu ketika dahulu pegawai-pegawai kerajaan mengisi tempat teratas di dalam susun lapis masyarakat, mereka dihormati, mereka dianggap sebagai pemimpin. Pendapatan mereka yang kebanyakannya terdiri dari bumiputera adalah pendapatan yang lumayan berbanding dengan bumiputera yang lain, tetapi setelah negara maju peluang pekerjaan lebih luas dan peluang-peluang perniagaan lebih banyak untuk direbut oleh bumiputera.

Perubahan dalam susun lapis masyarakat telah berlaku, sistem nilai masyarakat telah berubah, pegawai kerajaan tidak lagi menjadi kumpulan elit yang mengisi tempat teratas susun lapis masyarakat, malah ia diganti oleh golongan korporat dan businessman. Jika satu ketika dahulu pekerja-pekerja kilang digelar sebagai 'minah karan' dan 'mat sepana', hari ini gelaran itu tidak

kedengaran lagi, malah kadang-kadang ada ibu mertua yang bangga menantunya supervisor di kilang-kilang, kerana ia mampu memiliki kereta yang besar dan sekali sekala mampu menghulurkan wang kepada ahli keluarga tertentu termasuk mertuanya sendiri.

Tuan Yang di-Pertua, saya menghuraikan semua ini untuk memahami dilema dan menerima krisis nilai yang dihadapi oleh perkhidmatan awam. Maka tidak hairanlah ada guru-guru hari ini semangatnya tidak bersemangat sebagaimana guru-guru di zaman dahulu. Pegawai-pegawai perkhidmatan awam kadangkala terlibat secara aktif dalam kegiatan direct sale, dengan izin, atau perniagaan-perniagaan sampingan, kerana mereka juga ingin mencari penghidupan yang lebih baik bagi mengekalkan status mereka.

Kita dapat lihat dengan jelas, contohnya seperti doktor dan pensyarah, mereka lebih suka menerima tawaran daripada pihak swasta untuk bertugas dengan swasta, dengan meninggalkan tugas mereka di perkhidmatan awam, kerana mereka mendapat bayaran dan juga mendapat imbuhan yang lebih besar daripada mereka bekerja dengan kerajaan. Inilah cabaran sebenarnya perkhidmatan awam. Soalnya, bagaimana kita dapat mengekalkan semangat juang mereka tanpa kita mengorbankan konsep menjaga kepentingan rakyat. Untuk menaikkan gaji, kita terpaksa menaikkan cukai, yang mana akan menjejaskan rakyat.

Oleh itu, saya berpendapat insentif lain perlu difikirkan. Kelesuan stamina dan kelesuan jiwa pegawai-pegawai kita perlu dicari formula untuk diubahi segera. Kajian perlu dibuat dan pakar-pakar yang berkemampuan perlu merumuskan satu cadangan untuk mengatasi krisis nilai yang dihadapi oleh pegawai-pegawai perkhidmatan awam, terutamanya di peringkat bawah dan menengah.

Sistem SSB adalah sistem yang baik. Namun, dalam keadaan yang saya sebutkan sebentar tadi, SSB cuma sebagai bahan untuk melepaskan geram setengah-setengah pegawai. Bagi yang tidak mendapat cemerlang akan merasa kecewa. Perasaan ini kadangkala akan menjadi tekanan dan akan menghambat produktiviti. Bagi yang berjaya mendapat cemerlang, dipulau oleh kawan-kawan. Yang tidak mendapat cemerlang lebih ramai daripada yang mendapat cemerlang. Maka yang kecewa lebih ramai daripada yang tidak kecewa.

Dalam sistem pengiktirafan masyarakat, saya biasa mendengar seseorang menyatakan bahawa artis pun mendapat Dato', sedangkan guru-guru yang berusaha untuk membangunkan, guru-guru yang berusaha mendidik pelajar-pelajar, malah ada guru besar yang sekolahnya telah mendapat cemerlang beberapa kali tidak mendapat apa-apa ganjaran. Maka murid-murid lebih gemar untuk menjadi artis daripada menjadikan diri mereka sebagaimana guru-guru mereka. Malah mereka lebih gemar untuk meniru cara artis daripada mereka meniru cara guru mereka.

Saya tidak memperkecilkan artis-artis di negara kita. Saya faham bahawa mereka juga telah memberi sumbangan. Tetapi apakah sumbangan pendidik, sumbangan mereka yang menyumbang untuk membentuk insan di negara kita, dan mereka yang memberi sumbangan dalam membangunkan negara kita dalam bidang-bidang yang lain dipandang sepi.

Tuan Yang di-Pertua, saya memberhentikan ucapan saya semalam semasa membahaskan soal pendidikan. Saya ingin menekankan sekali lagi agar usaha kita untuk melahirkan anak-anak pelajar bukan sahaja yang berjaya dalam bidang akademik, tetapi memiliki akhlak yang mulia harus ditekankan. Seperkara lagi yang perlu diberi perhatian ialah melahirkan generasi yang mempunyai semangat nasionalisme. Kita mahu pelajar-pelajar kita faham hasrat kita untuk membawa Malaysia sebagai negara maju melalui acuan kita sendiri. Oleh itu, jati diri anak-anak pelajar perlu dipupuk sejak kecil lagi. Saya amat terharu baru-baru ini apabila melihat dan mendengar ucapan anak-anak di tahun 1946 semasa UMNO menggabungkan pejuang-pejuang Melayu menentang Malayan Union. Tayangan itu dipertontonkan di dalam Konvensyen UMNO di PWTC pada 11hb. yang lalu. Ucapan anak-anak tersebut menyentuh perasaan. Mereka memperlihatkan harapan dan mereka memahami visi negara masa itu. Setahu saya, semua anak-anak di dalam video itu telah menjadi pegawai daerah apabila Malaya merdeka. Mereka adalah golongan awal pegawai-pegawai kerajaan yang berusaha membawa perubahan kepada negara.

Oleh itu, saya berpendapat Kementerian Pendidikan harus menanamkan semangat nasionalisme yang berteraskan nilai-nilai agama di kalangan semua guru-guru supaya anak-anak didikan kita juga akan lahir sebagai anak-anak yang berjiwa perjuangan untuk meneruskan cabaran zaman. Dengan semangat itu nanti, jikalau anak-anak kita ini jatuh ke laut akan menjadi pulau, jika tersadai di darat menjadi gunung.

Tuan Yang di-Pertua, belia adalah pewaris perjuangan. Kejayaan di awal abad ke-21 terletak di tangan para belia hari ini. Untuk menangani masalah belia, kita perlu mengkaji sejarah di mana belia-belia yang ada hari ini, bagaimana environment mereka dibesarkan. Sebahagian besar belia-belia yang ada pada masa ini lahir di zaman bangsa Malaysia di dalam keadaan yang berkecamuk. Saya menekankan kekecamukan ini kepada tiga faktor yang besar, iaitu mereka lahir di zaman kekukuhan kaum di antara kaum belum lagi dapat diwujudkan sepenuhnya. Mereka lahir di zaman kefahaman agama dalam keadaan yang tidak menentu. Mereka juga lahir di dalam masyarakat yang belum lagi mewujudkan sikap kerjasama yang begitu kukuh.

Perpaduan kaum secara hebat cuma berlaku selepas tahun 1980-an. Maka belia hari ini lahir semasa masyarakat kita belum lagi mewujudkan semangat perpaduan kaum yang kental. Belia harus diberi kesedaran mengenai sejarah. Sikap tolak-ansur dan hormat-menghormati hak dan memahami perlembagaan negara perlu ditanamkan ke pemikiran belia. Pendekatan yang

dibawa oleh parti pembangkang, DAP amat merbahaya kepada masa depan negara. Bermain dengan api perkauman untuk kepentingan parti mereka sebenarnya memberi kesan yang buruk kepada pemikiran belia. Pemahaman ini perlu dibetulkan. Jika tidak, ia akan menjadi api yang mungkin merebak menjadi sebagaimana peristiwa 13hb. Mei seperti yang pernah kita lalui.

Oleh itu, Kementerian Belia dan Sukan perlu sentiasa berwaspada dan mengesan agar sentimen perkauman ini benar-benar tidak wujud. Saya tidak bimbang dengan anak-anak yang berumur di bawah 10 tahun kerana mereka lahir dan dibesarkan dalam suasana perpaduan kaum yang enteng. Perkara kedua kefahaman agama. Perlembagaan negara telah menyebutkan bahawa agama Islam adalah agama rasmi negara dan agama-agama lain dibenarkan untuk diamalkan di negara ini.

Kegiatan PAS sebagai sebuah parti yang membawa imej agama bersama-sama mereka telah menghalang usaha-usaha kerajaan untuk menerap dan memberi kefahaman kepada rakyat mengenai Islam sebagai agama yang syumul. Setiap orang Melayu yang memangnya pun beragama Islam seolah-olah membawa imej Islam bersama-sama mereka, kadang-kadang tidak menghayati dan tidak melambangkan kehendak Islam itu sendiri. Ini telah menjadikan belia-belia yang lahir di zaman itu berkecamuk kefahaman Islamnya.



Sejak kebelakangan ini, kita telah dapat menentukan dengan pasti satu cara hidup masyarakat Islam dan usaha-usaha untuk menerapkan nilai-nilai Islam ini telah dijalankan oleh pihak Pusat Islam dan kerajaan dengan lebih berkesan lagi. Syiar Islam telah dapat dikembangkan. Islam dapat melindungi semua rakyat sama ada yang beragama Islam ataupun yang bukan beragama Islam. Ini telah pun kita buktikan di negara kita, kerana Islam adalah agama yang adil.

Dalam masa kita menegakkan Islam sebagai agama yang adil pun kadang-kadang muncul juga ekstrimis-ekstrimis agama yang mengganggu-gugat kefahaman kita mengenai Islam. Yang paling akhir ini, timbul pula ajaran Syiah yang mana telah pun berkembang di pusat-pusat pengajian tinggi. Kementerian Belia dan Sukan perlu melihat fenomena ini dengan serius. Kefahaman Islam sebagai cara hidup, 'way of life', dengan izin, hendaklah dihayati dan hendaklah ditekankan kepada para belia kita.

Perkara yang ketiga, Tuan Yang di-Pertua, sikap bekerjasama di kalangan rakyat, sokong-menyokong, bantu-membantu untuk mencapai kejayaan dan kecemerlangan. Kita tidak perlu cemburu-mencemburui antara satu sama lain. Saingan kita adalah dunia luar dan cabaran semasa. Rakan dan kawan bukan saingan kita. Malah rakan dan kawan adalah rakan yang dapat membantu kita untuk sama-sama membina masa depan negara.

Tuan Yang di-Pertua, saya berterima kasih kepada kerajaan kerana pembangunan pertanian dan luar bandar telah diberi perhatian. Sektor pertanian adalah sektor yang penting yang menyediakan bahan makanan negara. Negara tidak akan aman sekiranya rakyatnya kaya-raya, memiliki bangunan-bangunan tinggi pencakar langit, berkereta besar, tetapi tidak cukup makan. Makanan adalah keperluan asas manusia.

Petani-petani adalah merupakan insan yang memperhambakan diri mengusahakan tanaman untuk menyara hidup orang lain dengan mereka tetap miskin dan hidup dalam serta kekurangan. Malah sebahagian besar daripada mereka, walaupun sebagai penonton kepada kemajuan dan kepesatan ekonomi, terus memberi sokongan yang tidak berbelah bagi kepada kerajaan. Mereka adalah akar umbi UMNO, parti yang menjadi tulang belakang Barisan Nasional. Oleh itu, saya berpendapat hidup penduduk-penduduk luar bandar perlu dibela. Saya berharap Unit Perancang Ekonomi jangan terlalu lokek memberi peruntukan kepada luar bandar. Masih banyak lagi kawasan-kawasan yang tidak menikmati kemudahan infrastruktur. Bagi kawasan-kawasan yang berpotensi, usahakanlah untuk memperbandarkan luar bandar. Kita berharap supaya negara Malaysia yang kita cintai ini akan menjadi negara yang dapat memberi nikmat kepada keseluruhan rakyat sama ada di bandar ataupun di luar bandar. Kita berharap untuk mencapai negara maju, Malaysia akan menjadi bandar keseluruhannya.

Tuan Yang di-Pertua, padi adalah tanaman keselamatan kerana beras makanan utama rakyat Malaysia. Mengikut kajian, pengeluaran beras dunia - izinkan saya merujuk kepada laporan yang ada bersama-sama saya - pada tahun 1993 pengeluaran beras dunia sebanyak 529 milion tan, pada tahun 1994 pengeluarannya meningkat kepada 539 milion tan dan 1995 kepada 548 milion tan. Pengeluaran yang besar bagi beras dunia adalah kawasan-kawasan di Asia dan negara China dan India adalah merupakan negara pengeluar beras yang besar. Kebanyakan negara pengeluar padi adalah untuk keperluan tempatan. Jika kita melihat dalam laporan yang disediakan oleh pihak Bernas, jumlah eksport dunia pada tahun 1994 sebanyak 16.7 milion tan, 1995 berjumlah 20.3 dan 1996 berjumlah 18 milion tan. Ini menunjukkan bahawa jumlah eksport tidak begitu meningkat malahan angkanya tidak banyak berbeza. Negara terbesar yang mengesport beras adalah negara China. Begitu juga dengan import. Import bagi beras pada tahun 1994 sebanyak 6.7 milion tan , pada tahun 1995 20.3 milion tan dan pada tahun 1996 - 17.8 milion tan. China telah mengurangkan importnya daripada tahun 1995 daripada 2 milion tan kepada 0.4 milion tan.

Angka-angka ini saya ingin paparkan di Dewan ini untuk memberikan satu gambaran kepada kita bahawa stok beras di dunia adalah terhad. Jika China tidak mengeluarkan eksportnya kepada negara-negara lain, bererti kita tidak akan cukup bahan makanan bagi negara-negara yang perlu mengimport

beras. Bagi negara kita, kita masih lagi mengimport 30% daripada keperluan beras. Kalau kita lihat baru-baru ini, ada laporan di dalam televisyen yang menunjukkan bahawa penduduk di Korea Utara telah mula makan rumput kerana kekurangan makanan. Mereka telah mengubah makanan mereka, mencari alternatif kepada makanan mereka. Ini menunjukkan bahawa tanaman padi adalah merupakan tanaman keselamatan yang masih lagi keperluannya kepada negara kita begitu besar sekali.

Tuan Yang di-Pertua, marilah kita melihat nasib petani-petani - penanam padi. Harga padi adalah harga kawalan sejak tahun 1949. Kalau kita lihat dari segi sejarah mengenai harga padi, pada tahun 1949, kerajaan telah menetapkan harga padi sebanyak RM26.45 bagi tiap-tiap 100 kilogram. Kajian semula dibuat pada tahun 1971 dengan menaikkan harga padi kepada dua kumpulan iaitu kumpulan sederhana - RM31.42 sen bagi tiap-tiap 100 kilogram dan panjang - RM38.03 sen. Pada tahun 1974, 2 kali kajian telah pun dibuat dan akhirnya harga ditetapkan pada RM36.68 sen bagi sederhana dan RM46.30 sen bagi panjang. Kajian dibuat semula pada tahun 1979 dan harga ditetapkan - sederhana RM42.99 sen dan panjang RM49.61 sen. Tarikh terakhir kajian harga padi dilakukan pada tahun 1980 iaitu harga telah diwartakan - harga padi sederhana - RM46.30 sen dan panjang RM49.61 sen. Ia dilakukan 16 tahun yang lalu. Sejak dari tahun 1949, sehingga ke hari ini harga padi adalah harga kawalan.

Mari kita lihat peningkatan kos pengeluaran untuk mengerjakan sawah padi. Saya telah pun membuat kajian dan dari kajian yang dapat saya lakukan, kos untuk mengeluarkan padi pada tahun 1991 termasuk persediaan tanah, jentera tuai, angkut padi ke kilang dan sewa tanah sebanyak RM1,366.00.

**Tuan Yang di-Pertua:** Untuk apa itu? Untuk satu pikul?

**Puan Mastika Junaidah binti Husin:** Untuk satu hektar dan pada tahun 1994/1995, kos telah meningkat kepada RM1,425.00. Peningkatannya telah meningkat sebanyak RM59.00. Kalau hendak di lihat dari segi setiap item ataupun setiap jenis pekerjaan yang perlu dikerjakan untuk mengeluarkan keluaran tanaman padi, kita dapati, kos untuk sewa tanah dan kos untuk jentera tuai telah meningkat dengan begitu mendadak sekali.

Tuan Yang di-Pertua, demikianlah sejarah tanaman padi dan demikianlah kos yang dihadapi oleh petani-petani dengan kita tidak mengira kos-kos yang lain daripada 4 kos yang saya sebutkan tadi. Pendapatan bagi petani pada masa ini, dengan saya menganggarkan bahawa petani-petani boleh mendapat 5.52 tan sehektar, petani-petani akan mendapat pendapatan RM2,500 dan kos mereka menyediakan ataupun mengusahakan tanah bagi satu hektar sebanyak RM1,425 bererti pendapatan yang akan diperolehi oleh petani-petani cumalah RM1,075.

Tuan Yang di-Pertua, ini bukanlah pendapatan yang bersih. Kita belum mengira lagi tenaga kerja mereka sebagai kos dan kita belum lagi mengira

peruntukan-peruntukan untuk kawalan musuh, penyakit dan sebagainya, walaupun baja diberi percuma oleh kerajaan. Jika kita kira pendapatan bulanan petani-petani yang cuma mendapat RM179.00 sehektek satu bulan - ini pendapatan petani-petani - penanam padi. Jika ditolak kos yang saya sebutkan tadi tidak dikira dalam perkiraan ini, saya kira pendapatan mereka kurang daripada RM150.00 sebulan.

Tuan Yang di-Pertua, bayangkanlah, inilah yang sebenarnya keadaan petani-petani - penanam-penanam padi kita. Jika kita kaji penjualan beras - penjualan beras juga adalah bahan kawalan, tetapi sejak akhir-akhir ini satu peraturan telah pun dibuat oleh pihak kerajaan di mana beras telah dibahagikan kepada beberapa kategori. Beras Super tidak dikawal, beras Premium telah pun ditetentukan harga kawalannya, tetapi malangnya sejak kebelakangan ini semua beras telah menjadi beras Super - harga beras Super tidak dikawal dan sekarang ini beras Super telah pun dijual dengan harga RM1.40, RM1.60 dan RM1.50 tiap-tiap satu kilogram. Ini bererti bagi mereka yang menjalankan perniagaan beras yang mana beras yang dijual dalam bentuk beras Super dengan harga tidak terkawal berbanding dengan beras Premium, mereka mendapat keuntungan 0.45 sen bagi tiap-tiap satu kilogram bererti mereka mendapat keuntungan RM45.00 bagi tiap-tiap 100 kilogram, sedangkan kita melihat dalam masa yang sama petani-petani menghadapi tekanan dari segi kos pengeluaran.

Tuan Yang di-Pertua, saya menghuraikan perkara ini supaya Dewan yang mulia ini dapat mempertimbangkan nasib petani-petani kita sebagai pengeluar makanan utama negara.

Kita lihat di Jepun, harga semangkuk nasi adalah RM16, sedangkan setiap kali kita makan, kita makan harga sepinggan nasi 0.50 sen.

Tuan Yang di-Pertua, saya mendengar ada ura-ura pihak kerajaan untuk menarik subsidi baja padi. Oleh yang demikian, di dalam Dewan yang mulia ini, saya pohon kepada pihak kerajaan supaya kajian semula dijalankan dengan sebaik-baik dan seadil-adilnya supaya jangan pepatah yang selalu dikatakan oleh petani-petani, ‘kerbau di bendang bermandi lumpur, kucing di dapur tidur kekenyangan’. *[Ketawa]*

**Tuan Yang di-Pertua:** Betulkah itu?

**Puan Mastika Junaidah binti Husin:** Saya kira Datuk Haji Ibrahim lebih faham lagi maknanya. Itulah pepatah yang selalu diperkatakan oleh petani-petani kami, ‘umpama kerbau di bendang bermandi lumpur tetapi kucing di dapur tidur kekenyangan’. Oleh itu, di dalam usaha-usaha untuk kita menentukan supaya bekalan makanan negara dapat terjamin, persoalan industri tanaman padi ini saya kira perlu mendapat perhatian daripada kerajaan. Dari tahun 1990 harga padi tidak pernah dikaji, dalam masa yang sama, kos sentiasa meningkat, harga beras telah pun meningkat, tetapi petani-petani masih lagi berada di takuk yang lama.

Tuan Yang di-Pertua, saya kira itulah sahaja yang ingin saya sampaikan di dalam Dewan yang mulia ini bagi menyokong Titah Ucapan Seri Paduka

Baginda Yang di-Pertuan Agong. Dengan itu, saya pohon untuk menyokong. Sekian, terima kasih.

**Tuan Yang di-Pertua:** Tuan Ding Seling.

**4.02 ptg.**

**Tuan Ding Seling:** Tuan Yang di-Pertua, terima kasih di atas peluang yang diberi kepada saya bersama-sama dengan rakan-rakan yang lain dalam Dewan yang mulia ini untuk merakamkan sokongan kepada Usul Menjunjung Kasih Penghargaan dan Terima Kasih di atas Titah Ucapan Seri Paduka Baginda Yang di-Pertuan Agong sempena Perasmian Pembukaan Mesyuarat Pertama Penggal Kedua Parlimen Kesembilan pada 25hb. Mac, 1996 yang lalu.

Tuan Yang di-Pertua, seperti kita sedia maklum, Titah Ucapan Seri Paduka Baginda Yang di-Pertuan Agong telah membayangkan bahawa negara kita Malaysia yang dicintai ini, dengan izin dan limpah kurnia Tuhan yang Maha Esa akan terus maju dan mencapai kejayaan seperti yang dirangkakan dalam wawasan negara melalui kerajaan yang adil dan efisien. Syabas kepada kerajaan.

Tuan Yang di-Pertua, dalam konteks pembangunan negara, saya ingin juga bagi pihak kaum-kaum etnik minoriti di Sarawak menggunakan peluang ini untuk menyampaikan ucapan terima kasih dan penghargaan yang tidak terhingga kepada kerajaan di bawah pimpinan Yang Amat Berhormat Dato' Seri Dr. Mahathir bin Mohamad dan Timbalan beliau Yang Amat Berhormat



Dato' Seri Anwar Ibrahim atas segala keprihatinan yang ternyata dalam pelbagai bentuk rancangan, kemajuan yang mengambil kira sepenuhnya continuance atau spectrum masyarakat dari yang terdaif, termundur di desa sehingga yang termaju dan canggih di bandar-bandar dalam negara kita ini.

Saya bagi pihak kaum-kaum etnik minoriti tersebut yang saya wakili, ingin menyampaikan rasa penuh kepercayaan atas kepimpinan pucuk kerajaan pusat dan kerajaan negeri kami Sarawak. Kita berharap keadaan politik negara yang stabil, suasana sosial dan ekonomi yang baik akan berterusan, walaupun proses demokrasi yang kita amalkan memerlukan rakyat mengundi dalam pilihan raya atau pilihan pemimpin-pemimpin parti politik yang akan berlaku dalam tahun ini.

Tuan Yang di-Pertua, saya juga ingin sentuh sedikit mengenai pegangan taat setia kepada pemimpin kerajaan dan negara, kaum-kaum etnik minoriti di Sarawak. Sentiasa kita berbual-bual di Sarawak kerana bilangan kaum etnik di Sarawak itu adalah lebih daripada 20, maka kita selalu gambarkan kita hidup bersama-sama di antara satu sama lain sebagai satu batang sungai yang mempunyai banyak cabangnya. Maka masing-masing kita akan menyalurkan air kita masuk ke sebatang sungai dan hidup bersama di antara satu sama lain dengan keadaan damai dan sempurna.

Tuan Yang di-Pertua, budaya dan pegangan kami juga iaitu dari kaum minoriti sentiasa taat setia yang tidak berbelah-bagi dan mempunyai perasaan

cinta dan bangga kepada negara. Adalah menjadi kenyataan dan tidak boleh dipersoalkan.

Tuan Yang di-Pertua, saya menyebutkan perkara ini kerana kebelakangan ini dalam beberapa tahun yang lepas dan juga tidak lama dahulu, kita mendapati pelbagai aktiviti kaum-kaum etnik yang kecil di Sarawak yang telah disalahgunakan ataupun disebarkan merata-rata di dunia ini sebagai satu golongan, satu aktiviti yang menentang kerajaan. Walaupun seperti yang telah saya sebutkan tadi, budaya kita dan pegangan kita adalah sentiasa taat setia yang tidak berbelah-bagi.

Tuan Yang di-Pertua, saya ingin menyatakan di sini, bahawa aktiviti-aktiviti yang tidak diinginkan itu adalah dilakukan oleh segelintir orang-orang dari kaum etnik tersebut amnya dan dari apa yang telah kita lihat, aktiviti-aktiviti itu adalah dipengaruhi oleh NGO dari luar negara, segelintir yang saya maksudkan ialah dalam aktiviti pertama sekali, yang dahulunya dalam tahun 80-an yang menentang pembalakan di Sarawak serta menjadi alat-alat orang Barat untuk menyebarkan maklumat-maklumat palsu mengenai industri pembalakan.

Kita sudah sedia maklum bahawa segelintir yang terlibat itu sebenarnya tidak menentang pembalakan *per se*, dengan izin, mereka telah diperdaya oleh kerana pandangan dunia (world wide), dengan izin, mereka agak sempit ataupun tidak berpendidikan maka mudah bagi ahli-ahli NGO yang cerdik

pandai dari luar negeri itu menanam rasa songsang terhadap negeri dan negara sendiri kepada mereka yang terlibat.

Kini semua mereka yang terlibat itu melihat NGO berkenaan sebagai musuh, bukan sebagai kawan atau penyelamat lagi. Saya ucapkan tahniah dan syabas kepada Kerajaan Negeri Sarawak khususnya dan kerajaan amnya kerana telah berusaha untuk membetulkan perspektif mereka yang terlibat.

Tuan Yang di-Pertua, yang kedua, segelintir mereka yang terlibat dalam tindakan yang kurang baik tadi ialah yang melibatkan projek raksasa Bakun. Saya termaklum tidak lama dahulu, beberapa minggu dahulu seorang yang dianggap sebagai pemimpin di antara mereka yang berkenaan sudah datang ke ibu negara kita ini dan cuba menunjuk perasaan.

Tuan Yang di-Pertua, sebenarnya, yang dianggap pemimpin mereka berkenaan sebelum itu telah menyampaikan sokongan penuh dan padu bagi diri beliau dan juga bagi pihak masyarakat tempatan secara langsung kepada Yang Amat Berhormat Perdana Menteri sempena lawatan beliau ke Belaga tidak lama sebelum itu, cara beliau membuat perkara ini adalah melalui tradisi atau budaya orang-orang Kayan, jadi tempat itu melalui 'Parap'. 'Parap' adalah dilakukan secara nyanyian dan berpantun. Ini biasanya adalah dilakukan dengan penuh prihatin, dengan izin, 'from the bottom of the heart'.

Jadi, Tuan Yang di-Pertua, adalah tidak mungkin yang menjadi pemimpin mereka yang menunjukkan perasaan untuk menentang Projek Bakun itu tidak masuk akal. Ini adalah satu lagi hasil daripada tipu daya oleh NGOs juga.

Tuan Yang di-Pertua, sehubungan dengan ini nampaknya NGOs yang sering membuat laporan mengenai negara kita ini, bukan sahaja dari segi pembalakan dan Projek Bakun nampaknya mereka juga ingin memerintah dunia. Saya bercakap demikian oleh kerana tidak lama dahulu Parlimen Eropah telah membuat satu resolusi yang mana selaras dengan pandangan NGO. Sehubungan dengan ini, saya ingin menyeru kepada kerajaan supaya berhati-hati apabila membenarkan ahli-ahli NGO Barat datang untuk meminta maklumat mengenai negara kita ataupun hendak masuk sebagai pelawat. Terbukti tindakan mereka yang tidak ethical dalam menggunakan butir-butir mengenai projek-projek dan masyarakat kita khususnya kami yang mundur di desa.

Tuan Yang di-Pertua, satu lagi area ataupun tempat NGOs cuba untuk membuat tipu daya di desa di Sarawak iaitu dalam projek kerajaan negeri untuk membangunkan luar bandar. Sehubungan dengan ini, sebelum saya teruskan, saya ingin mengucapkan terima kasih kepada kerajaan seperti terbayang dalam ucapan Seri Paduka Yang di-Pertuan Agong mengenai cita-cita kerajaan untuk membangunkan luar desa melalui pertanian. Di Sarawak, kini kita giat

membangunkan tanah-tanah adat bumiputera untuk menjadi satu projek raksasa menanam kelapa sawit.

Tuan Yang di-Pertua, di sini pula, pihak NGO giat untuk memperdayakan orang-orang tempatan di mana mereka mengatakan bahawa kerajaan sedang berusaha untuk mengambil tanah orang-orang tempatan. Di sini, Tuan Yang di-Pertua, saya ingin menyatakan bahawa semuanya aktiviti-aktiviti yang begini adalah berdasarkan daripada rasa dengki nampaknya oleh orang-orang luar negeri atas projek-projek negara kita untuk membangunkan orang daif di luar desa, supaya mengekalkan orang-orang daif yang mundur tadi sebagai objek yang disimpan dalam museum. Saya menyeru sekali lagi supaya negeri atau kerajaan kita berhati-hati apabila mendapat permohonan dari NGOs untuk datang ke negara kita supaya jangan menggunakan orang-orang yang daif yang sempit pandangannya dari world views yang mudah diperdayakan.

Tuan Yang di-Pertua, saya juga ingin mengucapkan terima kasih kepada kerajaan atas dasar pendidikan prasekolah. Dalam perkara ini saya ingin ucapkan berbilang-banyak terima kasih kerana kita sedia maklum, di luar bandar, ramai budak-budak yang bukan sahaja tidak boleh pergi ke sekolah rendah tetapi juga tidak mempunyai peluang untuk mendapat pendidikan sebelum pergi ke sekolah. Oleh itu, saya ingin merakamkan berbilang-banyak terima kasih kepada kerajaan kerana telah memikirkan perkara ini, ini adalah satu-satunya di mana kerajaan nampaknya begitu prihatin. Bagaimanapun,

Tuan Yang di-Pertua, saya ingin menyeru supaya kerajaan khususnya Kementerian Pendidikan untuk berfikir dengan begitu mendalam mengenai pelaksanaan dasar pendidikan prasekolah ini kerana setakat ini mengikut maklumat ataupun pandangan biasa kita, kita lihat aktiviti prasekolah ini dianggap sebagai 'play school' di mana sikap ibu bapa mereka tidak mengambil berat tentang peringkat ini. Saya juga berpendapat bahawa ada sebahagian guru 'play school' ataupun prasekolah walaupun di bandar menganggapkan peringkat ini sebagai peringkat di mana murid-murid pergi ke sekolah.

Di sini, kalau kita tidak mempunyai sikap yang betul untuk menanam ke dalam fikiran kanak-kanak pada peringkat ini, nilai-nilai yang benar, yang patut dan memerlukan mereka berfikir dari peringkat awal ini mengenai nilai masa, nilai belajar, sikap yang betul dari mempelajari apa yang harus dipelajari bukan sahaja dari segi nilai-nilai kerohanian, nilai-nilai kemanusiaan mahu pun juga dari segi pembelajaran akademik mereka. Maka, kita akan melihat dalam masa-masa yang akan datang bahawa dasar pendidikan prasekolah ini mungkin dilihat telah gagal.

Oleh yang demikian, saya ingin menyeru supaya kita, pertama sekali, membuat kempen pula untuk membetulkan sikap ibu bapa terhadap anak mereka yang masuk ke dasar pendidikan dan juga memberi latihan kepada guru-guru yang akan terlibat supaya cara mereka mengajar, mendidik serta juga

mengelolakan permainan dengan budak-budak di peringkat itu adalah sesuai untuk pembangunan mereka dalam jangka masa panjang.

Yang kedua, Tuan Yang di-Pertua, saya ingin sentuh sedikit mengenai prestasi murid-murid bumiputera kita di luar bandar. Saudara saya, Yang Berhormat Tuan Rahim Baba telah menyentuh perkara ini semalam tetapi dari sudut pandangan orang luar bandar, saya pun ingin menyentuh perkara khususnya dari sudut Sarawak, saya ingin memberi cadangan dan meminta kerajaan supaya memikirkan untuk membina sekolah berasrama penuh di kawasan-kawasan seperti central school. Walaupun sekarang ini sebenarnya di Sarawak kita mempunyai banyak sekolah, sekolah rendah mahupun sekolah menengah yang mempunyai asrama tetapi yang maksud saya ini adalah sekolah yang menjadi teladan di mana dalam satu-satu kawasan, sekolah ini adalah yang dilengkapi penuh dan mempunyai guru-guru yang berwibawa, terpilih supaya murid-murid yang berdekatan di situ melihat sekolah itu sebagai satu tumpuan ataupun sebagai satu sasaran di mana mereka akan pergi apabila lepas prasekolah, sekolah rendah ataupun sekolah-sekolah menengah yang lain.

Dengan itu, Tuan Yang di-Pertua, saya sekali lagi sokong usul untuk menyampaikan terima kasih kepada Ucapan Titah Seri Paduka Baginda Yang di-Pertuan Agong. Sekian, terima kasih.

**Tuan Yang di-Pertua:** Datuk Ibrahim Ali. Sila.

**4.19 ptg.**

**Datuk Haji Ibrahim bin Ali:** Terima kasih, Tuan Yang di-Pertua. Usul menjunjung kasih Seri Paduka Baginda Yang diPertuan Agong.

Tuan Yang di-Pertua, pada kali ini amat istimewa sekali. Istimewa, pertama, kerana ianya berlaku semasa UMNO sebagai parti tulang belakang kepada kerajaan Malaysia hari ini merayakan 50 tahun. Kedua, ianya juga tepat apabila Rancangan Malaysia Ketujuh baru dilancarkan. Ketiga, pepatah ataupun bidalan Melayu mengatakan, 'biduk lalu kiambang bertaut' iaitu cerita Tengku Razaleigh Hamzah kembali ke UMNO yang akan memupuk perpaduan bangsa Melayu. Dan keempat ialah cerita bagaimana sebuah parti politik yang menggunakan agama berjaya mengambil alih kuasa di Kelantan dan hari ini, di saat, di ambang kejatuhan tidak lama lagi.

Di atas empat perkara inilah, saya ingin mengambil bahagian dalam perbahasan ucapan Menjunjung Kasih Seri Paduka Baginda Yang di-Pertuan Agong.

Tuan Yang di-Pertua, kita sememangnya masih lagi di dalam suasana perayaan UMNO. Saya menyebut UMNO dalam Dewan Negara ini ialah kerana UMNO adalah parti tulang belakang kepada negara ini yang telah berjaya memerintah negara ini sejak kita mencapai kemerdekaan sampailah ke hari ini dan UMNO sudah pun menjangkau usia 50 tahun.

Tuan Yang di-Pertua, kejayaan ini memang ada kait-mengait dengan sistem politik yang kita amalkan. Kita mengamalkan sistem demokrasi dan



amalan demokrasi yang kita amalkan selama ini memang menghasilkan natijah yang baik bagi pembangunan agama, bangsa dan negara. Tetapi sistem demokrasi ini juga ada kelemahannya.

**Tuan Yang di-Pertua:** Datuk Haji Ibrahim, sekejap ya. Menurut Peraturan Mesyuarat 6(3), saya dengan hormatnya menjemput Tuan Ding Seling untuk mempengerusikan Majlis. Dipersilakan.

[Tuan Ding Seling *mempengerusikan Mesyuarat*]

**Datuk Haji Ibrahim bin Ali:** Terima kasih, Tuan Yang di-Pertua.

**Tuan Ding Seling:** Sila teruskan.

**Datuk Haji Ibrahim bin Ali:** Saya menyebut tadi soal demokrasi kerana saya ingin mengajak rakan-rakan saya dalam Dewan Negara ini supaya kita benar-benar menghayati dan mentelaah secara serius amanat yang dibuat oleh Perdana Menteri yang juga secara kebetulan Presiden UMNO pada perayaan 50 tahun UMNO baru-baru ini iaitu demokrasi dan masa depan negara.

Ucapan Perdana Menteri yang juga Presiden UMNO pada perayaan UMNO 50 tahun baru-baru ini yang mengambil tajuk ‘Demokrasi dan Masa Depan Negara’ harus dan wajar, malah wajib diberi perhatian oleh seluruh rakyat negara kita.

Saya berharap seboleh-bolehnya, kalaulah perbahasan Titah Diraja ini ataupun perbahasan Rancangan Malaysia Ketujuh, paksi ucapan Yang Amat

Berhormat Perdana Menteri berhubung dengan Demokrasi dan Masa Depan Negara ini harus dijadikan rujukan yang paling serius. Kerana di dalam ucapan Yang Amat Berhormat Perdana Menteri pada perayaan Perhimpunan 50 tahun UMNO, ianya bukan semata-mata ditujukan kepada ahli-ahli UMNO, tetapi ucapan Perdana Menteri ditujukan kepada seluruh rakyat negara kita supaya kita benar-benar memahami dan mengerti apakah erti 'demokrasi'.

Demokrasi yang kita anggap bukan satu agama, tetapi ciptaan manusia semata-mata mempunyai kelemahan, tetapi inilah satu sistem pindaan yang dikira terbaik yang wujud di dalam dunia masa kini. Tetapi, sejauh manakah kita rakyat Malaysia mengambil berat dan menghayati ucapan Yang Amat Berhormat Perdana Menteri?

Selepas saya mendengar ucapan Yang Amat Berhormat Perdana Menteri sewaktu melancarkan ataupun berucap sempena perayaan 50 tahun UMNO, kemudian mendapat naskah yang telah diterbitkan, berkali-kali saya membaca ucapan Yang Amat Berhormat Perdana Menteri yang bertajuk Demokrasi dan Masa Depan Negara yang sekali gus menampilkan juga Perdana Menteri kita ini bukan sahaja seorang tokoh pemimpin negara yang berwibawa, yang ada vision, tetapi saya berani mengatakan bahawa Perdana Menteri kita juga adalah juga seorang ahli fikir yang besar. Maksudnya, dengan lain perkataan, he is a thinker by himself.

Kalau dahulu, kita sebagai ahli politik ataupun kita dengar tokoh-tokoh agama, pemimpin-pemimpin belia, pemimpin-pemimpin gerakan pertubuhan NGO, tokoh-tokoh akademik, malah penulis-penulis terkemuka termasuk mereka yang membuat thesis sarjana ataupun di peringkat Doktor Falsafah tidak pernah, kalau tidak lengkap dan kalau mereka tidak membuat quotation, mengambil ungkapan-ungkapan ahli-ahli fikir.

Kalau dewasa di zaman mutakhir ini, kalau berucap tidak sebut Kimichi Omaiyi tidak sah. Kalau tidak sebut Peter Drucker tidak sah. Kalau kumpulan gerakan Islam, kalau pemimpin-pemimpin PAS, kalau tidak sebut Syed Quttub tidak sah. Kalau tidak sebut Hassan Albana tidak sah. Begitulah kaedahnya.

Ataupun di Malaysia ini, sering nama Profesor Syed Naquib Al-Attas disebut. Mereka ini diibaratkan ahli-ahli fikir dalam bidang politik, dalam bidang agama dan macam-macam bidang masing-masing dan pandangan mereka sentiasa digunakan dalam bahan-bahan ucapan, termasuk Sukarno, Bung Hatta, malah Pendita Za'aba dan seumpamanya.

Pada saya, hari ini kita sudah ada ahli fikir terkemuka, iaitu Yang Amat Berhormat Perdana Menteri kita sendiri yang boleh kita jadikan bahan rujukan dan mengambil kata-kata, pandangan dan amanatnya. Sebab saya sendiri tidak terfikir, mungkin rakan-rakan dalam Dewan yang mulia ini menghadiri persidangan atau perayaan 50 tahun UMNO sudah membaca teks ucapan

Perdana Menteri ataupun mendengar siaran terus di televisyen, tetapi mungkin ada yang tidak mengikuti.

Tetapi saya hendak minta izin, Tuan Yang di-Pertua, saya hendak quote di sini, sebab ini penting kerana saya mengambil bahagian dalam perbahasan Titah Diraja, saya hendak bercakap soal dasar sahaja. Amalan sistem demokrasi yang diingatkan oleh Perdana Menteri kita yang menyebutkan di sini dengan jelas iaitu:

*“Demikian kerana inginkan demokrasi, orang Afghan menjatuhkan kerajaan beraja mereka. (ini muka surat 5). Tetapi hari ini Kabul hancur dan beratus ribu rakyat Afghan terbunuh dan dibunuh. Negara-negara demokratik Barat yang berdakwah berkenaan dengan demokrasi hanya membekalkan senjata untuk orang Afghan membunuh orang Afghan. Kita semua tahu bagaimana umat Islam di Afghanistan, kumpulan Dr. Burhanuddin Helmi dengan kumpulan Gulbudih Bakhtiar berbunuh-bunuh di antara satu sama lain, walaupun komunis sudah hancur di Eropah Timur.”*

Akhirnya kita lihat bagaimana kerajaan - minta maaf kalau saya sebut nama - Pakistan hari ini dalam pergolakan yang berlaku dalam negara Pakistan. Kita lihat bagaimana India yang baru sahaja selesai mengadakan pilihan raya

yang mengamalkan sistem demokrasi, tetapi hari ini masih lagi belum dapat membentuk kerajaan yang kukuh sepertimana kita di negara Malaysia.

Begitu juga demokrasi yang dikatakan demokrasi tulen. Malah kalau kita baca daripada satu muka surat ke satu muka surat, banyak contoh-contoh yang kita sendiri tidak terfikir dikumpulkan oleh Perdana Menteri dalam satu ucapan mengupas apa itu 'demokrasi' dan mengingatkan rakyat negara kita bahawa demokrasi yang kita amalkan sekarang ini kalau kita terjebak dengan demokrasi yang diamalkan oleh setengah-setengah negara dan kita terjebak dengan perangkap yang dibuat oleh kuasa besar ataupun kuasa-kuasa daripada Eropah ataupun daripada Amerika dengan secara terus terang, perangkap yang mereka pasang ini sudah tentu kita juga tidak terkecuali akan mengalami nasib yang sama.

Kita lihat bagaimana di sebuah negara Barat, kata Perdana Menteri kita, dalam tempoh 50 tahun, ada 55 kerajaan. Bererti, 5 kerajaan itu tak sampai satu tahun. Dalam satu tahun ada 2 kerajaan. Dalam tempoh 50 tahun, ada 55 kerajaan. Di sebuah negara demokratik Barat, puak minoriti Yahudi yang kaya dan amat berpengaruh dapat menguasai pemerintah secara tidak langsung melalui kekayaan dan kedudukan mereka kerana takut minoriti ini mengalahkan mereka dalam pilihan Presiden, kepimpinan negara menyokong keganasan dan tindakan tidak demokratik yang dilakukan oleh Israel iaitu serangan di Lebanon baru-baru ini, juga dibuat atas nama demokrasi.

Pendek kata, Tuan Yang di-Pertua, banyak contoh yang telah diberi oleh Perdana Menteri sehingga kepada peringkat contoh-contoh ini mengikut cadangan Perdana Menteri kita perlu diambil kira supaya kepercayaan kepada demokrasi tidak keterlaluan dan fanatik. Tetapi contoh-contoh ini tidak harus menyebabkan kita menolak sistem demokrasi secara total.

Ertinya, Tuan Yang di-Pertua, kejayaan kita selama ini ialah kerana kita mengamalkan demokrasi ala cara kita, ala cara Malaysia. Demokrasi mengikut acuan kita dan kita percaya selagi mana pemimpin-pemimpin kita berpaksikan kepada fahaman demokrasi ala Malaysia yang telah membuktikan kejayaan kita semasa kita mencapai kemerdekaan sehingga hari ini, insya-Allah, negara kita akan selamat. Tetapi kita tidak tolak kemungkinan dalam kita meraih kejayaan demi kejayaan berbagai-bagai ranjau, berbagai-bagai perangkap telah dipasang oleh negara-negara yang tidak ingin melihat Malaysia mencapai kejayaan seperti hari ini, termasuk ancaman-ancaman daripada dalam negeri. Terutamanya parti-parti politik yang memang rakus dengan kuasa dengan tidak mengambil kira tentang demokrasi yang kalau disalahgunakan boleh menghancurkan negara. Sebagaimana yang kita lihat kumpulan rakyat menggunakan agama sebagai alat politik. Kita lihat bagaimana mereka yang mempunyai kuasa menggunakan kuasa tanpa batas mengaut kekayaan dan seumpamanya. Semua ini diingatkan oleh Perdana Menteri kita dalam ucapan di waktu perayaan 50 Tahun UMNO.

Maka, Tuan Yang di-Pertua, ini bererti bahawa kefahaman demokrasi ini penting. Penting kerana ianya banyak kecacatan dan kelemahan. Saya tidak bercadang untuk menghurai dengan lebih lanjut tetapi saya ingin mencadangkan, Tuan Yang di-Pertua, oleh kerana demokrasi ini penting dan Perdana Menteri kita sudah nampak masa depan negara kita bergantung kepada sejauh mana kita mengamal demokrasi dengan cara betul, dengan cara acuan kita, dengan mengambil kira masyarakat majmuk, sentimen di kalangan pelbagai kaum dan agama, budaya dan berbagai-bagai ancaman dalam dan luar.

Maka oleh itu, saya ingin mencadangkan, Tuan Yang di-Pertua, sudah sampai waktunya Kementerian Pendidikan ataupun kerajaan memperkenalkan satu mata pelajaran baru secara khusus iaitu 'Politik Demokrasi' bermula di Tingkatan Tiga di sekolah-sekolah seluruh Malaysia. Kefahaman demokrasi ini penting kerana kita masyarakat majmuk. Kalau pun kita sudah tinggalkan peristiwa 13 Mei 1969, ianya menjadi pengalaman pahit dan hari ini kita lihat, kita bangga dengan perpaduan rakyat negara kita, tidak ada lagi permusuhan antara kaum yang menyebabkan negara kita aman, politik stabil, ekonomi memuncak, Perdana Menteri boleh bersuara dengan lantang di peringkat antarabangsa. Ianya harus kita jaga dengan baik dan cara kita hendak jaga dengan baik selain daripada undang-undang, selain daripada melalui Akta Keselamatan Dalam Negeri (ISA) tetapi yang lebih afdal, yang lebih penting apabila rakyat sendiri bertanggungjawab dan memahami sistem yang kita amal

dalam pemerintahan negara kita iaitu demokrasi secara ala Malaysia. Maka fahaman konsep demokrasi ala Malaysia ini yang saya sebut tadi iaitu satu ilmu politik demokrasi boleh kita kemukakan sebagai salah satu mata pelajaran terutamanya kepada anak-anak kita di peringkat bangku sekolah lagi supaya mereka dapat menghargai sistem demokrasi yang kita amalkan ini.

Tuan Yang di-Pertua, selain daripada itu bagi membolehkan demokrasi kita ini subur dengan cara ala kita, saya juga ingin mencadangkan supaya dilakukan reformasi di Dewan Rakyat dan juga di Dewan Negara ini, terutamanya di Dewan Negara. Baru-baru ini kita sudahpun mengadakan pecahan sempadan dan menambah bilangan Wakil-wakil Rakyat di Dewan Rakyat berdasarkan kepada pecahan yang dibuat oleh Suruhanjaya Pilihanraya. Tetapi pertambahan anggota Dewan Negara tidak bertambah. Ia masih di peringkat jumlah yang lama iaitu 68 orang.

Saya ingin mencadangkan supaya kerajaan mengkaji anggota Dewan Negara ini ditambah sesuai dengan pertambahan di Dewan Rakyat. Kalau dulu angka di Dewan Rakyat hanya sekadar 182 dan angka di Dewan Negara ini 68 - ianya begitu jauh bezanya. Saya ingin mencadangkan sekurang-kurangnya angka anggota Dewan Negara tidak kurang daripada dua pertiga jumlah anggota Dewan Rakyat dan hari ini anggota Dewan Negara dilantik oleh kerajaan negeri dua orang wakil daripada kerajaan negeri dan selebihnya wakil lantikan oleh Yang di-Pertuan Agong melalui nasihat ataupun cadangan Yang



Amat Berhormat Perdana Menteri. Sistem ini boleh dikekalkan, cuma jumlah sahaja bertambah.

Saya ingin mengambil kesempatan ini untuk mengalu-alukan anggota Dewan Negara yang baru pertama kali dilantik selain daripada mereka yang dilantik untuk penggal yang kedua, lebih-lebih lagi sahabat saya Yang Berhormat Charern Intachat iaitu wakil daripada orang Thai yang dilantik buat pertama kali mewakili golongan rakyat Thai dalam negara kita. Ianya kena pada tempatnya dan saya cukup memuji langkah kerajaan terutamanya Seri Paduka Baginda Yang di-Pertuan Agong melantik wakil rakyat Thai dalam Dewan Negara ini bagi membolehkan orang-orang Thai yang menjadi rakyat Malaysia juga mempunyai representative di dalam Dewan Negara yang mulia ini. Begitu juga kita sudah ada wakil Orang Asli sebelum ini iaitu Yang Berhormat Tuan Itam Wali bin Nawan daripada Perak. Dan kemudian kita ada juga wakil daripada Persatuan Perajurit iaitu Yang Berhormat Dato' Zainol Abidin bin Johari iaitu mewakili bekas-bekas tentera. Kemudian kita ada wakil daripada Persatuan Pemborong. Ertinya kita sudah ada precedent.

Saya ingin mencadangkan, baru-baru ini Kesatuan Sekerja di waktu merayakan Hari Buruh mereka juga mencadangkan kepada kerajaan akan kemungkinan wakil Kesatuan Sekerja Malaysia dilantik menjadi anggota Dewan Negara. Saya menyokong cadangan ini kerana pekerja-pekerja adalah sebahagian daripada jumlah yang besar rakyat negara kita dan pekerja adalah

tenaga produktiviti pembangunan negara kita yang seharusnya mereka diberi suara dalam Dewan Negara yang mulia ini.

Saya juga ingin cadangkan supaya wakil daripada Pertubuhan Persatuan Pengguna (FOMCA) juga dipertimbangkan dan wajar diberi tempat dalam Dewan Negara ini. Tidak menjadi masalah, Tuan Yang di-Pertua, berapa ramai kita hendak pun boleh. Kalau Dewan Rakyat sekarang ini ada 182 orang, apakah salah kita ada 100 anggota Dewan Negara? Wakil daripada kerajaan negeri tidak terjejas. Kuota perlantikan Seri Paduka Baginda Yang di-Pertuan Agong tidak terjejas, tetapi semua pertubuhan yang penting juga diwakili dalam Dewan yang mulia ini termasuk saya cadangkan seorang wakil daripada karyawan negara sama ada dari Gapena, Pena ataupun sasterawan negara. Mereka boleh bergilir-gilir bagi mewakili golongan karyawan, golongan seniman, golongan penulis, golongan wartawan yang mewakili satu kelompok ini, seorang wakil di Dewan Negara yang mulia ini termasuk wakil daripada Persatuan Pengguna (FOMCA), kesatuan sekerja dan kita boleh dapatkan wakil daripada kalangan persatuan ahli-ahli akademik, golongan-golongan cendekiawan. Kenapa tidak? Supaya Dewan kita ini akan mendapat lebih banyak pandangan daripada berbagai-bagai pihak bagi menyesuaikan apa yang saya katakan tadi demokrasi cara kita. Walaupun Dewan Negara tidak dipilih oleh rakyat, hanya sekadar di peringkat Dewan Rakyat dan Dewan Negara ini dipilih di atas perlantikan tetapi 'representation'nya meliputi semua lapisan

masyarakat. Saya percaya kalau kita lakukan perubahan ini, insya-Allah, kita akan lebih dihormati dan pihak kerajaan akan dapat mendengar suara rakyat daripada berbagai-bagai lapisan.

Pendek kata, banyak lagi kelompok-kelompok lain yang patut dan perlu dipertimbangkan. Malah wakil belia yang kita cakap soal belia memanglah ada anggota Dewan Rakyat, anggota Dewan Negara yang masih umurnya di bawah 40 tahun, boleh dianggap sebagai wakil belia, maka tidak perlu lagi wakil belia. Kita pun juga bercakap sebagai belia tetapi tidak ada salahnya kalau kita lantik seorang wakil belia untuk menjadi anggota Dewan Negara.

Pengiktirafan dan penghargaan kepada golongan belia kita yang berjumlah begitu besar, sebahagian besar warga negara rakyat kita ialah golongan belia dan kita bimbang soal belia kita sekarang ini. Hari ini perayaan Hari Belia ini Yang Amat Berhormat Timbalan Perdana Menteri akan melancar di Stadium Negara, dijangka 50,000 orang belia hadir. Kita bimbang akhirnya wujud Rakan Muda dan macam-macam lagi. Tetapi sebagai pengiktirafan, elok selepas sahaja Majlis Perunding Belia Negara, selama ini mereka ada Majlis Perunding Belia Negara yang mewakili berbagai pertubuhan, selepas mereka bersidang melalui wakil mereka di dalam Dewan Negara, mereka boleh menyampaikan hasil rumusan Majlis Perunding Belia Negara dalam Dewan yang mulia ini.

Saya juga mencadangkan seorang wakil Majlis Perunding Belia Negara dilantik dalam Dewan Negara ini. Ini adalah golongan-golongan kelompok yang penting, termasuk juga seperti saya sebut tadi iaitu wartawan jangan lupa. Wartawan ini juga penting, dan apa yang saya sebut tadi golongan karyawan ini termasuk wartawan, sama ada daripada Pena ataupun Persatuan Wartawan Malaysia. Mereka juga adalah golongan yang mempunyai maklumat yang banyak. Kita lihat tulisan-tulisan dalam akhbar macam-macam pandangan yang boleh diguna, yang boleh diambil contoh, yang boleh diambil tauladan, yang boleh digunakan sebagai input untuk kerajaan kita menggubal dasar dan melaksanakan program-program pembangunan bagi tujuan kepentingan agama, bangsa dan negara.

Tuan Yang di-Pertua, selain daripada itu perkara yang kedua, tidak banyak saya hendak cakap hari ini, ringkas-ringkas sahaja, tetapi insya-Allah, padat.

Perkara yang kedua, saya ingin menyentuh, Tuan Yang di-Pertua, ialah mengenai dengan perpaduan Melayu. Perpaduan Melayu ini penting kerana negara ini tunjangnya ialah Melayu dan parti politik yang berkuasa menjadi tulang belakang kepada Barisan Nasional ialah UMNO. Bila UMNO kuat, bererti wujudlah perpaduan Melayu.

Saya cukup gembira, Tuan Yang di-Pertua, apabila mendengar berita yang sudah pun rasmi iaitu Presiden Semangat 46, Tengku Tan Sri Razaleigh

Hamzah akan kembali ke pangkuan UMNO bersama dengan saki-baki pengikutnya. Saya menyebutkan demikian kerana ibarat bidalan Melayu mengatakan, Tuan Yang di-Pertua, 'biduk lalu, kiambang bertaut'. Tetapi yang tersirat di sebalik perpaduan ini penting, penting kerana ianya boleh membawa pada kekuatan bangsa. Bila UMNO kuat bererti bangsa Melayu kuat dan Semangat 46 tidak relevan lagi.

Saya cukup gembira, Tuan Yang di-Pertua, kalau empat tahun dahulu waktu saya merujuk semula ke UMNO macam-macam saya ditohmah, macam-macam gelaran diberi kepada saya 'lompat' dan macam-macam, orang PAS kata, orang S.46 kata - macam-macam orang kata pada saya. Saya tidak peduli, sebab saya memikirkan perpaduan Melayu ini lebih penting dan meletakkan kepentingan negara dan bangsa lebih daripada segala-galanya. Walaupun kasih saya kepada seorang pemimpin Kelantan memang tidak terkira - saya mengakui, tetapi kepentingan negara, bangsa lebih penting daripada segala-galanya. Saya berpindah yang menyebabkan akhirnya saya kalah dalam pilihan raya baru-baru ini di Pasir Mas - saya mengakui, tetapi Tuan Yang di-Pertua, yang saya gembira kalau dahulu orang tuduh saya macam-macam, akhir sekali langkah yang saya buat empat tahun dahulu, diikuti oleh pihak lain. Ini menunjukkan betapa berpandangan jauhnya saya ini. *[Ketawa]* Betapa berawasannya saya ini. *[Ketawa]* Dahulu apa orang kata, saya tidak kisah,

saya meletakkan kepentingan agama, bangsa dan negara lebih dari segala-galanya.

Hari ini ada pula orang mengatakan sekarang Semangat 46 hendak balik kepada UMNO - kita mengalu-alukan, mereka akan bubar parti. Selepas itu baru mereka masuk, kerana tidak hendak dituduh sebagai melompat - tidak apalah, apa cara pun tidak kisahlah asalkan masuk. Saya ini lompat sebab cepat, mereka itu lambat sebab berjalan, boleh ditakrif macam-macam, tetapi yang pentingnya mereka kembali kepada UMNO.

Saya percaya apabila mereka kembali ke UMNO, saya katakan tadi 'perpaduan Melayu'. Kenapa 'perpaduan Melayu?' Menyelesaikan masalah yang berlaku di negeri Kelantan. Kelantan adalah satu negeri dalam Persekutuan, bilangan penduduk rakyat Kelantan dari segi mengikut kaum 95% lebih ialah umat Islam - orang Melayu, bererti kekuatan bangsa Melayu tidak boleh kalau rakyat Kelantan terpinggir dalam arus pembangunan perdana. Kekuatan politik ini tidak boleh dipisah dengan Kelantan, sebab itu mahu tidak mahu Kelantan mesti dibawa kembali dalam arus pembangunan perdana ini. Dengan izin, dalam bahasa Inggeris, Tuan Yang di-Pertua, 'we have to bring back Kelantan in the main stream'. Tak mungkin kita boleh buat tanpa kembalinya sebahagian daripada penyokong-penyokong Semangat 46 yang masih setia kepada Tengku Tan Sri Razaleigh Hamzah.

Hari ini mereka kembali, bererti kita menyelesaikan masalah Kelantan - insya-Allah, kita selesai, perpecahan rakyat Kelantan dapat diredakan, kalau tidak semua pun, sebahagian, dapat kita pulihkan. Kita mesti melihat secara positif, tidak harus ada berbagai-bagai spekulasi yang lebih daripada itu, selain daripada kepentingan untuk rakyat Kelantan.

Saya percaya satu lagi apa yang dikatakan simboliknya 'kembalinya semula Tengku Tan Sri Razaleigh Hamzah ke UMNO', ialah bahawa Tengku Tan Sri Razaleigh Hamzah dengan sendiri, apabila beliau bersetuju kembali ke UMNO menerima kepimpinan Yang Amat Berhormat Dato' Seri Dr. Mahathir bin Mohamad. Yang bererti juga Tengku Tan Sri Razaleigh Hamzah sudah menerima kewibawaan dan kejayaan kepimpinan Yang Amat Berhormat Dato' Seri Dr. Mahathir bin Mohamad, tidak ada orang boleh menafikan. Begitu juga saya percaya Yang Berhormat Tengku Tan Sri Razaleigh Hamzah menyokong kepimpinan Yang Amat Berhormat Dato' Seri Dr. Mahathir bin Mohamad dan juga Yang Amat Berhormat Timbalan Presiden, Dato' Seri Anwar bin Ibrahim.

Saya harap tidak ada mana-mana pihak membuat spekulasi yang menimbulkan berbagai-bagai reaksi yang negatif, tetapi lebih melihat, memandang betapa rakyat Kelantan hidup dalam keadaan derita. Kalau keadaan perpecahan berterusan berlaku dan tidak dapat kita selesaikan dengan cara membawa balik semua sekali penyokong-penyokong Semangat 46 yang dahulu UMNO ke pangkuan UMNO sebagai salah satu arah ke arah matlamat

menuju ke arah perpaduan Melayu. Hal ini sudah pun berlaku dan saya cukup gembira, saya sangat-sangat bersyukur ke hadarat Allah S.W.T kerana langkah yang saya ambil dahulu ialah langkah yang betul.

Sesudah saya meninggalkan dahulu, saya ingat selepas itu pemimpin-pemimpin besar kita yang juga tidak kurang jasanya, seperti Yang Berbahagia Datin Paduka Rahmah binti Osman, Dato' Radhi bin Sheikh Ahmad, Datuk Wira Ahmad Nordin daripada Melaka, Dato' Zainal Abidin bin Johari wakil tentera yang ada di sini, dahulu orang kuat S.46 juga kembali ke UMNO.

Saya masih ingat ramai lagi pemimpin-pemimpin lain yang langkah mereka ini adalah langkah yang betul. Saya harap mereka yang kembali ke arah cita-cita perpaduan Melayu ini mereka kembali bukan kerana politik peribadi, bukan kerana hendak mencari tempat dan kedudukan, bukan hendak cari pangkat, tetapi kita harap mereka meletakkan kepentingan agama, bangsa dan negara lebih dari segala-galanya. Inilah yang saya katakan tadi, 'biduk lalu kiambang bertaut'.

Saya ingin pastikan, Tuan Yang di-Pertua, bahawa dalam suasana politik demokrasi ini saya katakan, banyak pihak akan menulis berbagai-bagai tulisan, akhbar-akhbar luar negeri akan tulis dan membuat berbagai-bagai spekulasi. Tetapi kalau kita orang-orang Melayu khususnya keluarga UMNO dapat mengawal perasaan, dapat meletakkan apa yang penting lebih dari diri kita sendiri, insya-Allah, saya percaya, keadaannya akan selamat.

Tuan Yang di-Pertua, saya menyebutkan tadi ada kaitan dengan Kelantan. Bila saya sebut ada kaitan Kelantan, kerana Kelantan mengalami perpecahan. Hari ini Semangat 46 sudah sedar apa yang dibuat oleh PAS. Dahulu bila saya sebut dalam Dewan Rakyat, saya sebut dalam Dewan Negara ini, wakil PAS, wakil 46 pada waktu itu menafikan dia kata saya 'ada-adakan' cerita. Saya kata PAS dengan Semangat 46 sudah bergaduh, mereka kata



“tidak” - itu cerita Ibrahim Ali sahaja. Cerita dakyah UMNO. Nah! Sekarang sudah betul, saya hentam banyak-banyak PAS pun kasihan juga, fasal wakil dia seorang sahaja wanita. Nanti orang kata saya ‘buli’ pula.

**Datuk Haji Hashim bin Safin:** *[Bangun]*

**Tuan Ding Seling:** Yang Berhormat Datuk Haji Ibrahim bin Ali, ada orang minta laluan, Datuk Haji Hashim.

**Datuk Haji Hashim bin Safin:** Terima kasih, Tuan Yang di-Pertua. Saya berminatlah untuk mendapat, penjelasan lebih lanjut daripada saudara saya ini, kerana perkembangan itu kadang-kadang dia berubah-ubah. Saya meminjam istilah yang digunakan oleh Yang Amat Berhormat Menteri Besar Kelantan, iaitu kesah APU; PAS dan S.46 di Kelantan ibarat suami-isteri, di mana PAS mengahwini isteri yang telah diceraikan oleh UMNO. Dan antara sebab kemarahan suami, oleh kerana isteri itu masih ingat terkenang-kenang kepada suami lama yang pernah membuat dating, istilah yang digunakan. Dan setelah disedari bahawa suami juga memang ingin merujuk balik kepada isteri, maka yang terakhir semalam kita melihat bahawa usaha-usaha untuk merapat balik suami-isteri itu sedang diusahakan. Apakah maklumat lanjut ataupun Yang Berhormat Datuk Haji Ibrahim boleh jelaskan apakah S.46 akan terus bersama dengan UMNO untuk mengukuhkan perpaduan? Saya mohon penjelasan. Terima kasih.

**Tuan Ding Seling:** Silakan Datuk Haji Ibrahim.

**Datuk Haji Ibrahim bin Ali:** Terima kasih, Yang Berhormat Datuk Haji Hashim bin Safin yang juga daripada Kelantan. Ini mungkin berkait dengan kenyataan Menteri Besar Kelantan semalam yang mengatakan mereka masih memerlukan lagi S.46. Walaupun mereka ini tiang, S.46 ini paku - tak ada paku, dia kata rumah tak jadi. Dia baru sedar bahawa kerajaannya hendak runtuh. Tetapi jangan kita kiralah kenyataan Menteri Besar Kelantan, walaupun dia Tok Guru, tetapi otak bercelaru. Sebab itu kita tak boleh pakailah.

Sebab itu saya hendak menyebut di Dewan ini, Tuan Yang di-Pertua, saya tidak pernah berjumpa seorang pemimpin, apatah lagi digelar Tok Guru, memakai nama Tok Guru, tetapi bercakap bohong, pembohong besar. Dahulu saya takut hendak sebut. Hendak sebut direct accusation, saya takut. Sebab orang kata Dato' Haji Nik Aziz keramat. Tetapi saya kumpul kenyataan-kenyataan Dato' Haji Nik Aziz sebaik sahaja tercetusnya pergeseran beliau dengan pihak Istana, Sultan Kelantan, dengan S.46, kita kumpul, bercelaru.

Empat hari lepas dia kata Sultan Kelantan tak dengar nasihat, bukan manusia. Itu saya baca dalam surat khabar. Saya bukan sebut. Dalam *Utusan Malaysia* boleh baca. Macam-macam kenyataan dia buat. Dia sudah cabar Exco supaya S.46 keluar daripada kerajaan negeri. Semalam Dato' Haji Nik Aziz boleh pula buat kenyataan yang lain, sebab dia tahu dia akan menghadapi masalah. Itu menunjukkan bahawa kalau selama ini orang dok menyebut Dato'

Haji Nik Aziz, Tok Guru, mana dia Tok Guru? Kalau dia Tok Guru, tentulah tak jadi apa yang berlaku di Kelantan. Ini menunjukkan dia tidak ada kewibawaan.

Sebab itu saya pernah mengatakan, Tuan Yang di-Pertua, mentadbir sebuah negeri, mentadbir sebuah negara, tidak semudah kita mentadbir sebuah masjid. Mentadbir sebuah masjid senang. Cukup waktu, kita palu gendang, panggil bilal, azan, lepas sembahyang kita boleh tahlil, wirid, lepas itu mengajar agama, setakat itu sahaja. Walaupun kita mahir dalam agama, tetapi hendak mentadbir sebuah negeri, tidak semudah itu. Tidak semudah kita hendak mentadbir sebuah kerajaan, tidak semudah kita hendak mentadbir sebuah negara. Terbukti nyata apa yang berlaku di Kelantan hari ini. Kalau berlaku, masalah antara Menteri Besar Kelantan dengan pihak Istana, bukan masalah pihak Istana degil ataupun tidak mendengar nasihat. Menunjukkan Dato' Haji Nik Aziz sebagai Menteri Besar gagal, tak berupaya hendak berdepan dengan seorang Raja.

Saya masih ingat lagi waktu berlaku krisis hendak meminda Perlembagaan Negara bersabit dengan kekebalan Raja-raja di Dewan Rakyat hampir dua tahun yang lalu. Yang Amat Berhormat Perdana Menteri dapat menangani masalah isu itu dengan baik. Hari ini di kalangan Raja-raja Melayu tidak ada masalah dengan pimpinan UMNO. Dengan Menteri-menteri Besar UMNO di seluruh negeri tidak ada masalah. Perdana Menteri, Dato' Seri Dr.

Mahathir pun tidak ada masalah. Dia seorang yang dikatakan Tok Guru, berserban, berjanggut, tak boleh hendak selesai dengan Istana Kelantan. Maka dia tuduh pihak Istana yang salah. Sepatutnya kalau dia ada kewibawaan, dia mendekati dan mengguna approach yang dikatakan kepimpinan Islam, tentulah tidak berbangkit, betul atau tidak? Di manakah yang dikatakan kepimpinan Islam. Kalau dikata kepimpinan Islam, 'therefore there should be no problem,' cakap Orang Putih, itu sah wakil PAS tak faham.

Maknanya tidak ada masalah kalau digunakan apa yang dikatakan kepimpinan ulama. Ulama tidak mencaci orang. Ini Dato' Haji Nik Aziz mencaci orang. Dato' Haji Nik Aziz sendiri caci Raja. Betul atau tidak wallahu a'lam. Hari ini kenyataan Timbalan Menteri Besar lain, S.46 lain, kenyataan Menteri Besar lain. Dahulu saya sudah sebut cerita Adona, diberi projek berharga RM2.5 bilion. Saya pernah sebut masalah bekalan air Kelantan yang diberi kepada Kelantan Water Sdn. Bhd. usaha sama dengan Thames Water. Saya sebut dalam pilihan raya umum. Sebelum pilihan raya umum saya sudah sebut. Tak ada orang 'pick-up', tak ada orang kisah. Nah, sudah terdedah, terbukti benar. Saya menyebut pihak SEDC melibatkan diri dalam permainan saham. SEDC rugi RM14 juta. Dato' Haji Nik Aziz marah pada Timbalan Menteri Besar II. Dia kata bila Encik Rozali Isohak, Timbalan Menteri Besar II dedah, kalau Rozali Isohak menjadi Menteri Besar pun belum tentu dia jamin mendapat untung.

Jadi, selama ini bila pemimpin PAS di Dewan Rakyat dok serang UMNO, dok serang kerajaan, itu rugi, ini rugi, kita jawab dia tak dapat terima, cara mereka jawab itu serupa kita jawab. Takkah bahlul! Sebab itu saya kata, saya cukup kesal. RM14 juta rugi. Hari ini saya baca dalam *Straits Times*, pegawai PROSEDC jawab, dia kata tak rugi, accumulated lost of profit is about RM5.4 milion, dengan izin. RM5.4 juta, accumulated profit. Rugi berapa banyak, wallahu wa'lam. Itu kita tak tanya lagi. Saya hendak tanya Dato' Haji Nik Aziz, tolong kemukakan senarai di mana SEDC Kelantan membeli saham, sama ada saham-saham yang dibeli itu ikut hukum syarak ataupun tidak, belum tentu lagi. Itu baru setakat rugi.

Draf hukum hudud RM240 ribu kerajaan negeri kena bayar. Bercakap bab hukum syarak, Tuhan sahaja yang tahu, meleleh air liur. Akhir sekali hendak buat draf hukum hudud, lantik sebuah syarikat guaman. Tuan Haji Abdul Hadi bercakap berdegar-degar. Dia tokoh ulamak, dia Pengerusi Jawatankuasa. Ada lagi, Dato' Nik Aziz, ramai lagi lepasan Azhar. Sepatutnya mereka yang gubal, kenapa sampai RM240 ribu? Negeri Kelantan ialah negeri miskin. Syarikat guaman mana, Wan Mutalib Embong. Siapa Wan Mutalib Embong? Anggota ahli jemaah agung parti PAS. Mereka juga berniaga sama sendiri. Kenapa tidak diberi percuma ataupun token fees. Kenapa sampai RM240 ribu?

Baru-baru ini kita tengok, krisis ini berlaku bila, Tuan Yang di-Pertua? Apabila Dato' Haji Nik Aziz beli kereta besar. Exco-exco sudah pakai kereta besar, macam menteri kerajaan pusat, Mercedes S.320. Bukan main lagi duduk di belakang. Menteri Besar Kelantan, Dato' Haji Nik Aziz duduk di belakang. Kadang-kadang buka ketayap, berkipas. Kereta besar. Kalau macam Ayatollah Ruhullah Khomeni, lain. Hendak ikut Ayatollah Khomeni. Bila bercakap, kita ikut Iran, tetapi perbuatan tidak seperti Iran. Saya sempat bertemu dengan Ayatollah dahulu, Tuan Yang di-Pertua. Waktu revolusi Iran berlaku dahulu, kebetulan saya berada di Eropah. Kalau tak salah ingatan saya, saya orang pertama jumpa dengan Almarhum Ayatollah Ruhullah Khomeni di Chatu Milu, saya masih ingat lagi. Waktu itu berlaku revolusi, dia belum pulang ke Iran.

Saya pergi melawat dan sempat bertemu dengan Ayatollah bersama keluarganya. Saya sempat berjemaah satu hari sembahyang dengan Ayatollah Khomeni. Saya buat wawancara dengan Ayatollah Khomeni. Ringkas cerita, dia balik ke Iran seminggu selepas itu, dia tak jadi ketua negara. Dia balik ke Qum, dia jadi ulamak betul-betul. Dia beri orang lain memerintah jadi Presiden Iran. Hari ini Rafsan Jani yang menjadi Presiden Iran. Dia tak pegang, Ayatollah sudah meninggal. Anaknyapun baru-baru ini sudah meninggal. Yang bakal jadi Presiden ialah Ahmad Khomeni. Tetapi pokok pangkalnya, ulama, tak pegang jawatan.

Berbeza dengan Dato' Haji Nik Abdul Aziz. Puak-puak PAS kempen merata tempat, sebut dalam Dewan Rakyat, potong gaji 30%. Orang UMNO semua potong gaji, beri kepada tabung. Lama sudah kita buat. Mereka baru bercerita mengenai Dato' Haji Nik Abdul Aziz kononnya potong gaji, puji melangit, rendah diri, hidup seperti rakyat miskin, rumah kerajaan tak duduk, duduk di rumah Pulau Melaka. Dia duduk di rumah Pulau Melaka, dahulu buruk, hari ini sudah masuk minyak tar. Jambatan di Pulau Melaka pun sudah

jambatan baru. Ini saya hendak beritahu supaya semua orang tahu. Rumah nombor 10, rumah kerajaan tak duduk, tetapi majlis rasmi buat di rumah nombor 10. Kereta besar, Mercedes S.320. Kapal terbang pun sudah duduk first class.

Inilah bala yang ditunjukkan oleh Allah S.W.T. Sebab itu agama ini jangan main-main. Kita sebut politik wang adalah buruk, kita hendak hapuskan politik wang. Politik agama, menggunakan agama untuk politik, yang disebut demokrasi ini, yang disalahgunakan, termasuk menggunakan agama, sebagaimana ingatan Perdana Menteri sewaktu Perayaan 50 Tahun UMNO, tengoklah apa yang berlaku di Kelantan, akhir sekali yang menjadi mangsa ialah rakyat di kampung. Kenduri-kendara, masalah kematian, kubur tidak boleh sama, sembelihan tidak boleh dimakan yang disembelih oleh orang UMNO, masalah ziarah waktu kematian pun tidak boleh di antara parti-parti politik, di antara UMNO dengan PAS, khutbah di masjid-masjid digunakan habis-habisan, sehingga hari ini kita lihat apa yang berlaku di Kelantan? Dan apa yang disebut oleh Yang Berhormat Dato' Hashim Safin tadi memang benar.

Baru-baru ini dia rasa dia kuat, dia cukup angkuh - dia ingat. Sebab Nik Aziz itu tidak tahu undang-undang, dia ingat dia besar dia boleh memerintah. Manakala bila Semangat 46 kembali kepada UMNO, sekarang ini UMNO ada 7 kerusi, Semangat 46 ada 12 kerusi - jadi, ada 19 kerusi, PAS ada 24 kerusi - 3 kerusi sahaja lagi. Tidak adalah wakil PAS di Dewan Negara nanti - out.

Tetapi kalau mereka 'out' pun, kita lantik jugalah, satu, dua kerusi - boleh, untuk kita buat pemanas. Tiga kerusi sahaja lagi, dia sedar itu, sebab itu dia cuba hendak betulkan balik sikapnya - Menteri Besarnya, dengan mengatakan "oh, kita masih perlu lagi kepada Semangat 46". Dia tahu, dia hendak pinda undang-undang, pindaan undang-undang di negeri Kelantan, memang kalau bab immunity raja-raja, dulu UMNO yang mendokong. Pindaan Perlembagaan ini Yang Amat Berhormat Dato' Seri Dr. Mahathir mempelopori kerajaan Barisan Nasional - sudah selesai.

Waktu dibawa dahulu dituduh UMNO hendak membuang raja, manakala hari ini kita tengok raja lebih dihormati kalau dibandingkan dengan dahulu. Anak-anak raja tidak ada lagi yang macam dahulu. Kalau dahulu bila orang bawa kereta, potong kereta anak raja, silap gaya kena tampar. Hari ini mana anak-anak raja, kerabat-kerabat raja - memang tidak ada lagi - no more above the law, kita sama di sisi undang-undang. Itu yang dipinda, lepas itu kalau undang-undang yang dibuat oleh Dewan Rakyat, kalau sudah lulus dan selepas 60 hari tidak ditandatangani oleh Agong, maka ianya akan menjadi undang-undang. Yang negeri Kelantan hendak pinda ini mungkin berbeza dengan apa yang kita pinda. Kalau yang mereka hendak pinda ini sama dengan yang kita hendak pinda bersabit dengan Sutan-sultan - tidak lagi above the law - kita sokong, tetapi sayugia diingatkan bahawa di Kelantan ada lagi undang-undang yang berbeza dengan kerajaan pusat bersabit dengan perlantikan pegawai-



pegawai kerajaan KNCS Kelantan, kedudukan Majlis Agama Islam Kelantan. Cuba bayangkan kalau pindaan dibuat dengan cara PAS memerintah menyalahgunakan immunity raja nanti, bayangkan Kelantan akan menjadi “padang jarak padang terkukur”.

Sebab itu kita mengingatkan kerajaan pusat, sebelum kita menyokong pindaan Perlembagaan Negeri Kelantan, kita mesti berhati-hati dan berwaspada sebab pemimpin UMNO berbeza dengan pemimpin PAS. Pemimpin UMNO mentadbir untuk kepentingan rakyat, bangsa, negara dan agama, bukan menjadikan politik, khususnya agama, untuk kepentingan diri sendiri. Itu bezanya. Sometimes we give too much power kepada orang yang tidak arif, tunggulah saat kehancurannya - kata Dr. Abdul Kadir Raudah, salah seorang ahli fikir, termasuk Dr. Mahathir sekalilah - samalah itu. Ahli-ahli fikir mengatakan dahulu: tunggu - hancur.

**Tuan Yim Chee Chong:** *[Bangun]*

**Dato’ Haji Ibrahim bin Ali:** Silakan.

**Tuan Yim Chee Chong:** Yang Berhormat tadi mengatakan di Kelantan, PAS cuma lebih 3 kerusi sahaja di dalam Dewan Undangan Negeri. Bolehkah Yang Berhormat memainkan peranan yang penting untuk mencari 3 orang daripada parti PAS masuk ke UMNO supaya dapat menjatuhkan kerajaan PAS di Kelantan. Boleh atau tidak Yang Berhormat memainkan peranan itu?

*[Ketawa]*

**Datuk Haji Ibrahim bin Ali:** Terima kasih, Yang Berhormat. Soal memainkan peranan tidak berbangkit sama sekali dan terpulang kepada wakil-wakil PAS yang ada. Kalau wakil PAS yang ada sekarang ini, beberapa orang berpindah parti seperti di Sabah, runtuhlah. Kalau tidak, kita tunggu pilihan raya yang akan datang, masanya tidak lama, 3 tahun sahaja lagi. Jadi, kita tidak ada masalah. Kita tidak berhasrat untuk mengambilalih kuasa secara tidak demokratik. Kalau mereka melompat secara sukarela, berpindah parti - Alhamdulillah, kita dapat mengambilalih dan Barisan Nasional dapat menubuh kerajaan dengan secepat mungkin, kalau tidak kita tunggu 3 tahun, 3 tahun lagi, insya-Allah, selamat, apabila melihat perkembangan mutakhir ini.

Saya hendak habiskan soal pindaan Perlembagaan. Pindaan Perlembagaan ini penting kerana dia ada 'far reaching effect' kepada Kelantan, kalau kita salah dan tidak berhati-hati - kita mesti berhati-hati. Mesti mengkaji fasal demi fasal apa yang hendak dipinda oleh pihak PAS. Tetapi PAS pun sudah sedar, dia baru ini mengharap kepada sokongan UMNO dengan mengatakan UMNO akan sokong, sebab kita menyokong pindaan immunity raja-raja di Dewan Rakyat. Saya hendak perbetulkan kenyataan Haji Hadi. Waktu itu saya menjadi anggota Dewan Rakyat. Bila bil ini dikemukakan untuk Bacaan Kali Yang Pertama, memang orang-orang PAS di Dewan Rakyat sokong - saya masih ingat - sokong dari segi ucapan. Pada Bacaan Kali Yang Kedua, waktu mengundi, saya tidak tahulah, 'seingatan saya' - ini kena check,

tetapi saya menyebut seingat saya Wakil PAS tidak ada dalam Dewan Rakyat - waktu Second Reading.

Selepas sahaja undang-undang ini diluluskan di Dewan Rakyat maka negeri-negeri mula membuat pindaan supaya selaras dengan pindaan yang dibuat di peringkat persekutuan. Haji Hadi, Wakil PAS dalam Dewan Rakyat, di Terengganu juga beliau Ahli Dewan Undangan Negeri Terengganu tidak menyokong pindaan Perlembagaan mengenai dengan kekebalan raja. Dia menentang habis-habisan, mengatakan pindaan itu tidak Islamic. Fadhil Noor, President PAS menentang di Dewan Undangan Negeri Kedah, manakala pemimpin PAS, Wakil-wakil Rakyat PAS yang ada dalam Dewan Rakyat, baik Mohamad bin Sabu, Wan Jamil dan sebagainya, bila berucap di Kelantan, mereka menentang habis-habisan dengan menuduh UMNO hendak membuang raja dan isu inilah yang digunakan dalam pilihanraya umum tahun 1995 baru-baru ini - sesudah pindaan itu diluluskan di Dewan Rakyat. Di mana yang mengatakan mereka menyokong? Tetapi hari ini mereka mengatakan bahawa mereka sokong sebab mereka hendak mendapat sokongan UMNO mereka mengatakan mereka sokong, manakala perbuatan mereka, mereka tidak sokong. Tindak tanduk mereka tidak sokong, sebab itu saya kata ulama apa benda ini, ulama caca-merba.

Pemimpin yang menggunakan Islam tidak bertanggungjawab. Kalau orang biasa tidak apa, orang macam saya, saya tidak kata, saya tok guru, saya

tidak 'claimed - I am perfect', saya tidak 'claimed' saya faham Islam dan segala-galanya, kita pun masih banyak kekurangan, tetapi orang yang 'claimed' the sole authority perjuangan Islam ialah pergerakan mereka, tetapi mereka menyalahgunakan kedudukan dan menyalahgunakan agama. Hari ini mereka boleh mengatakan mereka menyokong, dahulu mereka menentang - tidak sampai setahun setengah mereka berbohong, ini pemimpin apa ini? Sebab itu saya tidak hairanlah kalau Tengku Razaleigh dan pengikutnya hendak balik semula ke UMNO. Sebab bohong betul-betul bohong, bukan sahaja bohong, penipu kepada rakyat. Kenapa tidak boleh bercakap benar?

Tuan Yang di-Pertua, saya bertambah yakin, dahulu saya takut hendak bercakap seperti sekarang ini, dahulu lantang juga saya bercakap, tetapi hari ini lebih yakin - I am more confident, terlalu yakin dah sebab berdasarkan kepada perbuatan, tingkah laku, tindak tanduk mereka yang benar-benar menyalahgunakan agama sehingga orang-orang bukan Islam, rakan-rakan kita yang bukan beragama Islam sudah salah faham terhadap agama Islam. Menampakkan Islam itu begitu extreme. Dahulu mereka menuduh UMNO bekerjasama dengan orang Tionghua - tidak boleh, pemimpin UMNO kalau pergi ke kuil dia tuduh sudah masuk agama lain, murtad. Hari ini Nik Aziz sudah pergi ke kuil - tidak apa, dia pula buat tidak apa, itu tidak apa, ini tidak apa, semua tidak apa. Apa yang dia buat semuanya tidak apa.

Dahulu apa orang UMNO buat dia kata tidak boleh. Inilah pemimpin yang ada di Kelantan sekarang ini. Sebab itu saya tidak hairan, insya-Allah, kebenaran satu hari juga tetap akan tertegak, kerajaan Kelantan akan runtuh dan langkah Tengku Razaleigh balik semula ke UMNO ke arah perpaduan Melayu ini harus dilihat secara positif. Saya yakin masalah Kelantan akan dapat kita selesaikan dengan secepat mungkin demi kebaikan dan kestabilan politik negara kita kerana Kelantan juga salah sebuah negeri dalam Persekutuan, lokasinya begitu strategik. Kalau tidak, ianya memberi masalah kepada negara kita. Vietnam, Kambodia, Laos, Burma, Myanmar, betul-betul berada berhadapan dengan Kelantan, ianya termasuk dalam Pembangunan Tiga Segi. Thailand, Indonesia - tengok kedudukan strategik Kelantan, dengan Vietnam 200 batu, Vietnam pun sudah mengamalkan dasar ekonomi terbuka. Kelantan kaya dengan hasil bumi dan masih banyak lagi rakyatnya saya percaya seperti Ahli-ahli Yang Berhormat pun tahu, memang terdedah kepada perniagaan dan rajin. Saya percaya dengan perkembangan pembangunan yang sedang dialami oleh negara kita, kalaulah kita dapat bawa balik Kelantan dalam main stream, masalah politik tidak akan timbul lagi antara PAS dengan UMNO - seperti yang kita lihat sekarang ini. Kelantan juga di bawah Barisan Nasional, bukan sahaja rakyat Kelantan akan lebih terbela, tetapi apa yang ada di Kelantan, kedudukan strategiknya, Kelantan sebagai sebuah negeri dalam Persekutuan, saya percaya juga akan memakmurkan negara kita ini apatah lagi dalam konteks perpaduan Melayu yang saya sebutkan tadi.

Tuan Yang di-Pertua, selain daripada itu, yang akhir, yang saya hendak sebutkan ialah bersabit dengan program pembangunan ekonomi. Ini saya hendak menyentuh detail nanti waktu perbahasan Rancangan Malaysia Ketujuh secara spesifik. Tetapi oleh kerana dibincang sekarang ini, saya hanya

menyebutkannya secara sepintas lalu iaitu bersabit dengan masalah akhlak dan moral anak-anak kita di sekolah.

Sekarang ini perbahasan dalam surat khabar sedang rancak bersabit dengan hendak mengawal disiplin di sekolah-sekolah sama ada anak-anak kita ini boleh dirotan oleh guru ataupun tidak. Perkara ini sedang dibincang sekarang ini. Pandangan umum hasil daripada survey yang dibuat oleh pihak *The New Straits Times* yang saya baca, majoriti menyokong supaya sistem rotan itu diamalkan semula. Saya kalau tak ada survey ini pun, Tuan Yang di-Pertua, saya turut menyokong, saya secara peribadi menyokong sistem rotan ini diamalkan semula di sekolah-sekolah. Sebab kita bimbang tentang masalah yang wujud di sekolah-sekolah anak-anak kita sekarang ini dan rotan bukanlah kita kata, merotan ini dengan sewenang-wenangnya iaitu seorang guru boleh merotan anak murid di tempat yang sunyi ataupun tidak dilihat oleh mana-mana pihak.

Sistem rotan anak-anak kita di sekolah yang melanggar disiplin boleh dibuat di waktu assembly, di waktu perhimpunan umum yang dilakukan oleh pihak sekolah pada setiap minggu, satu hari setiap minggu, waktu itu boleh dilaksanakan hukum rotan dengan diwujudkan beberapa syarat dan kaedah supaya ianya menjadi pengajaran kepada anak-anak kita yang mudah keluar daripada landasan ini bagi membawa balik, kalau tidak, guru-guru kita menghadapi masalah. Malah, ada setengah-setengah ibu bapa pula, cerita di

Kelantan pun telah ada dahulu, ada ibu bapa pergi pukul Cikgu, manakala guru sendiri pun ada masalah, sebab anak-anak kita sekarang ini kalau yang liar itu, liar betul, tidak mudah kita hendak mengawalinya. Maka dengan sebab itu, saya menyokong sistem rotan ini diamalkan semula di sekolah.

Tuan Yang di-Pertua, saya akan mengulas lagi dalam hal sistem pendidikan ini sewaktu perbahasan Rancangan Malaysia Ketujuh nanti.

Satu lagi perkara yang saya cukup-cukup geram, betul-betul 'hot', ini bersabit dengan pembuncing motosikal. Beberapa kali telah kita bangkitkan di dalam Dewan Rakyat dahulu dan sekarang ini pula hendak bangkitkan sekali lagi. Saya hendak menarik perhatian Kementerian Dalam Negeri, Kementerian Pengangkutan, Lembaga Pelesenan, kita hendak bercakap soal keselamatan jalan raya. Hari ini di negara kita seingatan saya, paling kurang terbunuh di jalan raya seramai enam orang satu hari, belum pernah lagi kita mencapai angka 0% kemalangan jiwa. Maknanya tidak ada yang mati, paling sedikit enam orang mati di Malaysia kita, kalau di hari perayaan beratus, tengok angka, kira yang terbanyaklah di dunia ini. Ini masalah kemalangan jalan raya. Tetapi, yang paling saya 'hot' ialah masalah perlumbaan motosikal.

Jika kita lihat di waktu malam di Kuala Lumpur sekarang ini, di tempat saya duduk di Taman Melawati dan di mana-mana sahaja sudah menjadi budaya, tetapi yang paling teruk sekali di Kuala Lumpur, di hadapan Concorde Hotel, jalan utama di bandaraya, di Jalan Sultan Ismail, Jalan Tun Razak pada

pukul 12.00 malam atau pukul 1.00 pagi mereka boleh berlumba. Saya baru-baru ini dekat-dekat hendak accident. Saya cakap terang-terang. Saya hendak bertanya apakah kementerian dan polis-polis ini buat?

Oleh kerana tidak ada rondaan maka mereka ini pun bijak, di mana polis tidak ada, di situ mereka berlumba. Di tempat-tempat yang lapang mereka lihat ada polis, takut orang tengok, dia tidak berlumba. Ini di Jalan Sultan Ismail, daripada di hadapan Bank Pembangunan terus sampai ke Hiltin Hotel, di situ boleh berlumba, di Jalan Ampang boleh berlumba. Mana JPJ, mana Polis Trafik - bayarlah gaji tambahan atau elaun tambahan sampai 24 jam, ronda banyak-banyak, letakkan pasukan peronda ini seberapa banyak yang boleh. Kalau tidak, saya percaya, tunggulah nanti akibatnya. Cara mereka memintas kereta, cara bunyi motosikal itu tak usah kisahlah, hendak pecah telinga ini, memang pecah telinga ini bila mendengar bunyi motosikal itu, tetapi cara mereka memotong kereta itu, ya Allah! Tuhan sahaja yang tahu!

Saya minta tindakan tegas dibuat. Kalau boleh dipinda undang-undang, pindalah undang-undang, kalau perlu kepada hukuman mandatori, hukuman mandatori. Kalau setahun - setahun, kalau dua tahun - dua tahun. Tak ada fesyen denda jel sebulan, denda RM1,000, sekarang ini denda RM1,000 tak ada benda, Tuan Yang di-Pertua, ibu bapa sudah kaya. Motosikal Halley Davidson yang besar itu, kerja tidak ada, ini ibu bapa yang kayalah ini, hasil kemakmuran, sebab itu *South Morning Post* telah keluar dalam surat khabar



hari ini mengatakan kekayaan negara Malaysia ini akan boleh menghancurkan bangsa Malaysia itu sendiri termasuk orang Melayu dalam UMNO. Kerana kemewahan yang teramat sangat, sudah tidak boleh hendak kawal lagi, motosikal-motosikal yang besar, dengan perlumbaan dalam kawasan bandaraya, dalam kesesakan yang begitu mereka boleh menjalankan perlumbaan dan kita ada berapa unit? Unit Dewan Bandaraya, JPJ, Polis Trafik dan macam-macam uniform lagi ada. Tetapi, masih lagi perkara ini berlaku. Saya hendak mintalah supaya polis terutamanya trafik mengambil tindakan keras, budak-budak ini kalau diambil tindakan, kalau kurung seminggu pun tak ada masalah, beri depa rasa sebelum nyawa mereka terancam. Setiap malam, kalau malam minggu lagi dahsyat.

Tuan Yang di-Pertua, saya membangkitkan perkara ini, sebelum perkara ini terlambat. Mungkin kita akan mendengar peristiwa nanti, minta dijauhkan Allah Ta'ala, tetapi kalau tengok gaya mereka berlumba, tunggulah berita keluar nanti, 15 orang mati serentak kerana berlumba motosikal. Kita minta dijauhkan Allah Ta'ala, tetapi tengok pada gaya yang sedang berlaku di bandaraya, perkara ini mungkin boleh berlaku.

Tuan Yang di-Pertua, saya rasa itu sahajalah, saya telah menyebutkan tadi perkara hal demokrasi, perkara yang berkaitan dengan reformasi Parlimen, mengenai dengan krisis Kelantan, mengenai dengan 'bidok lalu kiambang bertaut' dan dua perkara yang saya bangkitkan secara sepintas lalu, saya rasa

cukup untuk sekadar ini dalam mengambil bahagian ucapan Menjunjung Kasih Titah Ucapan Yang di-Pertuan Agong. Saya turut berdoa semoga Yang di-Pertuan Agong berdua dipanjangkan umur, sihat wal'afiat dan kita juga bersyukur baru-baru ini Baginda telah sempat mengerjakan ibadat haji dan sudah pun pulang ke tanah air, semoga haji Baginda berdua ialah Haji Mabrus. Saya menyokong, terima kasih, Tuan Yang di-Pertua.

**Tuan Ding Seling:** Yang Berhormat Tuan Haji Abdul Majid bin Haji Baba.

**5.17 ptg.**

**Tuan Haji Abdul Majid bin Haji Baba:** Tuan Yang di-Pertua, saya ucapkan terima kasih kerana memberi peluang kepada saya. Saya ingin mengambil bahagian Usul Menjunjung Kasih Titah Ucapan Seri Paduka Baginda Yang di-Pertuan Agong semasa merasmikan Dewan Rakyat pada 25hb. Mac, 1996 baru-baru ini.

Saya ini Ahli yang baru, kereta baru, lembunya baru, fasal kereta lembu Melaka, baru sekali masuk Melaka. Orangnya baru, tuan pun baru, sungguh kenal belum biasa. *[Ketawa]*

Tuan Yang di-Pertua, kita rakyat Malaysia patut sentiasa bersyukur kepada Allah S.W.T. yang mana kita mempunyai Seri Paduka Baginda Yang di-Pertuan Agong yang sentiasa prihatin kepada rakyat, yang mengambil berat atas penghidupan rakyat berhubung dengan pembangunan, keselamatan dan

agama kita, sesuai dengan ke arah mencapai taraf negara maju seperti yang diharapkan dalam Wawasan 2020.

Kita juga rakyat Malaysia berbangga sekali lagi dan bersyukur mempunyai pemimpin Yang Amat Berhormat Perdana Menteri, Dato' Seri Dr. Mahathir Mohamad yang dikasihi, bukan sahaja membangunkan negara yang begitu pesat ekonominya bahkan kita mengetahui beliau memperkenalkan negara kita ke seluruh dunia dari segi pengenalan dunia dikagumi oleh semua bangsa. Pemimpin kita menebus maruah bangsa, menebus maruah agama, boleh dikatakan hampir setiap bulan dan masa, setiap minggu semua pemimpin di dunia ini datang ke Malaysia bukan sahaja melawat, bahkan mencontohi, mempelajari kepimpinan kepada Malaysia ini.

Syabas kita ucapkan kepada pemimpin-pemimpin kita. Kita juga terima kasih kepada Yang Amat Berhormat Timbalan Perdana Menteri yang tidak kurang kehebatannya bersama-sama menteri yang lain.

Tuan Yang di-Pertua, saya ingin menyentuh hal keselamatan negara kita. Saya yakin keselamatan kita terjamin kuat tetapi kadang-kadang kapal terbang pun banyak kali yang jatuh. Bagaimana pengurusannya kita pun tidak tahu. Sehingga kita dapat menyumbang tenaga membantu negara-negara lain seperti negara-negara di Bosnia Herzegovina dan juga di Afrika, tetapi saya hendak sebut di sini keselamatan dalam negeri yang amat serius bagi kita. Baru-baru ini kita tahu bahawa banyak penculikan yang telah berlaku. Penculikan ini

bukan sahaja dilakukan kepada orang dewasa, orang tua dan juga kepada gadis-gadis. Yang paling menyayat hati kita ialah anak-anak sekolah rendah. Apakah tahu anak-anak ini, tidak tahu bercakap, tidak tahu meminta maaf, tidak tahu hendak lari, tidak tahu hendak kata apa. Bukan sahaja menyayat hati kepada kedua ibu bapa, kita juga turut menyayat hati bilamana anak-anak diculik. Maksud saya, apakah langkah yang patut dibuat, yang diambil oleh pihak Kementerian Dalam Negeri ke atas perkara-perkara yang serupa itu? Penculikan kerap berlaku, kadang-kadang kanak-kanak pun dibunuh, bila mana minta tebusan tidak dapat ditunaikan oleh keluarga mereka.

Satu perkara yang saya hendak sebut bahawa dalam Titah Ucapan Seri Paduka Baginda Yang di-Pertuan Agong baru-baru ini telah menyebut sektor pertanian yang lebih moden, yang dinamik supaya pengeluaran makanan tidak banyak kita bergantung kepada negara-negara luar. Saya hendak sebut di sini, kalau kita lihat dan ikuti sekarang ini, teknologi pertanian kita, kita bandingkan negara jiran kita jauh perbezaan lagi, usah jauh, negara Thailand sahaja. Kajian sungguhpun dibuat oleh Mardi dan pejabat pertanian, tetapi semua bidang belum lagi mencukupi keadaannya. Kita mempunyai tanah yang luas tetapi pengeluaran kita masih lagi kekurangan, tidak dapat mengatasi keperluan.

Tuan Yang di-Pertua, baru-baru ini saya difahamkan bahawa pejabat Risda berhubung dengan pekebun kecil, bantuan tanam semula tidak akan

diadakan pada tahun 1997; kalau benar berlaku perkara ini, kalau betul berita ini, tidak diadakan bantuan tanam semula kepada pekebun kecil, tanah-tanah yang tidak begitu luas, seekor dua, lebih-lebih lima ekar, tidak macam mana orang-orang yang kaya raya, apa akan jadi kepada mereka? Tanah-tanah yang hendak ditanam semula, alasannya tidak ada hasil lagi dipungut daripada pekebun-pekebun getah, tetapi kita lihat bahawa kita boleh pungut wang ses daripada penanam kelapa sawit. Tanaman getah masih ada lagi, sedangkan getah-getah banyak tidak bertoreh, kajian tidak dibuat. Kementerian Perusahaan Utama mengkaji, RRI mengkaji, tetapi setakat mana kajian mereka? Bagaimana hendak mengeluarkan getah yang banyak? Bagaimana cara memeriksa yang pendek menggunakan teknologi yang baik, boleh mendapatkan getah yang banyak? Banyak yang tidak bertoreh, tinggal begitu sahaja dan saya difahamkan kedudukan Risda, skopnya pun hendak dikecilkan, pegawainya hendak diberhentikan. Kalau ada pekebun-pekebun kecil yang bergantung kepada bantuannya, kepada siapa hendak bergantung kalau tidak ada peruntukan? Tidak diberi bantuan tanam semula. Hendak pinjam bank, saya difahamkan Risda akan menjamin ataupun menggalakkan kepada pinjaman bank penanam-penanam semula. Satu hari nanti tanah yang dipunyai oleh pekebun-pekebun kecil akan dilelong oleh bank-bank ini melalui mahkamah. Ke mana mereka? Hendak tanam tidak ada, tanah pun sudah dilelong, hendak duduk pun sudah tidak ada tempat lagi.

Tadi, ada Yang Berhormat menyatakan kita hendak mengurbanisasikan, hendak memperbandarkan perkampungan kita, sedang kita tahu tanah sekarang pun sudah kurang, sudah buat pembangunan, sawah sudah jadi rumah batu, bagaimana keadaan ini berlaku? Kalau tanah-tanah yang ada sedikit-sebanyak pada pekebun kecil tidak dapat diusahakan, sedangkan dalam Titah Ucapan Seri Paduka Baginda Yang di-Pertuan Agong, kita hendak memperelokkan teknologi, kita hendak memperbaiki untuk pengeluaran kita yang lebih dinamik dan lebih baik lagi, tetapi bantuan tidak dapat diadakan. Saya mengharapkan supaya kementerian berkenaan mengkaji semula supaya diteruskan bantuan tersebut termasuklah Kementerian Perusahaan Utama tadi.

Saya penuh yakin, kalau ini caranya, tidak ada bantuan, tidak ada tempat pekebun-pekebun kecil untuk bergantung menanam semula lagi. Apa akan berlaku kepada mereka? Ke mana mereka hendak kita halakan. Sekarang kita ketahui bahawa bukan hendak menanam getah, pokok getah sudah ditebang, dijual, dijadikan balak, gantikan pengeluaran balak, harga yang begitu baik. Ini pun satu masalah. Kita tahu bahawa getah adalah satu punca pendapatan, satu pengeluaran yang masih lagi dikehendaki oleh semua negara kalau dibandingkan dengan getah tiruan. Oleh yang demikian, saya sekali lagi meminta kepada menteri yang berkenaan mengkaji semua untuk mendapatkan bantuan diberi kepada pekebun-pekebun kecil.

Tuan Yang di-Pertua, saya hendak menyebut dalam soal Kementerian Kesihatan. Saya tidak menyebutkan hospital mana. Baru-baru ini berlaku di hospital kerajaan. Doktor pakar, kalau dibandingkan dengan doktor swasta, pemeriksaannya, penelitiannya jauh berbeza keadaannya. Seorang kawan saya, Yang Berhormat membawa anaknya ke hospital, membuat pemeriksaan sakit di kepala anak mereka itu, tetapi pemeriksaannya terlalu lambat diambil tindakan, satu hal, kemudian doktor itu memberitahu supaya membawa anak mereka ini ke hospital swasta, dia pula mengarah sedemikian dan tidak diberitahu apakah penyakitnya, apakah pemeriksaan itu dilakukan dengan segera? Jadi, kawan saya tadi membawa ke hospital swasta kena bayar RM16,000. Inikah keadaan? Apakah tindakan yang patut diambil dan tidak patut berlaku? Itu, seorang Yang Berhormat kawasan saya, ini cakap benar! Apa hal kalau orang miskin, orang yang tidak tahu hal yang berkaitan, orang kampung yang tidak faham, yang segan keadaan ini. Jadi, ini juga supaya pihak kementerian tersebut meneliti keadaan.

Adakah patut mereka mengarahkan supaya anak pembawa tadi diarahkan ke hospital swasta? Sepatutnya mereka menyiasat dahulu, meletakkan dalam wad, memberikan ubat apa yang patut, mengapa kita mengarahkan mereka supaya pergi ke hospital swasta dengan tidak diteliti terlebih awal? Kadangkala pemeriksaannya memang jauh berbeza kalau dibandingkan dengan swasta, tidak tahulah kerana swasta itu dibayar, tetapi kita

memikirkan bahawa kebanyakan di luar-luar bandar, di kampung-kampung, orang-orang yang miskin, yang tidak mempunyai kewangan, yang susah, apatah lagi di waktu-waktu malam. Jadi, saya mengharapkan supaya kementerian yang berkenaan dapat mengkaji keadaan tersebut dan baru-baru ini bayaran hospital pun akan dikenakan, akan diminta kepada pesakit-pesakit.

Tetapi kalau kita kaji sekarang ini, pendatang-pendatang tanpa izin, orang bukan rakyat Malaysia juga kita tampung, kita hormati, kita bendung dan kita beri keutamaan sedangkan rakyat kita sendiri kadang-kadang menderita kesakitan, tidak ada pembelaan. Kalau kita kenakan pembayaran, mestilah dikaji pembayaran dan perbezaan hendaklah diadakan. Maksud saya, bezanya, kalau orang yang pendapatannya lebih, bezakanlah dengan orang yang tidak mempunyai pendapatan iaitu orang yang miskin supaya menghilangkan beban kesusahan kepada penduduk-penduduk di luar bandar.

Berhubung dengan penduduk atau pendatang tanpa izin yang menjadi masalah kepada negara kita, bukan sahaja di bandar-bandar dan di kampung-kampung, pekerja-pekerja kilang kadang-kadang menjadi masalah kepada negara kita. Berlaku masalah kecurian dan rompakan termasuk rogol dan sebagainya.

Kalau kita lihat di Melaka sahaja, setiap bulan, pendatang tanpa izin ini melalui laut. Di utara, melalui sempadan Thailand/Malaysia tidak dapat dikawal dengan betul. Hal ini Menteri Dalam Negeri sepatutnya mengambil



tindakan yang serius. Pendatang tanpa izin yang datang begitu banyak ini boleh menggugat rezeki yang sepatutnya dinikmati oleh bangsa dalam negara kita sendiri. Mereka datang semasa kita senang, menumpang rezeki yang ada.

Memang kita memerlukan tenaga pekerja, tetapi kita mesti memikirkan keburukan akibatnya kepada negara dan Kementerian Dalam Negeri mesti memikirkan sekatan dan kajian yang patut dibuat supaya mencegah pendatang tanpa izin ini yang begitu ramai dalam negara kita.

Berhubung dengan hal-hal yang lain, saya memberi peluang kepada kawan-kawan yang lain. Saya ini orang baru, mungkin tidak banyak modal. Sekali pun saya boleh bercakap, tetapi belum lagi dapat data-data yang sebenarnya yang patut saya luahkan yang patut saya perjuangkan dan akan saya sampaikan kepada rakan-rakan saya dan juga kepada Tuan Yang di-Pertua.

Jadi, saya menyokong penuh atas Titah Ucapan Duli Yang Maha Mulia Yang di-Pertuan Agong. Saya menyokong usul yang dibawa oleh Yang Berhormat rakan saya semalam.

Sekian, terima kasih.

**Tuan Ding Seling:** Yang Berhormat Tuan M.G. Pandithan.

**5.34 ptg.**

**Tuan M.G. Pandithan:** Terima kasih Tuan Yang di-Pertua. Saya berterima kasih kepada Tuan Yang di-Pertua kerana memberi saya peluang untuk membahas Titah Ucapan Seri Paduka Baginda Yang di-Pertuan Agong di

Istiadat Perasmian Mesyuarat Pertama, Penggal Kedua, Parlimen Kesembilan pada 25hb. Mac 1996.

Baginda telah menyentuh beberapa perkara yang penting dalam bidang politik, ekonomi, pendidikan dan sosial dan juga memuji Perdana Menteri, Yang Amat Berhormat Dato' Seri Dr. Mahathir Mohamad yang kita kasihi dan sanjung tinggi dan Kerajaan Barisan Nasional yang adil dan efisien. Politik stabil, ekonomi kukuh, sistem pendidikan bermutu tinggi dan kehidupan sosio-ekonomi amat membanggakan.

Semua ini adalah hasil daripada usaha Kerajaan Barisan Nasional dan UMNO. UMNO memainkan peranan yang penting kerana UMNO menjadi tulang belakang kepada Barisan Nasional. UMNO menjadi tulang belakang kepada perpaduan. UMNO menjadi tulang belakang kepada kestabilan politik. UMNO menjadi tulang belakang kepada ekonomi yang kukuh dan kuat. UMNO menjadi tulang belakang kepada keamanan, kedamaian dan keharmonian. *[Tepuk]*

Tuan Yang di-Pertua, pada 19hb. Mei 1996 ini, UMNO telah merayakan Ulang Tahun Yang Ke-50. Saya ingin mengambil peluang keemasan ini untuk mengucapkan Selamat Menyambut Ulang Tahun Yang Ke-50 kepada Presiden UMNO, Yang Amat Berhormat Daot' Seri Dr. Mahathir Mohamad, pemimpin yang berkaliber, berkarisma, competent, efficient, effective, agresif, dinamik dan berwawasan tinggi dan juga Timbalan Presiden UMNO, Yang Amat

Berhormat Dato' Seri Anwar Ibrahim, pemimpin yang mempunyai banyak harapan dan confident dan juga kepada semua pemimpin dan Ahli-ahli UMNO yang saya hormati. Saya ingin merakamkan setinggi-tinggi terima kasih atas jemputan kepada parti IPF untuk menghadiri perayaan yang bersejarah itu.

Tuan Yang di-Pertua, pada 11hb. Mei ini, genaplah usia 50 tahun tertubuhnya UMNO. 50 tahun bukanlah satu jangka masa yang pendek. Namun demikian, UMNO hidup dengan kukuh dan kuat dan diharap akan lebih mantap pada masa-masa akan datang. Parti yang ditubuhkan untuk memperjuangkan nasib bangsa Melayu telah menjadi tonggak dalam Kerajaan Barisan Nasional.

Sebagai parti utama dalam kerajaan, perjuangan UMNO tidak sempit dalam satu lingkaran politik iaitu memperjuangkan nasib orang Melayu sahaja, sebaliknya UMNO juga memperjuangkan nasib bangsa-bangsa lain di Malaysia dalam erti kata sebenarnya. Dasar liberal dan saksama Kerajaan Barisan Nasional yang ditunjangkan oleh UMNO telah membuahkan banyak hasil. Negara kita telah maju dalam semua bidang. Pakar-pakar ekonomi dunia kagum dengan prestasi ekonomi kita. Pemimpin-pemimpin dunia hairan dengan keharmonian, persefahaman dan perpaduan rakyat berbilang bangsa.

Tokoh-tokoh agama pula memuji toleransi agama kita. Pelancong-pelancong dari luar negeri kagum dengan adunan pelbagai agama yang unik. Pendek kata, negara kita menjadi model bagi dunia luar. Semua ini adalah hasil

daripada perjuangan UMNO dengan disokong oleh parti-parti komponen Barisan Nasional. Pokok pangkalnya, semua kaum.....

**Tuan Hanipah bin Ahmad:** *[Bangun]*

**Tuan Ding Seling:** Yang Berhormat Tuan M.G. Pandithan, Tuan Hanipah minta laluan.

**Tuan Hanipah bin Ahmad:** Tuan Yang di-Pertua, minta laluan. Saya ingin mendapta penjelasan. Dalam ucapan Yang Berhormat tadi ada menyebut satu sebutan IPF. Saya ingin mendapat penjelasan, apakah itu IPF dan siapakah yang memimpin IPF ini?

**Tuan Ding Seling:** Silakan.

**Tuan M.G. Pandithan:** Terima kasih. IPF adalah parti yang mewakili lebih setengah juta orang dari grass roots. Pemimpinnya, M. G. Pandithan.

*[Ketawa]*

**Tuan Ding Seling:** Yang Berhormat, apa itu IPF? Soalannya hilang.

**Tuan M.G. Pandithan:** Indian Progressive Front.

**Tuan Ding Seling:** Teruskan.

**Tuan M.G. Pandithan:** Apabila saya telah dipecat daripada MIC atas tindakan tata tertib, saya telah berusaha untuk kembali ke pangkuan MIC, tetapi tidak dapat peluang kerana pintu itu ditutup dengan “air lock”. Jadi, saya tidak ada pilihan lain kerana begitu ramai penyokong yang terdiri dari golongan miskin. Itulah sebabnya untuk mendapat tempat di bawah Barisan Nasional, saya telah menubuhkan parti IPF dan kita berusaha dengan gigih untuk memasuki Barisan Nasional walaupun MIC.....

**Tuan Haji Abu Bakar bin Haji Ismail:** *[Bangun]*

**Tuan Ding Seling:** Yang Berhormat Tuan Haji Abu Bakar minta laluan.

Sila.

**Tuan Haji Abu Bakar bin Ismail:** Tuan Yang di-Pertua, saya ingin minta laluan. Saya ingin mendapat penjelasan daripada Yang Berhormat Tuan M.G. Pandithan. Tadi Yang Berhormat sebut Yang Berhormat dipecat kerana tindakan tata tertib. Saya ingin tahu apa jenis tindakan tata tertib yang menyebabkan Tuan M.G. Pandithan dipecat dan pihak mana yang memecat?

**Tuan M.G. Pandithan:** Tuan Yang di-Pertua, saya adalah seorang a complete teetotaler, saya tidak minum minuman keras. Saya tidak hisap rokok, tetapi walau bagaimanapun saya telah dipecat daripada MIC atas tata tertib. Saya tidak tahulah apakah tindakan itu?

**Tuan N. Marimuthu:** *[Bangun]*

**Tuan Ding Seling:** Seorang lagi minta laluan. Silakan Tuan N. Marimuthu.

**Tuan N. Marimuthu:** Tuan Yang di-Pertua, jangan sebut di sini minuman keras dan juga merokok. Ada juga saya cakap tidak salah, mungkin saya ada minum minuman keras atau merokok. Itu bukan ada kaitan dengan ucapan Yang Berhormat Tuan M.G. Pandithan. Saya membuat bantahan.

**Tuan Ding Seling:** Baiklah. Sila teruskan ucapan Yang Berhormat Tuan M.G. Pandithan.

**Tuan Yim Chee Cheong:** Tuan Yang di-Pertua, saya minta laluan. Kalau sekiranya pada satu hari kelak MIC menerima balik Yang Berhormat, kalau keadaan itu adakah niat saudara untuk membubarkan IPF masuk ke MIC

semula macam S46 akan dibubarkan dan ahli-ahlinya akan masuk UMNO supaya masyarakat India dapat bersatu padu di bawah satu panji MIC?

**Tuan M.G. Pandithan:** Tuan Yang di-Pertua, untuk menjawab Yang Berhormat Tuan T. Marimuthu...*[Disampuk]* ...oh, sorry. *[Ketawa]* Dia Dato' T. Marimuthu. N. Marimuthu. Saya berterima kasih kepada beliau. Dia mengakui beliau minum minuman keras. Tidak baiklah. Kita hapuskan dari meminum minuman keras ini.

**Tuan Ding Seling:** Yang Berhormat Tuan M.G. Pandithan sila teruskan ucapan.

**Tuan M.G. Pandithan:** Lagi menjawab soalan Yang Berhormat Tuan Yim Chee Cheong. Saya tidak berhajat untuk membubarkan IPF kerana soalnya bukanlah M. G. Pandithan, soal setengah juta orang ahli IPF terdiri daripada grassroots.

**Tuan Ding Seling:** Sila teruskan.

**Tuan M.G. Pandithan:** Tuan Yang di-Pertua, negara kita telah maju dalam semua bidang. Sehubungan ini, seluruh rakyat Malaysia haruslah berterima kasih kepada pucuk pimpinan UMNO. Saya sebagai Presiden IPF, parti kaum India yang mewakili setengah juta orang grassroots ini mengambil kesempatan ini untuk merakamkan jutaan terima kasih....

**Dato' T. Marimuthu:** *[Bangun]*

**Tuan Ding Seling:** Tuan M.G. Pandithan, Dato' T. Marimuthu bangun.

**Dato' T. Marimuthu:** Tuan Yang di-Pertua, saya ingin dapat penjelasan daripada Yang Berhormat Tuan M.G. Pandithan. Yang Berhormat telah mengatakan bahawa IPF mempunyai setengah juta ahli-ahli di dalam parti itu. Jumlah penduduk India adalah 1.6 juta orang. Jika Yang Berhormat Tuan M.G. Pandithan dan IPF mempunyai setengah juta ahli, MIC mempunyai 2,600 cawangan (branches) di seluruh Malaysia, jika 206,000 *[Ketawa]* 2,600 cawangan kita mempunyai 350,000 ahli. Kalau 850,000 menjadi ahli di kedua-dua parti ini, bagaimana baki penduduk India dibahagikan kepada parti-parti yang lain? Bagaimana? MIC adalah parti yang telah di'established' pada 50 tahun yang lalu dan kita mesti mempunyai ahli-ahli yang lebih. Saya tidak boleh terima Yang Berhormat Tuan M.G. Pandithan bahawa IPF mempunyai setengah juta ahli-ahli di IPF.

**Tuan M.G. Pandithan:** Terima kasih kepada Dato' T. Marimuthu. Saya mencabarlah, kalau MIC boleh membawa 300,000. Saya sanggup membawa setengah juta orang di mana-mana tempat. Saya boleh berkumpul!

**Tuan Ding Seling:** Yang Berhormat Tuan M.G. Pandithan, saya rasa cukuplah. Teruskan ucapan.

**Tuan M.G. Pandithan:** IPF mempunyai ahli, Tuan Yang di-Pertua, dan tiap-tiap cawangan mempunyai keahlian, bukan dari segi nama sahaja tetapi ada orang. *[Ketawa]*

**Tuan Ding Seling:** Sila teruskan.

**Tuan M.G. Pandithan:** Pengorbanan UMNO untuk mewujudkan sebuah negara yang aman damai dan makmur, yang dihormati dunia bukanlah sedikit. Pemimpin UMNO telah sanggup membahagikan kuasa pemerintahan dengan parti-parti komponen di Perikatan ataupun di Barisan Nasional. Ini adalah satu-satunya bukti kejujuran kepemimpinan UMNO. Pemimpin-pemimpin UMNO yang menerajui kerajaan telah memerintah dengan adil dan saksama. Proses pemerintahan yang adil dan saksama ini berlanjutan dalam pemerintahan.

Yang Amat Berhormat Dato' Seri Mahathir bin Mohamed berharap konsep pemerintahan ini akan berkekalan buat selama-lamanya. Pemimpin UMNO dan Perdana Menteri kita yang kita kasihi merupakan seorang tokoh politik yang disegani. Kewibawaan dan ketokohan beliau telah diakui oleh pemimpin-pemimpin dunia. Keberanian dan ketegasan beliau di arena politik antarabangsa telah mengangkat maruah dan martabat orang Melayu dan rakyat Malaysia setanding dengan bangsa-bangsa maju di dunia.

Wawasan 2020 yang diilhamkan oleh Yang Amat Berhormat Dato' Seri adalah kebanggaan setiap rakyat Malaysia. Visi dan misi jangka panjang ini mendorong rakyat Malaysia keseluruhannya supaya bekerja keras ke arah pembentukan masyarakat Malaysia yang dinamik dan proaktif. Kita telah melihat tiga orang Perdana Menteri yang memerintah negara ini tetapi saya melihat wajah dan ketokohan ketiga-tiga pemimpin itu di wajah Yang Amat



Berhormat Dato' Seri Dr. Mahathir bin Mohamed. Kecemerlangan prestasi negara yang kita alami sekarang adalah hasil titik peluh Yang Amat Berhormat Dato' Seri. Di bawah pentadbiran yang dinamik, negara telah maju di dalam semua bidang termasuk ekonomi, sosial, politik dan pendidikan.

Yang Amat Berhormat Timbalan Presiden UMNO, waris kepada Dato' Seri Dr. Mahathir Mohamed bukan calang-calang orangnya. Yang Amat Berhormat Dato' Seri Anwar bin Ibrahim, Asia's Best Economic Minister tetap mempunyai kekuatannya tersendiri dan dikagumi dunia.

**Tuan Haji Abu Bakar bin Ismail:** *[Bangun]*

**Tuan Ding Seling:** Yang Berhormat Tuan M.G. Pandithan, Yang Berhormat Tuan Haji Abu Bakar Ismail bangun.

**Tuan Haji Abu Bakar bin Ismail:** Tuan Yang di-Pertua, saya begitu kagum dengan Yang Berhormat Tuan M. G. Pandithan kerana dia menerangkan banyak hal UMNO dan kepimpinan. Adakah Yang Berhormat berhajat selepas ini untuk menerangkan kepada setengah juta ahli-ahlinya tentang kewibawaan pemimpin kita dan UMNO?

**Tuan M. G. Pandithan:** Saya pun sudah mulakan... *[Ketawa]*

Yang Amat Berhormat Timbalan Presiden UMNO waris pada Dr. Mahathir bukan calang-calang orangnya - Yang Amat Berhormat Dato' Seri Anwar bin Ibrahim 'Asia's the best Economy Minister' tetap mempunyai kekuatan yang tersendiri yang dikagumi dunia.

Kekuatan dan kemampuannya dianggap sebagai lanjutan daripada perjuangan dan pemikiran Yang Amat Berhormat Dato' Seri Dr. Mahathir bin Mohamad. Pendek kata karisma dan ketohohan Yang Amat Berhormat Dato' Seri Anwar bin Ibrahim tidak boleh dipertikaikan. Gandingan kedua-dua tokoh ini pasti akan mencorakkan pentas politik antarabangsa. Kedua-dua pemimpin ini mengabdikan diri mereka untuk kebaikan negara dan rakyat.

Kejayaan UMNO dan pemimpin UMNO harus dijadikan teladan oleh para pemimpin parti-parti lain di Malaysia. Syabas diucapkan kepada Presiden MCA Dato' Seri Ling Liong Sik dan Dato' Seri Dr Lim Keng Yaik, Presiden Gerakan kerana menyatu-padukan masyarakat Cina. Tetapi saya rasa sedih dan kecewa kerana masyarakat India masih berpecah-belah. Memang benar diperkatakan dengan izin, sometimes the Malays fight, many times the Chinese fight but every times the Indians fight. *[Ketawa]* Ini satu contohlah.....

**Tuan Ding Seling:** Silakan.

**Tuan N. Marimuthu:** You say every times, when? Where? Di mana tempat lawan? Mana ada fight? Ini mestilah golongan masyarakat India yang bergaduh atau yang lain-lain, tetapi bukan politic fight? Saya membantah 'Indian is fight', dengan izin.

**Tuan Ding Seling:** Tuan M.G. Pandithan, memandangkan ramai lagi yang hendak....

**Tuan M. G. Pandithan:** Tidak payah! Tidak payah!.....

**Tuan Ding Seling:** Tunggu sekejap! Memandangkan beliau ingin berucap, saya mohon supaya Tuan M. G. Pandithan teruskan ucapan.

**Tuan M.G. Pandithan:** Tak payah saya jawab, Tuan Yang di-Pertua. *[Ketawa]* Memang benar masyarakat India pada masa kini menjadi punca masalah sosial di tanah air kita. Sepuluh peratus penduduk keturunan India melakukan 30% jenayah keseluruhannya, 10% population, dengan izin, Tuan Yang di-Pertua - 10% population Indians committing 30% crimes in this country.

Tuan Yang di-Pertua, masyarakat India menghadapi pelbagai masalah, masalah politik, masalah ekonomi, masalah pendidikan dan masalah sosial. Dalam tempoh Rancangan Malaysia Keenam, ekonomi negara telah berjaya mengekalkan pertumbuhan yang lebih tinggi daripada yang dianggarkan. Malaysia telah mencapai pertumbuhan ekonomi melebihi 8% selama 8 tahun berturut-turut.

[Tuan Yang di-Pertua *mempengerusikan Mesyuarat*]

Pada tahun 1995 pertumbuhan ekonomi negara kita telah mencapai 9.5% pendapatan per kapita negara dianggarkan meningkat daripada 10,000 pada tahun 1995 kepada 11,000 pada tahun 1996, iaitu dengan peningkatan sebanyak 10%. Tetapi malangnya masyarakat India jauh ketinggalan daripada kekayaan negara kita. Pencapaian aktiviti masyarakat India adalah 0.9%

sahaja kurang daripada 1%. Inilah kedudukan masyarakat India dalam bidang ekonomi.

Kedudukan dalam bidang pendidikan pun begitu teruk. Pada tahun 1990 - 80% murid-murid sekolah Tamil gagal dalam UPSR dan pada tahun 1995 - 85% gagal dalam UPSR. Lebih dikesali ialah 10% masyarakat India melakukan 30% jenayah di negara kita. Baru-baru ini Mr. Bill Adern bekas Gabenor Australia telah mendakwa bahawa orang India di Malaysia bagaikan 'third poor Indians'. Semua ini berlaku kerana masyarakat India tidak mempunyai seorang pemimpin yang berkaliber, dinamik dan berwawasan.

**Tuan N. Marimuthu:** *[Bangun]*

**Tuan Yang di-Pertua:** Nanti, ada yang inginkan penjelasan.

**Tuan M.G. Pandithan:** Tidak beri.

**Tuan Yang di-Pertua:** Ya?

**Tuan M.G. Pandithan:** Sudah berapa kali beliau....

**Tuan Yang di-Pertua:** Sudah banyak? *[Ketawa]* Mungkin beliau hendak tahu....

**Tuan N. Marimuthu:** Satu kali sahaja beri saya peluang.

**Tuan Yang di-Pertua:** Nanti! Mungkin beliau ingin tahu siapakah pemimpin yang berwawasan itu. Sila.

**Tuan M.G. Pandithan:** Baik.

**Tuan N. Marimuthu:** Tuan Yang di-Pertua, kita ada pemimpin yang paling kuat dalam negara ini, bekas Gabenor Australia ini apa dia tahu?....

**Tuan Yang di-Pertua:** *[Ketawa]*

**Tuan N. Marimuthu:** Dia orang 'jealous'!

**Tuan Yang di-Pertua:** *[Ketawa]*

**Tuan N. Marimuthu:** Bukan dia kata kaum India tidak ada kestabilan di sini, dia kata government kita pun tidak ada stable, dengan izin.

**Tuan Yang di-Pertua:** Oh! begitu. Itu penjelasankah ataupun komen?

**Tuan M.G. Pandithan:** Komen!

**Tuan N. Marimuthu:** Ini penjelasan mengenai pemimpin kita MIC paling kuat, paling rajin, you tahu seorang menteri penuh telah duduk dan menjawab di sini, lagi apa mahu? Kaliber apa lagi?

**Tuan Yang di-Pertua:** Oh! ini satu kenyataanlah (statement)!

**Tuan N. Marimuthu:** Ya.

**Tuan Yang di-Pertua:** Sila Tuan M.G. Pandithan.

**Tuan M. G. Pandithan:** Tidak payah jawab ... *[Ketawa]*

**Tuan Yang di-Pertua:** Tidak jawab?

**Tuan M. G. Pandithan:** Tidak payah jawab...

**Tuan Yang di-Pertua:** *[Ketawa]* Baik.

**Tuan M. G. Pandithan:** Semua ini berlaku kerana masyarakat India tidak mempunyai seorang pemimpin yang berkaliber, dinamik dan berwawasan. Kerajaan .....

**Tuan Yang di-Pertua:** Ya, Tuan M. G. Pandithan.... [*Ketawa*]

**Tuan M. G. Pandithan:** Kerajaan telah....

**Dato' Dr. T. Marimuthu:** [*Bangun*]

**Tuan Yang di-Pertua:** Penjelasan dia minta. Saya ingat berilah kerana dia hendak minta penjelasan, Dato' Dr. T. Marimuthu. Tadi Tuan N. Marimuthu, ini Dato' Dr. T. Marimuthu, ada dua orang.

**Dato' Dr. T. Marimuthu:** Tuan Yang di-Pertua, saya masih ingat apabila Yang Berhormat Tuan M.G. Pandithan berada di pangkuan parti MIC....

**Tuan Yang di-Pertua:** Ya.

**Dato' Dr. T. Marimuthu:** ..... beliau telah memuji Yang Berhormat Dato' Seri S. Samy Vellu sebagai seorang pemimpin yang berkaliber, berwawasan, inovatif, kreatif dan sebagainya. Saya minta Yang Berhormat Tuan M. G. Pandithan membantah kenyataan saya.

**Tuan Yang di-Pertua:** Sila.

**Tuan M. G. Pandithan:** Tidak. Kerajaan tidak boleh disalahkan kerana masyarakat India 'third poor' ini, sebenarnya kerajaan menyalurkan bantuan kepada masyarakat India di sini, namun bantuan yang disalurkan tidak

sampai ke tangan orang yang memerlukannya, sebaliknya sekumpulan yang mendakwa sebagai pembela kaum India merampas semua....

**Tuan Yang di-Pertua:** Semua apa itu?

**Tuan M. G. Pandithan:** ..... subsidi-subsidi yang diberi oleh kerajaan dan bantuan-bantuan yang diberi oleh kerajaan kepada orang-orang miskin tidak sampai...

**Tuan N. Marimuthu:** *[Bangun]*

**Tuan Yang di-Pertua:** Ya, baik. Sekarang Tuan N Marimuthu hendak penjelasan lagi.

**Dato' Dr. T. Marimuthu:** *[Bangun]*

**Tuan Yang di-Pertua:** Bukan 'Dato'' tetapi 'Tuan' sana.

**Dato' Dr. T. Marimuthu:** Oh!

**Tuan N. Marimuthu:** Tuan Yang di-Pertua, 'merampas semua' apa itu? Berilah bukti di sini! Siapa pemimpin itu? Sebut nama dia! Ini sahaja, terima kasih. *[Ketawa]*

**Tuan Haji Abu Bakar bin Haji Ismail:** *[Bangun]*

**Tuan Yang di-Pertua:** Ya. Yang Berhormat minta jalan.

**Tuan Haji Abu Bakar bin Haji Ismail:** Yang Berhormat Tuan M.G. Pandithan menyebutkan 10% menimbulkan 30% jenayah, saya bimbang dalam Dewan ini 10% menimbulkan perbincangan yang agak memakan masa.

**Tuan Yang di-Pertua:** Sila Tuan M.G. Pandithan.

**Tuan M. G. Pandithan:** Apabila saya sebut 10% commit 30% jenayah,...

**Tuan Yang di-Pertua:** Jenayah.

**Tuan M. G. Pandithan:** Ya, jenayah. Saya cakap dengan factlah. Ini kerana disebut oleh Yang Berhormat Timbalan Menteri Dalam Negeri (Dato' Megat Junid bin Megat Ayob) dalam seminar yang telah dianjurkan oleh IPF.

Yang Amat Berhormat Dato' Seri Dr. Mahathir telah menyatakan untuk membantu masyarakat India, kerajaan telah menawarkan saham-saham dalam Syarikat TV3, Syarikat Telekom dan banyak syarikat yang telah diswastakan. Apa sudah jadi kepada saham-saham itu? Hanya Tuhan sahaja tahu!

**Tuan Yang di-Pertua:** God only knows.

**Tuan M.G. Pandithan:** God only knows.

**Tuan Yang di-Pertua:** Itu bahasa Inggeris cakap. Sila.

**Tuan M.G. Pandithan:** Apabila saya telah menjadi Naib Presiden MIC, saya telah mengutip sebanyak 5 juta saham untuk MAIKA Holdings daripada 22,000 orang miskin. Lebih kurang 66,000 orang India telah membantu MAIKA Holdings dan membeli sebanyak RM130 juta saham. Pemegang saham dalam MAIKA Holdings majoritinya adalah daripada golongan miskin. Mereka tidak tahu apa terjadi kepada RM130 juta itu, semua liquid cash. Mereka tidak berani bertanya kerana merasa takut. Minggu yang lalu MAIKA Holdings telah.....



**Tuan N. Marimuthu:** *[Bangun]*

**Tuan Yang di-Pertua:** Tuan Marimuthu minta penjelasan lagi. Sila.

**Tuan N. Marimuthu:** Tuan Yang di-Pertua, saya ialah seorang Ahli MAIKA Holdings, baru-baru ini saya telah pun bermesyuarat. MAIKA Holdings ialah satu syarikat yang paling besar bagi masyarakat kaum India. Tuhan sahaja tahu semua - jangan sebutlah 'Tuan' punya nama. 'Tuan' tidak ada di sini.

**Tuan Yang di-Pertua:** Bukan Tuan, Tuhan.

**Tuan N. Marimuthu:** Tuhan. Jangan sebut Tuhan punya nama di sini. Itu sahaja.

**Tuan Yang di-Pertua:** Sila.

**Tuan M.G. Pandithan:** Mereka tidak berani bertanya kerana mereka merasa takut. Minggu yang lalu - itu disebut oleh Dr. Marimuthu. Minggu yang lalu MAIKA Holdings telah mengadakan share holders meeting di Hotel Istana. Daripada 66,000 orang pemegang saham, kurang daripada 500 orang hadir. Dan apabila seorang pemegang saham bertanya tentang akaun, beliau telah diugut dan dihentam dalam share holders meeting itu. Saya rasa kesal dan kecewa kerana pucuk pimpinan MIC, Dato' Seri S. Samy Vellu terlibat dalam pergaduhan itu. TV3 telah siarkan dalam Berita Perdana. Ini mencemarkan maruah dan martabat kerajaan kerana Dato' Seri Samy Vellu adalah seorang Menteri Kabinet senior. Beliau harus mengawal perasaannya.

Saya harap pihak berkuasa siasat dengan terperinci kejadian itu.....

**Dato' Dr. T. Marimuthu:** *[Bangun]*

**Tuan Yang di-Pertua:** Yang Berhormat, Dato' Marimuthu bangun pula. *[Ketawa]* Beliau ingin penjelasan.

**Dato' Dr. T. Marimuthu:** Apa yang dikatakan oleh Yang Berhormat Tuan M.G. Pandithan tidak benar, oleh kerana beliau tidak hadir, tetapi saya hadir dalam mesyuarat itu. Yang pertama, mengenai saham, apakah yang terjadi mengenai MAIKA Holdings. Aset MAIKA Holdings sekarang adalah RM2.00 dan mereka telah declare dividen sebanyak 8%. Mengenai pergaduhan, Dato' Seri S. Samy Vellu tidak terlibat dalam kejadian itu. Jika TV3 menyiarkan perkara itu, saya tidak tahu bagaimana mereka.....

**Tuan Yang di-Pertua:** Editkan.

**Dato' Dr. T. Marimuthu:** ....edit, ataupun terlibat dalam perkara itu. Oleh kerana saya menghadiri mesyuarat itu, saya tahu, dan saya boleh janji bahawa Dato' Seri S. Samy Vellu tidak terlibat dalam perkara itu.

**Tuan Yang di-Pertua:** Sila Tuan Pandithan.

**Tuan M.G. Pandithan:** Saya ada gambar *[Ketawa]* ada disiarkan dalam surat khabar Tamil.

**Dato' Dr. T. Marimuthu:** Gambar boleh bohong. *[Ketawa]*

**Tuan M.G. Pandithan:** Yalah gambar boleh bohong. Itulah disebut oleh D.P. Vijandran yang berlakon dalam blue film itu. *[Ketawa]*

Tuan Yang di-Pertua,.....

**Dato' Dr. T. Marimuthu:** Tuan M.G. Pandithan menyokong.....

**Tuan Yang di-Pertua:** Nanti, dua bercakap. Dato' Marimuthu. Ya, sila. Minta penjelasan lagi? Sila.

**Tuan N. Marimuthu:** Tuan Yang di-Pertua, Vijandran bukan ada di sini. Kes ini dalam court, belum mengambil keputusan apa-apa. Janganlah sebut orang bukan ada di sini namanya. Kalau tidak ada bukti, jangan cakaplah. Kalau Tuan Yang di-Pertua tadi cakap, sedikit masuk, lebih masuk *[Ketawa]* Inilah jadinya.

**Tuan M.G. Pandithan:** Tuan Yang di-Pertua, apa yang saya ingin memberitahu kepada Dewan ini apabila saya telah dipecat daripada MIC atas tindakan tatatertib, Yang Berhormat Marimuthu berkata, kes Vijandran masih dalam court. Tetapi ini Court of Appeal, beliau pun sudah didenda RM2,000 dan satu bulan jail. Tidak beliau belum dipecat daripada MIC. Tetapi saya hanya membawa kerandalah. *[Ketawa]*

**Tuan Yang di-Pertua:** Saya ingat Tuan Pandithan bukan sahaja membawa keranda, tetapi masuk dalam kerandakah? *[Ketawa]*

**Tuan M.G. Pandithan:** Ya. Sebab saya mati dalam keranda itu. Tapi saya diselarkan dan dipecat terus daripada MIC.

Tuan Yang di-Pertua, ini semua saya kata untuk memaklum kepada semua Ahli Yang Berhormat. Ini hanya satu side of the story diberitahu kepada

umum. The other side of the story nobody knows. Only Pandithan know, *[Ketawa]* and God knows. *[Ketawa]*

**Tuan Yang di-Pertua:** Cuba sebut dalam Bahasa Malaysia.

**Tuan M.G. Pandithan:** Ya.

**Tuan Yang di-Pertua:** Cuba sebut dalam Bahasa Malaysia.

**Tuan M.G. Pandithan:** Apa itu, Tuan Yang di-Pertua?

**Tuan Yang di-Pertua:** Tadi Yang Berhormat sebut dalam bahasa Inggeris. Cuba sebut dalam Bahasa Malaysia untuk ...

**Tuan M.G. Pandithan:** Tuhan tahu. Hanya Tuhan tahu.

**Tuan Hanifah bin Ahmad:** *[Bangun]*

**Tuan Yang di-Pertua:** Sila Tuan Hanifah.

**Tuan Hanifah bin Ahmad:** Tuan Yang di-Pertua, saya daripada UMNO. Saya agak benda-benda yang ditimbulkan ini membawa banyak manfaat kepada Ahli Yang Berhormat yang berada dalam Dewan. Walau macam mana sekali pun, saya ingin mendapat penjelasan bilakah sebahagian lagi Yang Berhormat Tuan Pandithan akan maklumkan kepada masyarakat?

**Tuan Yang di-Pertua:** Itu yang Tuan Pandithan sebut dalam bahasa Inggeris tadi.

**Tuan M.G. Pandithan:** Tuan Yang di-Pertua, ini sudah ada satu jawapan oleh Yang Berhormat Dato' Seri S. Samy Vellu. Ini akan ambil masa tiga tahun kalau saya mahu beritahu separuh lagi.

Sebelum saya mengakhiri ucapan saya sebagai Presiden IPF, saya merayu kepada pucuk pimpinan UMNO dan Barisan Nasional membuka pintu Barisan Nasional kepada IPF ini supaya masa depan kita untuk ahli-ahli IPF dan lebih setengah juta ahli ini terkawal, terselamat dan terjamin. UMNO,

MCA, Gerakan dan parti-parti Sabah dan Sarawak bersimpati dengan hasrat IPF menyertai Barisan Nasional. MIC menjadi satu-satunya batu halang untuk usaha-usaha IPF menyertai Barisan Nasional. Ini adalah kerana wujudnya consensus. Pada zaman moden ini sistem consensus menjadi old and obsolete, dengan izin. Sistem ini boleh dianggap kuasa veto yang digunakan oleh U.N. Security Council. Sistem ini tidak sesuai kepada negara kita yang mengamalkan sistem Demokrasi Berparlimen.

Banyak perubahan politik sedang berlaku dan untuk kebaikan suasana politik, marilah kita semua terutamanya Ahli-ahli UMNO menghapuskan sistem consensus. Akhirnya saya serahkan masa depan setengah juta orang India terdiri dari golongan grassroots dan miskin kepada kebijaksanaan Dato' Seri Dr. Mahathir. Mereka adalah pengundi yang besar. Sekian terima kasih.

**Tuan Yang di-Pertua:** Sila Puan Kamilia.

**6.11 ptg.**

**Puan Kamilia binti Ibrahim:** Tuan Yang di-Pertua, saya berdiri untuk menyertai Usul Menjunjung Kasih Titah Ucapan Baginda Yang di-Pertuan Agong yang telah merasmikan pembukaan Penggal Persidangan Parlimen baru-baru ini. Syabas dan tahniah kepada kerajaan yang telah berjaya meletakkan negara di peta dunia setaraf sebuah negara yang menunjang pembangunan di pesisiran Pasifik dan menerajui kebangkitan satu tamadun sejagat kepada manusia. Satu tamadun yang mengimbangi pembangunan fizikal dan rohani.

Malik bin Nabi berpendapat tamadun adalah produk idea asas yang melangsungkan ke arah masyarakat pratamadun yang membawanya ke peringkat sejarah. Sesuatu masyarakat akan mula membina sistemnya berdasarkan sesuatu idea asas tersebut. Sejarah juga menunjukkan sistem tamadun barat adalah berdasarkan idelism agama Kristian dengan renaissance dan ahli-ahli falsafah seperti Socrates, Plato dan Aristotle. Putaran tamadun Islam pula menggambar reformasi syariah dalam konteks keadilan, ekuiti dan moral, politik musyawarah, keseimbangan alam sekitar, moraliti dan ekuiti dan pembangunan dalam satu rangka ilmu dan sistem yang mempertahankan kepentingan awam. Sepertimana Toynbee berpendapat bahawa sistem ketamaduan akan bergantung kepada bagaimana manusia bertindak terhadap cabaran sebagai satu organisasi yang bergerak bersama. Tamadun memerlukan satu, dengan izin, driving force, untuk menjayakan aspirasinya.

Tuan Yang di-Pertua, dalam konteks ini Malaysia dengan pertumbuhan ekonominya di tahap 9.6% dan perkapitan RM11,000 setahun sektor pembuatan - 13.2% dan sektor perkhidmatan 8% telah berjaya merealisasikan idea wawasan dari segi fizikal - tahniah diucapkan kepada kerajaan walaupun kita tidak dapat nafikan bahawa masih banyak pengisian yang perlu dilakukan. Persoalannya kini, adakah keseimbangan rohani dan fizikal telah tercapai dan satu sistem tamadun yang berbeza dari industrialisation, dengan izin, Barat yang terwujud. Sesungguhnya jika ramai yang mahukan alternatif kepada

tamadun Barat, kita akan dapat mengenal pasti bahawa Wawasan 2020 adalah membawa kepada satu ketamadunan manusia yang baru, pembangunan dalam acuan Malaysia. Di sini kita perlu melihat apakah driving force yang akan membawa kepada pembaharuan dan pembangunan tersebut.

Kita bersyukur kerana negara kita aman. Kerana bukan semua negara di dunia menikmati keamanan seperti yang kita kecapai sekarang. Kita bersyukur rakyat kita taat setia kepada negara, dengan kepimpinan yang bijaksana dan matang. Kita juga bersyukur kerajaan yang diterajui oleh UMNO, sebuah parti yang berjaya dikenali sebagai satu parti yang tertua di dunia telah bertindak menerapkan nilai sejagat yang berteraskan agama sebagai neracaimbangan pembangunan dan rohaniah.

Tuan Yang di-Pertua, semangat kesetiaan kepada negara akan menjamin kepada perpaduan dan kestabilan politik. Kesetiaan rakyat perlu dipupuk secara serius dan tidak seharusnya dibiarkan terpupuk sendiri. Rakyat perlu disedarkan tentang takrif, maksud dan peranan negara bangsa. Kefahaman dan penghayatan kewarganegaraan hanya akan wujud dengan lahirnya kefahaman dan silaturrahim yang kukuh di kalangan rakyat.

Ini dapat dipertingkatkan dengan program-program nasionalis yang perlu ditayangkan di kaca TV dan juga lagu-lagu yang lebih bersemangat. Contohnya, lihat bagaimana negara-negara maju yang menaikkan semangat kebangsaannya dengan menggunakan lagu-lagu dan program-program di TV.

Kita perlu mengurangkan lagu-lagu yang mendayu-dayu yang hanya melemahkan semangat dan tayangan-tayangan gambar yang tidak membangkitkan nilai-nilai murni dan patriotisme malah hanya merupakan program yang melalaikan. Contohnya, sejarah UMNO perlu diulang sebanyak kali mungkin di kaca TV supaya ia dapat dihayati dan di apresiasi dan dapat membina insan warganegara jati. Ikatan kesetiaan dan perpaduan akan dapat dilahirkan dengan kefahaman dan kemesraan, sifat bertanggungjawab dan agihan tugas dan fungsi yang nyata dan jelas di peringkat diri, keluarga, ahli masyarakat dan sebagai warganegara.

Tuan Yang di-Pertua, untuk mencapai matlamat mewujudkan warganegara dalam ertikata yang dapat membina sebuah negara bangsa, sambil saya menyokong usaha memperkukuhkan institusi keluarga saya mencadangkan keluarga akan kukuh jika ikatan melayani tugas dan tanggungjawab ahli-ahli keluarga dapat diagihkan dan dilaksanakan. Kita faham dan sedar bahawa tugas dan tanggungjawab sebagai ahli keluarga itu adalah kerana negara memerlukan pekerja sepenuhnya termasuk juga tenaga ibu-ibu. Sumber tenaga wanita hanya dapat digunakan sepenuhnya jika infrastruktur wujud, yang membolehkan wanita bekerja dan dalam masa yang sama akan dapat terus memastikan tugas dan tanggungjawab sebagai ibu dan isteri dapat dilaksanakan. Saya mencadangkan di bawah Program Pembangunan Sosial Negara yang telah dibentangkan di dalam Titan Ucapan Seri Paduka Baginda



Yang di-Pertuan Agong yang akan dilaksanakan, badan induk pembangunan sosial hendaklah mengadakan satu kajian dan penyelidikan yang menyeluruh. Saya percaya sudah ada kajian yang dibuat oleh SERU, contohnya, yang boleh digunakan. Ini adalah untuk menggabung dan menyelaraskan program mengenai belia, wanita dan kaum lelaki agar dikaitkan dengan konsep keluarga.

Untuk maksud masa ini saya mencadangkan:

- (i) takrif keluarga diberi makna yang luas dan perlu meliputi ahli masyarakat, terutama jiran tetangga. Mungkin dalam satu kawasan perumahan kita perkenalkan konsep keluarga iaitu satu kumpulan 10 keluarga atau lebih akan digabungkan dan dipanggil dengan apa yang dipanggil konsep “Kewarga”. Ahli keluarga tersebut akan dipertugas dan dipertanggungjawabkan ke atas setiap ahli keluarga dalam kelompok tersebut. Antara lain, kumpulan ini akan dapat mengawal kegiatan ahli-ahlinya terutama anak-anak dari yang kecil hingga yang remaja. Ini bermakna tanggungjawab ibu bapa akan dapat bersama dipikul oleh jiran-jiran dan seterusnya memupuk perpaduan;
- (ii) undang-undang pekerjaan yang akan dikaji semula hendaklah disesuaikan untuk membolehkan wanita dan lelaki ditakrif sebagai bekerja dalam konteks kekeluargaan. Dengan

peruntukan-peruntukan undang-undang yang membenarkan pekerja bekerja dalam tempoh masa yang tertentu, contohnya, waktu bekerja pejabat diubah mengikut waktu sekolah, iaitu jika ianya dua sesi, pekerja lelaki dan wanita boleh memilih sesi yang berkaitan. Saya berpendapat, flexibiliti waktu kerja sepertimana yang dicadangkan perlu dikaji dari aspek majikan agar tidak menjejaskan prestasi kerja dan produktiviti;

- (iii) penguatkuasaan undang-undang keluarga perlu juga dikaji terutama dari aspek prosedur penceraian dan pembayaran nafkah. Perkara ini bukanlah satu isu baru malah telah berulang kali disebut. Bahkan pihak kerajaan juga telah berjanji untuk mengatasi masalah ini dengan penyelarasan undang-undang keluarga di seluruh negara.

Saya mencadangkan untuk memastikan nafkah anak-anak dan isteri-isteri yang ditinggalkan oleh suami ataupun dicerai, tindakan tegas perlu diambil ke atas para suami yang gagal menunaikan tanggungjawabnya. Contohnya, si suami yang membuat kesalahan bolehlah tidak dibenarkan memperbaharui lesen memandu sekiranya mereka didapati gagal menunaikan tanggungjawab tersebut. Bolehlah kita kaitkan dengan kes-kes lain yang bekerjasama pihak JPJ.

**Dato' Haji Mohd. Zuki bin Kamaluddin:** *[Bangun]*

**Tuan Yang di-Pertua:** Ada yang minta laluan.

**Dato' Haji Mohd. Zuki bin Kamaluddin:** Tuan Yang di-Pertua, bagaimana kalau perkara itu dari segi perempuan pula - pihak isteri?

**Tuan Yang di-Pertua:** Sila Puan Kamilia.

**Puan Kamilia binti Ibrahim:** Tuan Yang di-Pertua, dalam hal undang-undang, Yang Berhormat Dato' Haji Mohd. Zuki, kita tidak ada diskriminasi. Wanita juga banyak memandu dan ianya akan terpakai kepada wanita tetapi masalahnya wanita tidak akan bersalah kerana tidak membayar nafkah, sebab tanggungjawab itu adalah kepada orang lelaki.

**Tuan Yang di-Pertua:** Yang Berhormat Dato' Haji Mohd. Zuki, sudah berpuas hati dengan jawapan yang diberikan itu?

**Dato' Haji Mohd. Zuki bin Kamaluddin:** Tuan Yang di-Pertua, saya tidak tanya berkenaan nafkah tadi ....

**Tuan Yang di-Pertua:** Nafkah apa itu?

**Dato' Haji Mohd. Zuki bin Kamaluddin:** Dia bawa ke nafkah itu.

*[Ketawa]*

**Puan Kamilia binti Ibrahim:** Tetapi masalah yang ditimbulkan ialah tentang pembayaran nafkah. Bolehkah saya sambung?

**Tuan Yang di-Pertua:** Ya.

**Puan Kamalia binti Ibrahim:** Tuan Yang di-Pertua, dalam semua pendekatan yang dibuat untuk memantapkan institusi kekeluargaan *modus operandi* harus diambil hendaklah berasaskan integrasi iaitu tidak mengasingkan konsep keluarga, wanita, kaum lelaki dan belia. Satu penyelidikan dan kajian perlu dibuat bagi perkara di atas kerana ianya saling kait-mengait di antara satu sama lain dan apa yang lebih penting ianya menjurus ke arah matlamat yang sama iaitu pembentukan satu institusi kekeluargaan yang mantap dan harmoni.

Mungkin boleh dipertimbangkan Kementerian Perpaduan Negara dan Pembangunan Masyarakat diubah untuk dinamakan sebagai Kementerian Kewarganegaraan dan Kekeluargaan yang berfungsi merangka program-program yang mengukuhkan institusi kekeluargaan, mengurangkan masalah-masalah sosial yang berpunca daripada keluarga yang bermasalah seterusnya merancang aktiviti-aktiviti dan projek-projek yang mampu melahirkan warganegara yang taat setia kepada negara.

Tuan Yang di-Pertua, keperluan asas rakyat yang cukup merupakan salah satu perkara yang dapat mengekalkan kesetiaan dan perpaduan rakyat sesebuah negara. Peluang ekonomi di dalam pelbagai sektor perlu diperbanyakkan untuk menggalakkan golongan bumiputera melibatkan diri mereka. Begitu juga peluang dan pilihan untuk memiliki tempat tinggal perlu dipelbagaikan bukan hanya tertumpu kepada pembinaan rumah kos rendah,

tetapi juga dicadangkan supaya kerajaan memikirkan cara hidup berk komuniti iaitu konsep berkongsi kemudahan asas tetapi disesuaikan tarafnya mengikut kemampuan individu yang terlibat.

Ini bermakna bahawa kita perlu menyediakan tanah dan menyediakan infrastruktur dan keperluan asas bagi pembinaan tempat-tempat tinggal bagi mereka yang tidak mempunyai tempat tinggal, mungkin ini akan dapat mengatasi masalah tentang pembinaan rumah kos rendah yang tidak dapat menepati kehendak-kehendak sebuah rumah yang sepatutnya dan juga kita mungkin dapat mengatasi banyak masalah bagi membolehkan mereka yang sepatutnya mendapat rumah kos rendah.

Saya juga mencadangkan dalam konteks pemilikan tempat tinggal ini, semakan yang terperinci dibuat terutamanya dalam undang-undang berkaitan dengan jual-beli rumah disemak untuk memastikan kepentingan pembeli terjamin seadil mungkin.

Tuan Yang di-Pertua, kerana kebanyakan kes-kes penganiayaan dalam jual-beli rumah ini adalah melibatkan mereka yang mempunyai pendapatan yang rendah.

Tuan Yang di-Pertua, satu isu kritikal yang tidak harus dipandang dengan sebelah mata oleh semua pihak dewasa ini ialah masalah tenaga buruh dan kebanjiran tenaga buruh dari negara luar yang mengisi kekurangan tenaga kerja di negara kita. Kerajaan seharusnya berusaha meningkatkan institusi

penyelidikan dan latihan dan menyelinkapkan mobiliti buruh. Ini dapat dibuat dengan memperbaiki sistem maklumat pasaran buruh.

Memandangkan dunia kian mengecil dan iltizam muda-mudi kita yang agak kurang cenderung kepada kerja-kerja buruh, saya mencadangkan kerajaan bertindak ke arah keperluan serantau, dengan izin, regional needs, yakni mengenal pasti keperluan buruh di negara serantau, contohnya, Thailand, Indonesia, Filipina, Brunei dan Singapura dan memberi latihan kepada muda-mudi kita dalam bidang-bidang yang berkenaan sebagai bekalan tenaga buruh mahir dan terlatih untuk menembusi pasaran serantau dan seterusnya mengadakan sistem maklumat tenaga kerja serantau dan mewujudkan satu sistem mekanisme tenaga buruh untuk dapat bertukar tenaga kerja di semua lapisan serantau.

Kita wujudkan satu jenis peace corps pekerja, dengan izin, ini juga mungkin boleh disamakan dengan apa yang dibuat di bawah Treaty of Rome oleh European Union. Ini bukan sahaja dapat mengatasi masalah tenaga buruh, mengurangkan pengangguran malah dapat menyediakan pekerjaan yang diminati oleh golongan belia, berlandaskan kemahiran teknikal dan sebagainya.

Pertukaran dan pengaliran kemahiran dari sebuah negara ke sebuah negara yang lain tentunya dapat meningkatkan lagi tahap profesionalisme buruh. Ini juga akan menambahkan kerjasama serantau dan perpaduan dalam kita menuju ke arah dunia tanpa sempadan.

Tuan Yang di-Pertua, tenaga buruh luar yang dibawa masuk untuk menampung keperluan pembangunan negara kita perlu juga diberi perhatian, agar mereka sebagai manusia dilayan atas dasar keperimaniaan. Jika kita tidak berperikemaniaan terhadap mereka tentu juga tindak balas mereka terhadap kita sedemikian.

Justeru itu, saya mencadangkan satu organisasi seperti Perkim ditubuhkan untuk menjaga hal ehwal mereka terutama dari segi moral dan masalah sosial. Pertubuhan ini hendaklah dianggotai oleh pekerja-pekerja sukarela dan diharapkan dengan adanya pertubuhan yang begini, nasib pekerja-pekerja asing ini dapat dibela dan dapat diawasi oleh negara melalui pekerja-pekerja sukarela dan melalui organisasi yang mendapat pengiktirafan dari pihak kerajaan.

Saya percaya konsep sukarela yang dipupuk dengan cara serius oleh kerajaan akan memupukkan pula satu perhubungan yang lebih baik dengan buruh-buruh luar ini yang kita tahu merupakan masalah sosial kepada kita. Oleh itu, kerajaan diharapkan akan memandang serius perkara ini dan membuat perancangan yang sistematik melalui mana-mana badan atau jawatankuasa induk pembangunan agar semua lapisan masyarakat dan peringkat keluarga di rumah hingga ke peringkat sekolah, kolej, universiti, pekerja dan majikan dapat sama-sama melibatkan diri dalam usaha-usaha sukarela begini.

Keikhlasan dan kejujuran kerja sukarela bukan sahaja dapat melahirkan satu ‘caring society’, dengan izin, malah negara akan mencapai tahap ketamadunan yang tinggi.

Tuan Yang di-Pertua, tanpa sistem pendidikan yang mantap, negara tentunya akan kecundang, penguasaan ilmu yang tinggi adalah prasyarat utama tamadun yang bererti. Justeru itu, tindakan positif perlu diambil dan dilihat dari akar umbi.

Dalam bidang pendidikan, saya juga ingin mencadangkan kita mempercepatkan penjurusan bagi kanak-kanak dengan umur mula sekolah formal dimulakan pada usia lima tahun dan pada peringkat usia 12 tahun kanak-kanak tersebut kelak dijuruskan kepada bidang kemahiran.

Saya difahamkan bahawa perkara ini dipraktikkan di Jerman dan juga di negara-negara industri yang lain.

Dengan itu, kita dapat mempercepatkan proses penyediaan tenaga mahir. Adalah disarankan Kementerian Pendidikan dapat memberi tumpuan yang lebih tinggi kepada aspek latihan dan teknikal yang mana program-program khusus boleh diselaraskan dengan Kementerian Sumber Manusia.

**Tuan Yang di-Pertua:** Puan Kamilia, saya ingat boleh sambung esok ya?

**Puan Kamilia binti Ibrahim:** Okay, terima kasih, Tuan Yang di-Pertua.



**Tuan Yang di-Pertua:** Ahli-ahli Yang Berhormat, persidangan ini ditangguhkan sehingga jam 2.30 petang esok.

*Dewan ditangguhkan pada pukul 6.30 petang.*